



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Mengalu-alukan Ahli Baru	(Halaman 1)
- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman 2)
- Memperkenalkan Akta-akta	(Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 4)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 58)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011	(Halaman 70)
Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011	(Halaman 84)
Rang Undang-undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011	(Halaman 87)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan I*
9. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah – *Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
21. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
22. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
23. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
25. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
26. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
27. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
28. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
29. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
30. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
31. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
32. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
33. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

34. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
45. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
48. “ Dato' G. Palanivel - *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II*
49. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
50. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
51. “ Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
52. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
53. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
54. “ Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
55. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
56. “ Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
57. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
58. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
59. “ Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
60. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
61. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
62. “ Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
63. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
64. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
65. “ Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 7 Disember 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu
- Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dimuliakan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan dua orang lagi Ahli Dewan yang mulia ini yang baru seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Lihan Jok;

Seperti mana yang telah dilafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, ingin saya mengingatkan juga dan sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat khususnya kepada mereka berdua sebentar tadi bahawa kita semua hendaklah betul-betul berazam untuk memahami, menghayati dan mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Semua kita sedia maklum Perlembagaan Malaysia adalah satu ibu kepada undang-undang negara ini. Janganlah sekali-kali kita langgar dan mengingkari sumpah dan ikrar setia yang telah kita semua lafazkan.

■1010

Sangatlah penting dan mustahak supaya Yang Berhormat sentiasa membaca, memahami dan mempraktikkannya dengan penuh kebijaksanaan perkara-perkara dua dokumen penting iaitu perlembagaan negara dan peraturan mesyuarat Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah Malaysia, memahami, menghayati dan mempraktikkannya semasa berucap atau berbahas, tentu sekali melambangkan sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang berwibawa serta dihormati. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengingatkan diri saya dan juga semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini agar marilah kita sama-sama berazam untuk memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara yang mulia ini supaya dianggap sebagai satu Dewan yang tertinggi dalam negara, bermaruah, berkualiti, berkredibiliti dan berintegriti serta yang betul-betul mempunyai satu iltizam dan komitmen kepada kepentingan negara Malaysia yang tercinta.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah sudah Majlis Angkat Sumpah kita pada hari ini. Sekian, *wabillahittaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Majlis Mesyuarat 4(3) saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 18 Julai 2011;

1. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar.

Pada 22 Ogos 2011:

1. Yang Berhormat Datuk Chiu Tiang Chai.
2. Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam.
3. Yang Berhormat Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal.

Pada 6 September 2011:

1. Yang Berhormat Tuan Baharuddin bin Abu Bakar.

Pada 2 November 2011:

1. Yang Berhormat Jaspal Singh a/l Gurbakhes Sing.
2. Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng.
3. Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai.

Pada 6 November 2011

1. Yang Berhormat Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu.
2. Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut;

1. Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011;
2. Akta Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011;
3. Akta Maktab Kerjasama Perbadanan (Pindaan) 2011,
4. Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011;
5. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011;
6. Akta Perbekalan Tambahan (2011)2011;
7. Akta Institut Sukan Negara 2011;

8. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2011;
9. Akta Perihal Dagangan 2011;
10. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan)(Pindaan) 2011;
11. Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2011;
12. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2011;
13. Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011;
14. Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan)(Pindaan) 2011;
15. Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2011;
16. Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011;
17. Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"1 Disember 2011

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011;
2. Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011;
3. Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010;
4. Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011;
5. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011;
6. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011;
7. Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011;
8. Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011;
9. Rang Undang-undang Veteran 2011;

10. Rang Undang-undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011;
11. Rang Undang-undang Buang Negeri (Pemansuhan) 2011;
12. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011;
13. Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011;
14. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011;
15. Rang Undang-undang Perbekalan 2012;
16. Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011;
17. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011;
18. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011;
19. Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa, Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011;
20. Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011;
21. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) No.2 2011;
22. Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011;
23. Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan)(Pindaan) 2011;
24. Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011;
25. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011;
26. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011;
27. Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011;
28. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2011; dan
29. Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan, secara terperinci perancangan kementerian untuk memastikan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) mencapai kejayaan.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran PnP itu sendiri dan keupayaan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah.

■1020

Secara umumnya MBMMBI yang diperkenalkan adalah untuk memastikan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di kalangan murid dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Justeru, kementerian telah sedang melaksanakan pelbagai usaha dan strategi bagi meningkatkan kemahiran dan penguasaan bagi kedua-dua bahasa berkenaan termasuklah:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Dasar MBMMBI yang bertanggungjawab sepenuhnya menjayakan dasar tersebut yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran sendiri;
- (ii) melakukan transformasi kurikulum dengan melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011 iaitu tahun ini bagi tahun satu bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah atau (KBSR) dan mengubah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi menggantikan kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang sedang dilaksanakan;
- (iii) melalui KSSR ini, pendekatan *modular* asas berbahas *back to basic* serta elemen didik hibur, *fun learning* diperkenalkan;
- (iv) penambahan waktu sebanyak antara 30 hingga 90 minit untuk mata pelajaran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di tahap satu dan tahap dua di sekolah rendah. Ini memberi penambahan masa kepada pembelajaran mata pelajaran bahasa Inggeris sebanyak 300 minit seminggu untuk sekolah kebangsaan dan 150 minit seminggu bagi sekolah jenis kebangsaan;
- (v) membawa masuk 375 penutur jati bahasa Inggeris dari luar negara untuk melaksanakan program peningkatan profesionalisme pensyarah dan guru bahasa Inggeris. Dari jumlah tersebut 360 penutur jati dilantik sebagai mentor kepada guru bahasa Inggeris bagi 1,800 buah sekolah rendah. Manakala 15 lagi akan dilatih sebagai *training fellow* di lima buah Institut Pendidikan Guru (IPG);

Antara KPI yang ditetapkan dalam program ini adalah 75 jam sesi input profesion bagi setiap guru. *Mentoring* secara individu serta latihan dan bengkel. Program ini sedang berlangsung dan hampir setahun dilaksanakan. Pemantauan awal menunjukkan bahawa penglibatan guru dan mentor amat memberangsangkan.

- (vi) kementerian juga telah menyediakan dan melaksanakan program latihan khusus untuk guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris. Sehingga kini hampir 12,000 orang guru telah terlibat dalam program tersebut pada tahun 2010. Manakala Kementerian Pelajaran menyasarkan 10,000 orang guru bahasa Inggeris diberi latihan yang sama pada tahun ini;
- (vii) pengambilan guru bersara bahasa Inggeris secara kontrak akan dilaksanakan. Kementerian Pelajaran menyasarkan dari tahun 2011 hingga 2013, seramai 600 orang guru bersara bahasa Inggeris akan dilantik secara kontrak di seluruh negara. Sehingga November 2011, 200 orang guru bersara bahasa Inggeris telah menerima tawaran ini;

- (viii) Kementerian Pelajaran juga telah menjalinkan kerjasama dengan British Council melalui *Project Virtual Teacher Support Network* (VTSN). Ini platform bagi guru untuk mengakses maklumat serta berkongsi idea bersama guru bahasa Inggeris di peringkat antarabangsa terutamanya dalam penyediaan dan pembinaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Setakat ini tiga siri bengkel bina bahan telah dilaksanakan iaitu pada bulan Ogos dan September 2010;
- (ix) Kementerian Pelajaran juga telah memperkenalkan penggunaan bahan digital *English Language* tahun satu sebagai bahan bantu belajar. Pemantauan yang dibuat untuk tiga bulan pertama sesi persekolahan 2011 mendapati bahawa penggunaan bahan ini memberi kesan amat positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah;
- (x) meningkatkan kapasiti bilik komputer di sekolah sebagai makmal bahasa. Pada tahun 2010, sebanyak 20 buah sekolah telah dipilih sebagai projek perintis makmal bahasa ini dan perluasannya akan dilaksanakan di 1,548 buah sekolah pada tahun 2011;
- (xi) unsur seni bahasa dan sastera juga diterapkan melalui komponen sastera dalam mata pelajaran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Mulai tahun 2010, murid tingkatan satu mula mempelajari teks komponen sastera bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam pelbagai genre seperti puisi, cerpen, drama dan novel;
- (xii) membekalkan bahan bacaan tambahan dalam bahasa Inggeris di pusat sumber sekolah rendah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM6 juta bagi tahun ini iaitu 2011; dan
- (xiii) membudayakan dan mengukuhkan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris melalui aktiviti kokurikulum dengan melibatkan murid-murid dalam aktiviti kelab dan persatuan serta pertandingan kuiz, pidato, bahas dan sebagainya peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Dengan penjelasan di atas, adalah diharapkan pelaksanaan dasar ini pasti membuahkan hasil yang memberangsangkan. Apatah lagi dengan adanya sokongan dan kepercayaan semua pihak terutamanya ibu bapa dan pihak berkepentingan demi kejayaan masa depan anak-anak kita. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Soalan tambahan. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri Pelajaran di atas jawapan yang komprehensif itu berhubung dengan untuk memastikan, memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkasakan bahasa Inggeris.

Soalan tambahan saya ialah sambil mengambil guru-guru daripada luar negara dan juga melatih guru-guru kita yang ada di sini, adakah kementerian akan mengambil tindakan untuk menghantar guru-guru kita melatih di negara-negara asing seperti UK, Australia dan Amerika. Adakah ada perancangan untuk boleh jadi buat ala *Kirkby-Brinsford Lodge* yang pernah kita gunakan dan pada masa itu *standard of English was very high*. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Senator. Di sini mencakupi dua soalan. Yang pertama, kalau kita hendak menghantar guru-guru kita berlatih di luar negara, ini akan membelanjakan satu kos yang sangat tinggi. Keduanya, sebagai penyelesaian kita telah mengimport 375 penutur jati, di mana kita telah menggunakan kepakaran yang ada pada penutur jati ini untuk bukan sahaja mengajar. Mereka merupakan mentor, *fasilitator* kepada guru-guru bahasa Inggeris yang mengajar di 1,800 buah sekolah.

Dengan adanya pakar-pakar ini, saya rasa ianya dapat memberikan satu kesan yang sangat positif dan pada waktu yang sama kita juga ada ELTC, di mana secara khas pusat kecemerlangan bahasa Inggeris ini digunakan macam peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kita sedang dalam proses untuk kita memperkukuhkan kedudukannya dan kita hendak jadikan ianya sebagai satu badan untuk berinteraksi dengan badan-badan luar termasuklah kita menjaga mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

Jadi, sebagai kesimpulan yang pertama, latihan kalau kita hendak hantar susah, tetapi pada mekanisme yang ada sekarang kita mempunyai KPLSPM, yang mana sebahagian itu kalau kita lihat sebelum ini kita ada program dengan beberapa buah universiti dan kita menghantar pelajar TESL, di mana untuk tahun-tahun tertentu, mereka dilatih di IPGM. Untuk dua tahun terakhir itu, ada yang belajar di Australia, New Zealand dan sebagainya. Ini sebagai satu cara untuk memberi pendedahan kepada mereka. Jadi, jumlahnya tidaklah semua tetapi itu sebagai memberi satu *catalyst* untuk memberikan satu pendedahan kepada guru-guru ini agar mereka dapat mencapai standard antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya terbahagi dua. Pertama, adakah Dasar MBMMBI ini ditumpukan semata-mata kepada proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah sahaja. Bagaimana pula dengan peringkat universiti? Itu pertama. Kedua, yang tidak kurang pentingnya Tuan Yang di-Pertua ialah Jawatankuasa Pelaras Pelaksanaan MBMMBI ini, saya ingin tahu komposisi jawatankuasa itu. Kemudian, tanggungjawab atau TOR nya. Adakah semata-mata hendak berfungsi untuk dalam proses pengajaran dan pembelajaran sahaja atau juga berfungsi dalam pembudayaan bahasa itu sendiri. Maksud saya, sejak akhir-akhir ini berlaku pencemaran bahasa Melayu.

■1030

Umpamanya, orang muda yang berumur 20 tahun memanggil orang tua yang berumur 50 tahun lebih dengan perkataan awak dan saya rasa ini adalah akibat daripada tidak adanya penghayatan kebudayaan bahasa itu. Ini haruslah juga menjadi tanggungjawab jawatankuasa itu untuk memastikan bahawa Bahasa Melayu yang digunakan itu bukan sahaja Bahasa Melayu untuk kepentingan komunikasi beradab tetapi lebih daripada itu juga digunakan bahasa Melayu itu untuk sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan.

Saya dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak nampak tumpuan lebih banyak kepada soal penguasaan bahasa untuk kepentingan-kepentingan komunikasi sedangkan kalau kita betul-betul hendak memperkasa Bahasa Melayu itu, Bahasa Melayu itu harus dianggap sebagai satu bahasa komunikasi, bahasa ilmu pengetahuan, dan bahasa budaya tinggi. Adakah ini termasuk dalam TOR jawatankuasa pelaksanaan itu? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Pertama saya ingin menyatakan bahawa bidang kuasa Kementerian Pelajaran hanya terbatas pada prasekolah, sekolah rendah sampailah sekolah menengah dan juga sebahagian daripada matrikulasi itu di bawah Kementerian Pelajaran. Saya tidak berani hendak komen bagi pihak kementerian lain tetapi ini sebagai asas pendidikan.

Kalau kita hendak memartabatkan Bahasa Kebangsaan di sinilah tempatnya. Kalau kita hendak memperkukuhkan bahasa Inggeris dan saya rasa kita kena tidak boleh tunggu sampai universiti baru kita hendak mengukuhkan bahasa Inggeris. Jadi *cost of repair*, dengan izin, terlalu tinggi.

Kedua, apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat tentang pembudayaan bahasa Malaysia itu, sebenarnya di bawah jawatankuasa induk ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran di bawahnya ada enam jawatankuasa di mana secara spesifik jawatankuasa ini memantau sebagai contoh dari segi pembangunan kurikulum.

Bagaimana kita hendak memantau kokurikulum, latihan guru, logistik dan ini kesemuanya termasuklah dari segi komunikasi dan kita hendak buat publisiti. Jadi setiap jawatankuasa sub kecil ini mereka berperanan untuk melihat secara *detail* setiap satu. Mengapa saya hanya menjawab dari segi P&P kerana soal asalnya ialah hendak memperihalkan perancangan Kementerian untuk menjayakan MBMMBI dalam konteks Kementerian Pelajaran.

Apa Yang Berhormat hasratkan sebenarnya kita ada satu lagi jawatankuasa, jawatankuasa induk memperkasakan bahasa kebangsaan yang mana ianya dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran yang mana agensi termasuklah daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, daripada JPA Ketua Pengarah dan kesemua ini bukan sahaja kita melihat, daripada swasta pun ada wakil untuk menghadiri mesyuarat ini untuk kita melihat bagaimana kita membudayakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan kita.

Jadi saya rasa kita ada satu lagi jawatankuasa yang melihat keseluruhan bagaimana kalau kita tengok bahasa rojak. Bagaimana kalau kita tengok pihak berkuasa tempatan kita ada wakil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mereka juga hadir, mereka juga tertakluk kepada satu set garis panduan yang akan dikeluarkan termasuklah peranan DBP memperkasakan dalam isu untuk menangani masalah bahasa rojak ini terima kasih.

2. Dato Dr. Yeow Chai Thiam minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, pihak manakah yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa barangan jualan Kedai Rakyat 1Malaysia sentiasa selamat, berkualiti dan harganya sememangnya memberi faedah kepada pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan tujuh soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok pada 8 Disember, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung pada 13 Disember, Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman pada 14 Disember, Yang Berhormat Senator Datuk Chih Tiang Chai pada 19 Disember, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman pada 20 Disember dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat pada 22 Disember kerana ianya menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu isu Kedai Rakyat 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersetujukan.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kedai Rakyat 1 Malaysia atau KR1M merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam memastikan rakyat terutamanya di bandar-bandar yang menghadapi tekanan berikutan kenaikan kos sara hidup dapat memperoleh produk keperluan pada harga rendah dan berkualiti. Ia juga sebagai medium kepada kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barang dan mengurangkan monopoli produk yang didominasi oleh syarikat-syarikat pengeluar.

KR1M dibangunkan dengan konsep menjual produk keperluan pada harga rendah tanpa mementingkan jenama produk namun kualiti produk tetapi diutamakan. Harga produk yang dijual di KR1M yang ditetapkan adalah 30 peratus hingga 50 peratus lebih rendah berbanding dengan produk serupa di bawah jenama lain. Justeru tidak dapat dinafikan lagi bahawa kewujudan KR1M sangat memberi faedah kepada pengguna terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, KPDNKK sebagai *lead* agensi yang diberi tanggungjawab untuk menyelaras program ini sentiasa memastikan serta mengadakan pemeriksaan terhadap barangan yang dijual di KR1M bagi memastikan kualiti dan standard produk berkenaan adalah menepati kehendak pengguna. Kementerian juga mengadakan kerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam menjalankan pemeriksaan terhadap barangan yang dijual di KR1M.

Bagi memastikan Kedai Rakyat 1Malaysia dapat menjual barangan pada harga yang rendah kerajaan sedaya-upaya membantu mengurangkan perbelanjaan *overhead* kedai terbabit dengan cara menawarkan bangunan-bangunan milik kerajaan. Badan-badan berkanun atau syarikat berkepentingan kerajaan iaitu GLC sebagai premis Kedai Rakyat 1Malaysia dengan kadar sewaan yang rendah. Selain itu penjimatan dari kos pengiklanan antara 20 peratus hingga 30 peratus dengan pembungkusan yang mempunyai label generik 1Malaysia serta pembelian secara pukal daripada pengusaha IKS tempatan juga menyumbang kepada penurunan harga barangan di Kedai Rakyat 1Malaysia.

Kerajaan tidak menjadikan harga barangan di *hypermarket* sebagai penanda aras iaitu *benchmark* sebagai harga jualan runcit, RPS barangan KRIM. Justeru harga di *hypermarket* masih boleh menjadi setanding atau lebih murah berbanding KR1M sekiranya berlaku penurunan harga bagi produk-produk di *hypermarket* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dengan kebajikan seluruh rakyat. Justeru kementerian menyasarkan untuk membuka 85 buah Kedai Rakyat 1Malaysia sehingga tahun 2012 di seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan. Selain itu kerajaan juga telah membuka peluang untuk mana-mana individu, syarikat koperasi dan badan-badan pertubuhan untuk menjalankan perniagaan KR1M bagi meluaskan KR1M di kawasan luar bandar. Setakat ini sebanyak 18 buah Kedai Rakyat 1Malaysia telah dibuka dan beroperasi sepenuhnya manakala sepuluh buah lagi di pelbagai lokasi di seluruh negara sedang dalam kerja-kerja pengubahsuaian. Kerajaan juga melalui kerjasama pelbagai agensi telah mengenal pasti lokasi yang berpotensi untuk menjadikan sebagai Kedai Rakyat 1Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak.

Bagi tujuan pembukaan KR1M di Sarawak serta supaya harga barangan KR1M dapat terus ditawarkan lebih murah berbanding barangan jenama terkemuka yang lain di sana kerajaan perlu terlebih dahulu memantapkan rantaian pengedaran perdagangan termasuk menyediakan pusat pengedaran iaitu DC bagi barangan KR1M di samping menggalakkan pengusaha-pengusaha IKS tempatan di Sabah dan Sarawak untuk menjadi pembekal kepada produk KR1M.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Dewan kos bagi pembukaan sesebuah KR1M adalah bergantung pada keluasan lantai sebuah premis termasuk kerja-kerja pembaikan, pengubahsuaian, mengecat, pemasangan *tile*, pendawaian, papan tanda serta peralatan kelengkapan. Secara umumnya terdapat tiga jenis keluasan lantai KR1M iaitu 1,500 kaki persegi dengan anggaran kos yang terlibat sebanyak RM250,00, bagi 3,500 kaki persegi dengan anggaran kos RM585,000 dan 5,000 kaki persegi dengan anggaran kos yang terlibat adalah sebanyak RM835,000.

■1040

Adalah dimaklumkan juga bahawa anggaran kos ini adalah tidak termasuk kos bagi stok barangan, sewaan dan urusan penggajian pekerja. Kerajaan tidak memberikan subsidi kepada program KR1M ini. Semua kos operasi, modal pusingan dan kos penyelenggaraan ditanggung oleh operator. Kerajaan hanya menyediakan premis perniagaan bagi KR1M yang mana kebanyakan daripada lokasi premis KR1M ini adalah di bangunan-bangunan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, badan-badan berkanun serta GLC. Dianggarkan sebanyak RM47 juta diperlukan bagi tujuan pembukaan 85 buah KR1M untuk pelbagai saiz premis di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Terima kasih. Terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang begitu berjiwa rakyat dan prihatin dengan kewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia yang sudah meringankan beban kos kehidupan rakyat jelata. Akan tetapi ada tuduhan dan dakwaan bahawa sesetengah bahan atau makanan yang dijual di Kedai Rakyat 1Malaysia tidak mencapai mutunya dan tidak berkualiti, tidak selamat diguna pakai dan dimakan oleh pengguna. Bolehkah Yang Berhormat Menteri bagi penjelasan dan penerangan yang lebih terperinci?

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa ini, kita dapati bahawa terdapat usaha-usaha untuk menafikan kualiti barangan KR1M ini berbanding dengan produk jenama lain dengan tuduhan bahawa terdapat barangan di pasaran yang dijual pada harga yang lebih murah berbanding dengan KR1M, bukan sahaja dari segi kualiti tetapi dikatakan bahawa ada barangan yang dijual di kedai KR1M ini adalah lebih mahal. Perlu dijelaskan di sini bahawa iaitu sebarang perbandingan hendaklah dibuat secara adil iaitu secara *apples to apples*. Berat kandungan serta komposisi barangan tersebut perlu diambil kira dalam membuat sebarang perbandingan harga.

Sebagai contoh, produk seperti produk *in house Carrefour* bagi pekatan pencuci pinggan mangkuk yang didakwa lebih murah berbanding produk KR1M adalah jelas mengelirukan kerana pihak tersebut membandingkan produk KR1M ini yang mempunyai berat isi padu 400 gram berbanding *Carrefour brand* yang mempunyai isi padu 350 gram sahaja. Demikian juga tuduhan dengan produk iaitu teh salon KR1M yang dikatakan dijual lebih mahal berbanding teh hitam *Carrefour brand*. Sedangkan dari segi komposisi produknya iaitu teh salon KR1M ini adalah 100 peratus teh salon dari Sri Lanka sedangkan teh hitam *Carrefour brand* adalah campuran iaitu dua jenis teh iaitu daripada Indonesia dan Sri Langka. Terdapat juga beberapa tuduhan yang lain terhadap produk KR1M ini yang akhirnya dibuktikan bahawa tuduhan tersebut adalah tidak berasas. Apa yang penting adalah kerajaan sentiasa mengambil tahu serta memastikan iaitu produk KR1M adalah selamat dan berkualiti setanding dengan produk jenama terkemuka.

Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan dengan sama ada tuduhan ini, kita sebenarnya rasa kesal sebab ada pihak-pihak yang sebenarnya tidak selesa melihat pihak kerajaan yang begitu prihatin dan mendahulukan rakyat ini dengan pelbagai tuduhan. Pihak kementerian sebenarnya akhir-akhir ini kita dapati bahawa produk yang telah pun dinyatakan bahawa kualitinya diragukan. Sebenarnya adalah tidak tepat sebab kita dapati bahawa baru-baru ini setelah digembar-gemburkan oleh pihak-pihak di sebelah sana bahawa produknya adalah tidak menepati kualiti. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sebenarnya telah pun mengambil beberapa sampel dan didapati bahawa Yang Berhormat Menteri Kementerian Kesihatan telah mengumumkan bahawa tiga belas daripada produk KR1M yang didapati melanggar peraturan makanan tetapi sebenarnya ia tidak menjejaskan keselamatan rakyat.

Sebenarnya tiga belas produk KR1M ini tidak menepati peraturannya, sebenarnya ialah dari segi tidak mencapai dari segi teknikalnya, pelabelan dan komposisi bahan makanannya. Contohnya susu sejat yang dijual di KR1M, nama sebutan sebenarnya adalah tidak tepat, ia sepatutnya sekarang ini telah pun ditukar menjadi krim sejat. Begitu juga dengan sos tiram, kandungan protein kurang daripada standardnya dan kini juga telah ditukar menjadi sos perisa tiram dan sebagainya. Begitu juga dari segi kari ayam dalam tin, kandungan daging kurang daripada standardnya di mana standardnya tidak kurang kalau kita lihat iaitu dari segi peraturan pemakanan di sini ialah sepatutnya 55 peratus tetapi disebabkan kari ayam ini dagingnya tidak menepati kepada 55 peratus.

Oleh itu pihak kementerian di sini telah pun mewujudkan unit pemantauan bukan sahaja di peringkat pusat dan di seluruh negeri yang turut melibatkan Kementerian Kesihatan untuk supaya kita dapat mengawal, memantau produk yang dijual. Bukan sahaja di KR1M-KR1M, di Kedai Rakyat 1Malaysia tetapi termasuk juga di *hypermarkets*, *supermarkets* dan premis-premis perniagaan bagi memastikan ia mematuhi iaitu perundangan makanan di negara ini. Pihak kementerian juga telah mengarah pihak pengusaha KR1M untuk menghantar 200 lagi produk KR1M yang dijual di kedai KR1M ini bagi ujian pemeriksaan yang selanjutnya supaya kita hendak memastikan bahawa semua barangan yang dijual di KR1M ini adalah selamat untuk dimakan oleh rakyat kita. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, walaupun kita melihat dalam kes ini kerajaan menyediakan premis untuk Kedai Rakyat 1Malaysia tetapi kita lebih melihat seolah-olah perkara ini kerajaan sendiri terlibat dalam perniagaan.

Adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan akta bagi mengawal kualiti serta memastikan tidak ada persaingan di antara kedai KR1M ini dengan kedai-kedai runcit swasta ataupun produk swasta bagi barangan produk makanan yang telah dipamerkan ataupun dijual kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pihak kerajaan tidak terlibat dalam perniagaan untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan ini. Oleh sebab yang menjual produk ini sebenarnya adalah pihak Mydin yang telah pun diminta untuk menguruskan dan Mydin yang sebenarnya mengeluarkan produk-produk ini dengan adanya sokongan daripada IKS kita. Sebenarnya menjualnya ialah iaitu pertamanya kedai-kedai runcit telah pun digalakkan untuk menjual produk KR1M ini. Kita tahu bahawa ada tuduhan yang mengatakan bahawa dengan kehadiran Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ini, ia akan menyebabkan bahawa kedai-kedai runcit ini akan gulung tikar. Sebenarnya tidak sebab kita sebagai pihak kerajaan juga menggalakkan rakyat iaitu pekedai-pekedai, peruncit-peruncit untuk menjual produk-produk KR1M di seluruh negara.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, pada masa sekarang kita telah pun mempunyai peruntukan iaitu di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 di mana menteri boleh mengisytiharkan apa-apa barang atau barang daripada kelas itu yang telah menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau harta atau selainya tidak selamat.

■1050

Apabila perintah ini dikeluarkan, maka pembekal hendaklah mengikut apa-apa cara dan dalam tempoh sebagai dinyatakan dalam perintah dengan perbelanjaan sendiri memanggil balik barang larangan berkenaan. Setakat ini sebenarnya pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan telah pun mewartakan contohnya, saya beri contoh *crystal jelly ball* sebagai barangan larangan kerana ianya telah mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak. So, sebenarnya kita ada banyak undang-undang iaitu akta-akta yang telah pun sedia ada untuk melindungi rakyat sebagai golongan pengguna, sekian terima kasih.

3. **Datuk Abdul Rahman bin Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Suruhanjaya Pilihan Raya telah melakukan apa-apa pembaharuan atau transformasi terhadap sistem Pilihan Raya yang ada sekarang. Sekiranya ada sila nyatakan; dan
- (b) adakah Suruhanjaya Pilihan Raya telah melakukan sebarang persempadanan baru untuk kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) memandangkan terdapat negeri-negeri yang sudah terlalu lama tidak dilakukan persempadanan kawasan pilihan raya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Datuk Abdul Rahman bin Bakar atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak merdeka 54 tahun yang lalu, Malaysia telah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dengan kata lain, kita mempunyai sistem dasar dan juga undang-undang yang telah sekian lama digariskan yang perlu kita ikut dan patuh untuk memastikan demokrasi dan hak-haknya dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak atau majoriti melalui keputusan suara mereka yang diwakili atau wakil rakyat di dalam Parlimen. Wakil rakyat pula dipilih melalui sistem pilihan raya yang juga telah dilaksanakan semenjak 54 tahun yang lalu yang berteraskan kepada tiga prinsip yang utama seperti berikut:

- (i) berasaskan kepada sistem *first past the post* atau majoriti mudah. Ini bermakna, mana-mana calon yang memperoleh undi yang terbanyak dan diisytiharkan sebagai calon yang menang walaupun beliau hanya mendapat kelebihan satu undi mengatasi calon lawannya yang lain;

- (ii) berasaskan kepada pemilihan seorang perwakilan bagi setiap bahagian pilihan raya, *single member territorial representation*, sama ada bagi bahagian pilihan raya Parlimen atau bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN); dan
- (iii) berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam sesuatu pilihan raya *multi party electoral system*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, SPR ditubuhkan mengikut Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan, manakala Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan fungsi utama SPR. Sebagai sebuah suruhanjaya yang bebas, keputusan SPR tidak dipengaruhi oleh sesiapaupun. Telah melaksanakan fungsi-fungsi SPR berlandaskan kerangka undang-undang yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut.;

- (i) Perlembagaan Persekutuan, Perkara 113 ke 120;
- (ii) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Akta 5;
- (iii) Akta Pilihan Raya 1958, Akta 19;
- (iv) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981;
- (v) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan juga Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Ketelusan SPR dalam menjalankan pilihan raya boleh dilihat dalam pelbagai peringkat seperti ketelusan semasa proses penamaan calon, semasa tempoh berkempen, semasa hari pengundian, semasa proses pengiraan kertas undi dijalankan dan juga semasa pengisytiharan pemenang bagi parti yang bertanding.

Untuk rekod, perlu disebut bahawa SPR telah membuktikan kewibawaannya melalui pengendalian 12 pilihan raya umum (PRU) semenjak tahun 1959. Ini termasuklah PRU yang ke-12 Mac 2008 yang menyaksikan pihak pembangkang telah memenangi 82 daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan pada PRU yang ke-12. Kesemua ini meyakinkan rakyat bahawa sistem pilihan raya yang diguna pakai sekarang ini adalah sistem yang berwibawa ataupun, dengan izin, *credible election*, bebas dan adil. Ini adalah kerana keputusan-keputusan pilihan raya telah diterima secara sah oleh semua pihak sama ada pihak kerajaan mahu untuk pihak pembangkang yang telah membawa kepada pembentukan kerajaan yang diiktiraf.

Soal pembinaan kerajaan yang memerintah adalah menjadi tanggungjawab pengundi untuk menentukan pihak mana yang mereka pilih. Walau bagaimanapun, jika mereka berhasrat untuk melakukan perubahan terhadap institusi SPR, maka terpulanglah kepada pembuat undang-undang dalam negara ini untuk meminda undang-undang dan juga peraturan-peraturan pilihan raya yang sedia ada. Namun, SPR berpendapat sistem dan juga kaedah kini masih relevan dan perlu terus dikekalkan. Pun begitu ini tidak bermakna SPR tidak bersedia melakukan anjakan paradigma dan juga transformasi untuk melakukan usaha pengupayaan dan juga penambahbaikan di dalam pengurusan dan juga operasi bagi memastikan tiga fungsi utama SPR dilaksanakan dengan lebih telus, berintegriti dan juga efektif demi menjamin demokrasi terus hidup subur di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya telah pun ditubuhkan pada 3 Oktober 2011 bagi membincangkan penambahbaikan kepada sistem pilihan raya agar lebih telus dan juga adil adalah suatu langkah bagi melenyapkan tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang menuduh bagi sistem pilihan raya yang diamalkan sekarang adalah tidak demokratik dan juga tidak adil dan telus.

Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Pilihan Khas ini, maka pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan sistem pilihan raya di dalam negara ini melalui wakil mereka di Parlimen akan bersama-sama diberi peluang untuk memberi pendapat dan juga mengkaji secara mendalam sistem pilihan raya yang difikirkan lebih baik bagi mendukung dan juga mengukuhkan lagi demokrasi yang diamatkan di negara ini selama ini.

Apa juga syor dan juga perubahan dasar mahupun pindaan undang-undang yang dicadangkan datangnya daripada Jawatankuasa Pilihan Khas itu tidak lagi akan dipertikai dan akan dijadikan agenda politik memandangkan syor-syor perubahan dasar mahukan pindaan undang-undang itu telah dibuat melalui perbincangan dan juga penelitian pihak-pihak yang mewakili rakyat. Ini jelas dapat dilihat ketika pembentangan laporan interim dan juga syor-syor Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut pada 1 Disember yang lalu yang mana semua syor tersebut telah diterima dan dipersetujui oleh semua Ahli Yang Berhormat.

Ringkasnya, penubuhan jawatankuasa pilihan khas ini memperlihatkan secara telus dan juga tulus bahawa sistem demokrasi negara masih wujud dan masih subur. Ini kerana jawatankuasa pilihan khas ini merupakan sebahagian daripada kelangsungan dan juga kesinambungan tradisi demokrasi berparlimen yang telah sekian lama diamatkan di negara kita serta simbol *constructive engagement* di antara parti-parti politik yang mewakili satu suara rakyat Malaysia bagi membincang dan juga mencari kata sepakat untuk penambahbaikan yang perlu dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum dilaksanakan pada pilihan raya yang akan datang. Dengan itu, itu sahaja jawapan saya, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan. Pertama, apakah hasil atau kemajuan pencapaian terbaru daripada hasil penubuhan *Select Committee* atau Jawatankuasa Pilihan Khas SPR yang bermesyuarat 1 Disember atau berikutnya.

■1100

Kedua, sempadan non pilihan raya, banyak negeri yang tidak berubah. Contohnya negeri Terengganu. Sudah 25 tahun tidak ubah-ubah. Ada negeri sepuluh tahun, lima tahun atau lima belas tahun berubah. Contohnya negeri Johor. Kenapa negeri Terengganu atau lain-lain negeri tidak berubah hatta sudah lebih 20 tahun? Mohon jawapan terperinci daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Senator atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, semenjak Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan dua bulan yang lalu iaitu pada 1 Oktober 2011 telah pun ada beberapa sesi pendengaran awam ataupun *public hearing* yang telah pun diadakan bersama-sama dengan pihak SPR dengan pihak organisasi ataupun agensi yang dikenali sebagai NGO dan juga individu-individu yang berkenaan di mana proses ini telah pun dijalankan dengan lancar beberapa bulan yang lalu.

Hasil daripada itu, jawatankuasa telah pun mengemukakan seperti yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Senator itu tadi bahawa dikemukakan di Dewan Rakyat pada 1 Disember 2011. Seperti yang saya katakan dalam jawapan asal saya tadi, itu adalah *interim report* yang telah pun dikemukakan dan saya difahamkan bahawa laporan penuh akan dibentangkan dan juga diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat apabila tamatnya mereka menyelesaikan laporan tersebut.

Pada setakat ini terdapat sepuluh syor yang telah pun disetujui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat apabila pembentangan laporan interim ini pada tempoh hari. Saya juga telah pun difahamkan bahawa sesi pendengaran ini masih lagi dijalankan dan pada hari ini dan juga pada keesokan hari akan diadakan di Kuching, Sarawak dan selepas itu adakan diadakan di Pulau Pinang. Jadi pihak-pihak agensi-agensi dan juga individu-individu berkenaan di negeri-negeri tersebut bolehlah datang ke sesi pendengaran ini untuk memberi pandangan dan juga apa-apa sahaja cadangan kepada pihak jawatankuasa ini.

Mereka akan mengambil maklum dan seperti yang telah pun dilihat, hasil-hasil itu daripada cadangan dan juga daripada pandangan telah pun dibentangkan dalam laporan interim tersebut. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor dua, negeri Terengganu sempadan. Tidak jawab.

Datuk Liew Vui Keong: Saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator berhubung dengan persempadanan baru untuk kawasan Parlimen dan juga dewan undangan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian-kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan juga DUN. Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, penambahan penduduk dan juga penambahan bilangan pengundi semasa dan juga seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum ia dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berdasarkan peruntukan seksyen 4, Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan.

Mengikut peruntukan Perkara 113(2)(iii) Perlembagaan Persekutuan, selepas SPRewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu. Itu sahaja yang boleh saya katakan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya mengenai dengan *public hearing*, dengan izin Jawatankuasa Khas Parlimen. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut ada sepuluh cadangan dan pada masa akan datang masa di Pulau Pinang, *insya-Allah* wakil Kedah pun akan terlibat turun. Kita akan mencadangkan supaya undi pos dibuat dalam bentuk yang lebih telus dan tidak perlu saya huraikan di sini. Persoalannya sekarang ialah bagaimana *transparency* ini hendak dilakukan oleh kerajaan. Contoh yang pertama sekali ialah persempadanan semula yang tidak setara di antara satu kawasan Parlimen dengan satu kawasan Parlimen. Contohnya di Sarawak ada kawasan Parlimen yang 8,000 orang sahaja walaupun keluasannya barangkali lebih.

Saya ambil contoh di Baling, di kawasan saya. Sudah hampir 100,000 orang pengundi yang jaraknya boleh sembahyang jamak iaitu 91 kilometer dari hujung sini ke hujung sana. Itu terlalu besar dan begitu juga kawasan Parlimen itu sepatutnya di besarkan lagi. Jadi dalam melaksanakan ini, untuk mengenal pasti bahawa cadangan-cadangan penambahbaikan melalui pendengaran awam itu, adakah kerajaan tidak bercadang untuk melakukan pilihan raya percubaan. Sebagai contoh, kita melibatkan parti politik dan bukan individu. Kita pilih satu kawasan Parlimen yang ada undi pos, yang ada berbagai-bagai.

Tuan Yang di-Pertua: Contoh-contoh tidak payah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: ...Untuk kita melihat keadaan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Contoh-contoh tidak payahlah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Adakah kerajaan bercadang untuk melakukan demikian untuk pelaksanaan transformasi pilihan raya? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tadi. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator tadi saya rasa mengenai mengadakan pilihan raya contoh dan sebagainya, saya rasa cadangan ini bolehlah dikemukakan kepada pihak Jawatankuasa Pilihan Khas nanti apabila mereka mengadakan *public hearing* di tempat-tempat tertentu. Saya berharap Yang Berhormat Senator dapat hadir untuk memberikan cadangan sepenuhnya kepada mereka.

Mereka akan mencatat seperti yang telah pun ternyata dalam laporan yang telah pun dibentangkan di Parlimen pada tempoh hari di mana semua cadangan tersebut akan diambil dikira dan akan diputuskan oleh pihak Jawatankuasa seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum.

Mereka terdiri daripada pihak-pihak Ahli Parlimen yang daripada kerajaan dan juga Ahli-ahli Parlimen yang datang daripada pihak pembangkang dan juga Ahli-ahli Parlimen dari BEBAS. Ini menunjukkan *transparency* bahawa jawatankuasa ini betul-betul hendak membaiki proses pilihan raya di negara kita ini.

Jadi cadangan itu saya rasa buat setakat ini saya tidaklah dapat untuk menjawab sama ada kerajaan akan mengadakan cadangan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Saya rasa cadangan ini bolehlah dikemukakan kepada pihak jawatankuasa terlebih dahulu sebelum cadangan itu ditimbang oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

4. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengadakan transformasi dari segi kaedah pembelajaran yang lebih mesra kanak-kanak dan bukan lebih berorientasikan peperiksaan agar kita dapat melahirkan anak-anak yang lebih kreatif dan berinovasi selaras dengan matlamat negara maju berpendapatan tinggi.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan negara untuk melahirkan modal insan seimbang yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia telah dan akan melaksanakan transformasi kurikulum di semua peringkat pendidikan. Sebagai permulaan, Kementerian Pelajaran telah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) secara berperingkat mulai tahun satu pada tahun 2011. Ini merupakan satu usaha untuk menyusun semula dan menambah baik kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) sedia ada. Perubahan ini adalah untuk memastikan semua murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan untuk memenuhi keperluan semasa serta masa depan.

■1110

Antara aspirasi KSSR adalah meningkatkan lagi strategi P&P kepada bentuk didik hibur (*fun learning*). Penggunaan pendekatan P&P seperti *constructivism*, pembelajaran berasaskan projek atau masalah dan *enquiry* penemuan berupaya membangunkan pemikiran kreatif murid sebagai tambahan elemen-elemen lain seperti kreativiti, inovasi, keusahawanan serta teknologi maklumat dan komunikasi turut diterapkan secara eksplisit kepada murid-murid.

Di samping itu, sebagai usaha mengubah paradigma masyarakat umum tentang sistem pendidikan negara yang terlalu berorientasikan kepada peperiksaan, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS). Untuk makluman, murid-murid akan dinilai melalui kaedah PBS yang dijalankan secara berterusan sepanjang proses P&P dan tidak hanya kepada peperiksaan bertulis semata-mata seperti kebiasaan sebelum ini. Justeru, Kementerian Pelajaran berkeyakinan dengan pembaharuan yang telah dilakukan ini mampu menyediakan ruang dan peluang kepada semua murid yang membuktikan keupayaan dan potensi mereka tanpa kekangan. Terima kasih.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, setiap kanak-kanak ada potensinya tanpa mengira kepada keadaan fizikal ataupun tahap pemikirannya. Ada satu kes murid yang dikenal pasti lemah tetapi semasa bersekolah di United Kingdom, kanak-kanak ini mampu menunjukkan potensi sebagaimana kanak-kanak murid yang lain dan berkeyakinan tetapi bila balik ke negara kita, beliau ini diletakkan ke kelas yang corot dan lantaran itu beliau tidak berminat untuk ke sekolah.

Ini juga menimbulkan kerisauan ibu bapa kanak-kanak tersebut. Jadi saya hendak bertanya, sejauh manakah transformasi pelajaran melalui KSSR ini yang dilaksanakan mampu menangani murid-murid lemah atau autisme atau *dyslexia* dan sebagainya agar mereka mampu menyumbang kepada pembangunan negara bukan sebagai beban negara. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya saya tidak tahu yang kes secara spesifik seperti mana yang dibawa oleh Yang Berhormat tetapi secara umumnya ingin saya mengatakan bahawa kementerian kita apabila kita memulakan dengan KSSR atau kurikulum standard ini, rata-rata guru menganggap ini lebih baik daripada dahulu kerana elemen *fun learning* itu dimasukkan.

Saya memberi contoh, kalau dahulunya kita menitikberatkan tentang 3M (menulis, membaca dan mengira). Dalam KSSR ini kita ada satu elemen M lagi iaitu menaakul, maksudnya *reasoning*. Ini adalah untuk memberikan mereka ruang untuk bertanya. Pada waktu yang sama, mereka mampu berfikir. Jadi apabila kita hendak melaksanakan secara P&P, kita tidak boleh terbatas kepada cara kita gunakan kapur tulis atas papan hitam.

Kita perlu gunakan cara yang lebih inovatif di mana kita dapat memberi peluang kepada pelajar banyak bertanya. Jadi saya rasa kalau kita lihat kerja rumah pun kalau banding dengan dahulu sudah kurang dan saya rasa dengan cara ini, pembaharuan ini, kita akan memantau untuk setiap tahun. Saya yakin ianya lebih baik daripada sistem dahulu.

Kedua, apa Yang Berhormat bangkitkan tentang mereka yang berkeperluan khas, yang mempunyai ciri-ciri yang mana perlu diberi perhatian khusus. Kementerian kita sememangnya kita telah melaksanakan satu program di mana LINUS itu diperkenalkan, Literasi dan Numerasi. Ini adalah satu ujian khas dan kita melihat keupayaan pelajar-pelajar itu apabila masuk ke sekolah. Setiap tahun mereka akan dinilai tiga kali. Ini bukan peperiksaan. Kita nak melihat daripada segi konstruk apa yang dapat dicapai oleh pelajar itu.

Jadi kita akan memantau, mungkin baru masuk, baru sampai konstruk dua dan selepas mereka belajar tiga bulan, mereka dah sampai konstruk empat atau lima. Dengan cara ini, ianya lebih mudah untuk kita memantau. Kita buat secara konsisten tiga tahun sampailah tahun ketiga dan kita akan menilai. Sasaran kita ialah semua pelajar yang normal ini, normal dalam erti kata mereka tidak ada masalah pembelajaran. Kalau mereka ada *learning disability*, kita kena rujuk kepada pakar.

Jadi apabila kita dapati seseorang ibu bapa mungkin mereka tidak tahu anak mereka ada masalah. Kita akan memantau, kita adakan kelas pemulihan dan kita lihat dan daripada pengalaman kita, kita tahu seorang pelajar itu patut dirujuk kepada pakar dan selepas itu kalau perlu dimasukkan dalam kelas pendidikan khas, kita akan asingkan, dengan cara itu. Jadi kelas itu terlalu kecil, cuma enam orang kepada seorang guru.

Jadi saya rasa dengan cara ini, apabila mereka sudah pulih. Ada yang masuk setahun sahaja selepas itu mereka boleh mengikut arus aliran perdana. Tidak ada masalah mereka dimasukkan. Saya dapati ada kes di mana pelajar yang bermasalah ini apabila mereka masuk tahun satu mereka duduk di kelas pendidikan khas, dalam SPM dapat 6A. Inilah satu contoh yang terbaik. Jadi apabila kita ada satu sistem untuk membolehkan mereka membuat *conversion* kepada aliran normal, itu tidak menjadi masalah. Jadi kementerian kita bukan sahaja melihat ujian LINUS ini, kita hendak mengasingkan pelajar yang normal dengan mereka yang berkeperluan khas dan pada waktu yang sama kita juga memantapkan sistem pendidikan khas kita. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, untuk kesejahteraan sebuah negara, kita perlu satu bahasa, satu bangsa dan satu negara. Saya hendak tanya, saya amat berminat, sangat berminat tentang bina insan. Adakah kerajaan telah berpuas hati pencapaian Falsafah Pendidikan Negara 1989 yang menitikberatkan tentang pembinaan potensi individu yang seimbang yang harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi sejajar dengan aspirasi negara dan kepatuhan kepada Tuhan sebab ramai yang tidak takut Tuhan sekarang.

Saya harap ini satu kenyataan yang benar. Saya minta serius Tuan Yang di-Pertua supaya kementerian lihat perkara ini dan sebab banyak gejala sosial disebabkan tidak takut Tuhan. Kedua, bagaimana untuk mengatakan bahawa kita akan wujud atau lahir manusia yang *first class* sebab kita kata dengan izin, *a world class quality education system*. Mana contoh dia? Saya hendak tengok dan boleh tidak sejarah itu diwajibkan. Tanpa sejarah, itu yang banyak keluar gaji besar dan akhirnya muflis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang begitu bersemangat. Apa yang saya hendak terangkan di sini bahawa kalau kita lihat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ada konsep JERI. Kita menerap sepenuhnya iaitu Jasmani, Emosi, Rohani, Intellect dan keempat-empat komponen ini kita memang jadikan ia sebagai *pillar* dalam sistem pendidikan kita. Jadi apabila Yang Berhormat sebut tentang bagaimana kita meninjau pencapaian kita, daripada segi kita hendak wujudkan satu masyarakat harmonis, kita lihat daripada silibus kita, program kita menjurus kepada keharmonian dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia. Jadi saya rasa dalam soal pendidikan ini, jangan dilihat semata-mata daripada perspektif P&P sahaja. Kokurikulum, aktiviti *remote* dan sebagainya, kesemuanya ini merupakan sebahagian daripada pendidikan.

Satu lagi aspek yang patut kita beri penekanan ialah kemenjadian manusia ini. Kata orang rambut sama hitam, hati lain-lain. Ada yang masuk ke sekolah yang sama tetapi menggunakan perkataan-perkataan yang tidak elok. Saya bagi contoh, kalau ada Ahli Yang Berhormat yang menggunakan *remarks* ataupun kenyataan seperti menggelar orang India atau orang hitam sebagai *black metallic*, itu tidak diajar di sekolah... [Ketawa] Jadi ini tidak boleh kata sistem pendidikan kita silap... [Tepuk] Mungkin penghayatan seseorang itu terhadap nilai yang diajar itu tidak sampai. Masing-masing ada tahap yang berlainan. Itu saya akui tapi tidak boleh kita hanya melihat bahawa kegagalan sistem pendidikan kita ini adalah kerana ada seorang menggunakan kenyataan sebegini.

Jadi sebagai satu contoh dan pada aspek yang sama juga kita lihat kejayaan kita banyak. Kalau kita lihat pelajar-pelajar kita yang berjaya dalam universiti terkemuka di dunia banyak, kalau saya hendak senaraikan, tidak tersenarai saya kerana memang diakui hebat. Akan tetapi ini semata-mata daripada segi akademik. Kita nak lihat kemenjadian manusia itu sendiri dalam konteks masyarakat majmuk.

■1120

Adakah orang yang membawa binasa kepada manusia ini orang yang dikira berjaya, tidak. Saya rasa kita perlu mengimbangi. '*Kepercayaan Kepada Tuhan*' ini adalah merupakan prinsip dalam Rukun Negara dan untuk semua sekolah kita menerapkan tidak kira sekolah Tamil, sekolah Cina, dan sekolah kebangsaan. Perkataan apa yang digunakan membawa maksud kepercayaan kepada Tuhan yang sama. Jadi, saya rasa dalam konteks ini, kita menerap nilai-nilai ini dan sejarah ini sebenarnya ramai yang tidak faham, yang soal mata pelajaran Sejarah tidak wajib.

Selama ini mata pelajaran teras ialah sejarah tetapi apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran ialah hendak jadikan ianya sebagai subjek wajib lulus. Ada berlainan sedikit, kalau tidak lulus bermakna tidak dapat sijil. Kalau dahulu dia wajib diambil tetapi kalau dia dapat gagal, dia masih lagi mendapat sijil, ya. Itu perbezaannya. Saya mengakui bahawa kita perlu lihat aspek sejarah dan sebab itulah ada satu jawatankuasa panel yang melihat kandungan sejarah yang diajar di sekolah dan saya berharap kita menantilah dapatan kajian mereka dan kita mahu generasi muda kita ini mempunyai jati diri yang kuat. Itu yang diidam-idamkan oleh rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

5. **Dr. Syed Husin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan, mengapakah boleh wujud 40 ribu kad pengenalan yang meragukan dalam daftar pengundi SPR, nyatakan apa yang sedang dilakukan untuk memastikan daftar pengundi bersih daripada sebarang cacat cela.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan urusan pendaftaran pemilih sebelum tahun 2002, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai mekanisme untuk menyemak maklumat peribadi pemilih semasa memproses permohonan pendaftaran pemilih. Oleh yang demikian, SPR menerima dengan suci hati setiap permohonan pendaftaran dan juga memproses permohonan tersebut untuk dimasukkan di dalam daftar pemilih.

Selepas tahun 2002, SPR mendapat kerjasama daripada pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tujuan mengesahkan status warganegara serta menyemak butiran peribadi pemilih seperti maklumat nama, nombor, kad pengenalan, tarikh lahir dan juga alamat mastautin pemilih.

Di samping itu untuk membantu SPR dalam menjalankan urusan pendaftaran pemilih ini, SPR melantik Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) dari pelbagai kategori iaitu PPP parti politik, PPP wakil jabatan kerajaan, PPP wakil pertubuhan, PPP wakil universiti dan PPP pejabat pos. SPR juga menjalankan urusan menyemak daftar pemilih sepanjang tahun. Di antara semakan yang dibuat ialah Malaysia telah menjalankan semakan ke atas daftar pemilih SPR dengan data warganegara di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Hasil semakan tersebut mendapati bahawa terdapat sebanyak 42,051 pemilih yang menggunakan nombor kad pengenalan yang diragui oleh SPR. Oleh yang demikian, SPR mengambil langkah mempamerkan senarai nama pemilih tersebut yang bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pemilih atau waris pemilih berhubung status nombor kad pengenalan pemilih tersebut sehingga 31 Disember 2011. Sekiranya pemilih tampil memberikan maklum balas berhubung kesahihan status kad pengenalannya, maka rekod pemilih tersebut akan dibekalkan dalam daftar pemilih SPR.

Berdasarkan kepada peruntukan sedia ada, SPR menjalankan urusan pembersihan dan juga mengemaskinikan daftar pemilih sepanjang tahun berdasarkan kepada Peraturan 10 dan juga 25, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftar Pemilih) 2002. Urusan pembersihan daftar pemilih yang dilakukan oleh SPR termasuklah memotong nama pemilih yang disahkan meninggal dunia. Kedua, nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan. Ketiga, nama pengundi tidak hadir yang hilang kelayakan. Keempat, rekod anggota tentera ataupun polis yang telah menamatkan perkhidmatan dan juga kelima nama pengundi biasa yang menyertai perkhidmatan tentera ataupun polis. Itu sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah memandangkan bahawa ada lebih banyak pendedahan tentang kad pengenalan yang diragui ini dan juga oleh sebab ada berita tentang misalnya dua kali diadakan. Kononnya kursus keusahawanan di sebuah *resort* tetapi katanya untuk memberi I/C bagi mengundi, maka apakah pihak kerajaan akan bersetuju mengadakan sebuah Suruhanjaya Diraja sebagaimana yang dicadangkan oleh dua, tiga pihak baru-baru ini. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa soalan penubuhan suruhanjaya yang dimaksudkan tadi telah pun diambil pandangan daripada pihak Jawatankuasa Pilihan Khas dalam pendengaran awam mereka di negeri-negeri yang mereka telah pun menjalankan pendengaran tersebut. Soal usul yang telah pun diambil kira dalam 10 itu termasuk juga pembersihan daftar pemilih. Jawatankuasa ini telah pun mengambil maklum usaha berterusan daripada pihak SPR dalam membersihkan daftar pemilih termasuklah mempamerkan nama-nama pemilih yang rekodnya tidak dapat dipastikan kesahihannya.

Usaha-usaha berterusan itu yang saya katakan tadi untuk memotongkan nama-nama pemilih dan juga mereka yang telah pun meninggal dunia dan hilang kelayakan, yang telah pun dilucutkan ataupun melepaskan kewarganegaraan mereka. Semua ini akan diteruskan oleh pihak SPR. Saya telah pun dimaklumkan bahawa jawatankuasa ini juga mengambil maklum mengenai permintaan dan juga desakan berbagai-bagai pihak dari pendengaran awam pada masa mereka berada di negeri Sabah supaya satu Suruhanjaya Diraja dapat ditubuhkan untuk menyiasat beberapa isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh mereka. Saya difahamkan bahawa perkara ini adalah luas daripada terma rujukan jawatankuasa ini.

Namun, saya difahamkan bahawa jawatankuasa ini akan mengesyorkan supaya suruhanjaya yang disebutkan itu dapat dipertimbangkan. Jadi, walau bagaimanapun seperti yang saya katakan bahawa mereka masih lagi mengadakan *public hearing*.

Selain daripada negeri yang saya telah pun sebutkan tadi, mereka juga akan berada di negeri – selain daripada Sarawak dan Pulau Pinang yang saya sebutkan tadi, akan juga berada di Kota Bharu di Kelantan, dan juga di Johor Bahru, Johor. Jadi, pendengaran awam ini amatlah penting dan juga signifikan kepada pihak-pihak yang ingin memberikan berbagai cadangan dan juga pendapat mengenai pembersihan pemilih pilihan raya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini satu PSC diwujudkan di Dewan Rakyat dan malangnya dalam mewujudkan PSC ini Dewan Negara tidak terlibat. Saya difahamkan mereka akan kemukakan satu laporan. Adakah laporan itu dibahas di Dewan negara juga? Kalau ada, terima kasih dan kalau tidak, mengapa tidak? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Mengenai laporan yang *dispecifickan* oleh Yang Berhormat Senator, saya harap Yang Berhormat Senator dapat memberikan maklumat yang lanjut kepada saya kerana apa yang saya faham. Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya ini telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 1 Disember yang lalu.

■1130

Datuk Liew Vui Keong: Jadi ini isu yang saya sebutkan tadi.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Soalan saya ialah, adakah laporan itu dibahas di dalam Dewan Negara juga?

Datuk Liew Vui Keong: Laporan apa itu?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Laporan yang akan dikemukakan oleh PSC ini?

Datuk Liew Vui Keong: Oh, sememangnya. Yang telah pun dibentangkan dalam Dewan Rakyat ini ialah laporan interim. *Its just an interim report*. Jadi *the full report* akan dibentangkan nanti apabila disiapkan oleh pihak jawatankuasa. Saya yakin bahawa *full report* mestilah akan dibentangkan kerana mereka telah membentangkan *interim report* pada 1 hari bulan.

6. **Datuk Paul Kong Sing Chu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menghentikan kemasukan pelajar luar negara terutamanya dari negara-negara Afrika yang bukan bertujuan untuk belajar tetapi melakukan berbagai-bagai jenayah di mana sebahagiannya jenayah berat seperti pengedar dadah, menipu, jenayah seks dan sebagainya. Bagaimana pula pengedar dadah dari Iran yang menyamar sebagai pelancong.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada ahli Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu yang mengemukakan pertanyaan. Izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan pada 12 Disember, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin pada 13 dan 15 Disember, Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar, pada 15 Disember, Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar, dan Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng pada 20 Disember dan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah pada 21 Disember 2011 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut ada perkaitan dengan perkara yang sama iaitu pelajar dan warga Afrika yang berada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersetujui.

Dato' Lee Chee Leong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengenal pasti kehadiran warga Afrika di Malaysia berdasarkan tujuan-tujuan tertentu seperti melancong, belajar, sebagai pegawai dagang, atau peserta Program Malaysia Rumah Keduaku, atau MM2H sebagai dasar negara seperti menjadikan negara hab pendidikan serantau dan menggalakkan pelancongan kesihatan atau *Health Tourism*, dengan izin, dan lain-lain. Malaysia mengalu-alukan kemasukan warganegara asing yang sah ke negara ini.

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan seramai 72, 892 warga Afrika yang keluar masuk ke negara ini dari bulan Januari hingga Oktober 2011. Sejumlah 23,536 pas pelajar telah dikeluarkan kepada warga Afrika untuk melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi awam atau institut pengajian tinggi swasta, sekolah-sekolah swasta, persendirian dan antarabangsa di seluruh Malaysia.

Tidak dapat dinafikan, di kalangan warga Afrika yang terdapat di negara ini terdapat mereka yang terlibat dengan jenayah terutamanya mereka yang membabitkan pengedaran dadah dan jenayah komersial. Sebanyak 20 kes melibatkan warga Afrika melakukan jenayah pada tahun 2009 telah dicatatkan iaitu dalam jenayah kekerasan sebanyak lima kes dan jenayah harta benda sebanyak 15 kes.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Bagi jenayah kekerasan melibatkan kes rogol sebanyak satu kes. Kes samun berkawan tanpa senjata api dua kes dan mendatangkan cedera dua kes. Dalam jenayah harta benda pula, iaitu kes curi sebanyak 12 kes, dan pecah rumah dan curi tiga kes. Manakala sebanyak 30 kes melibatkan warganegara Afrika melakukan jenayah sepanjang tahun 2010 iaitu dalam jenayah kekerasan sebanyak 12 kes dan jenayah harta benda sebanyak 18 kes.

Bagi jenayah kekerasan melibatkan kes rogol sebanyak dua kes, kes samun berkawan bersenjata api satu kes, dan kes samun berkawan tanpa senjata api tujuh kes dan mendatangkan cedera dua kes. Dalam jenayah harta benda pula, iaitu kes curi sebanyak sembilan kes. Kes curi motokar satu kes dan pecah rumah dan curi enam kes.

Manakala bagi tahun 2011 sehingga Julai 2011 sebanyak sembilan kes melibatkan warga negara Afrika melakukan jenayah pada tahun ini, iaitu jenayah kekerasan sebanyak empat kes dan jenayah harta benda sebanyak lima kes. Bagi jenayah kekerasan melibatkan kes rogol sebanyak dua kes dan kes samun tanpa senjata api dua kes. Dalam jenayah harta benda pula, iaitu kes curi sebanyak empat kes, dan pecah rumah dan curi satu kes.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian amat serius dalam mengawal kehadiran warga Afrika di negara ini dalam menangani jenayah-jenayah yang dilakukan oleh kumpulan ini. di antara tindakan yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia dalam menangani masalah ini adalah seperti berikut:-

Melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia, pihak berkuasa tempatan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia secara berterusan untuk mengesan, menangkap mendakwa dan mengusir warga Afrika yang melanggar peruntukan undang-undang negara. Sekiranya didapati bersalah, warga Afrika yang melakukan kesalahan di bawah Perkara 39B, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 iaitu kesalahan penyalahgunaan pas akan disenaraihitamkan dan dihantar pulang ke negara asal mereka.

Dalam hubungan ini, statistik Jabatan Imigresen Malaysia dari bulan Januari hingga Oktober 2011 menunjukkan sebanyak 764 tangkapan telah dibuat ke atas warga Afrika. 31 orang dalam proses pendakwaan, 1,107 orang telah dikenakan denda kompaun dan 146 orang telah diusir.

Pihak pengurusan institusi pengajian tinggi swasta, institusi pendidikan swasta dan pusat bertauliah juga bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pembangunan Kemahiran selaku agensi kawal selia ke atas setiap perubahan pelajar antarabangsa seliaan mereka dari segi tempat belajar dan kediaman, kursus yang diikuti, pencapaian dalam akademik dan kedatangan ke kelas, kehadiran di bawah 80 peratus seterusnya dilaporkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia secara berkala untuk tujuan penguatkuasaan dan pemantauan ke atas pelajar-pelajar Afrika.

Kementerian juga telah menubuhkan satu sub-unit khas pas pelajar yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pengajian Tinggi Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia bagi menangani isu-isu berkaitan pelajar antarabangsa dan mengkaji semula prosedur pengambilan dan urusan pelajar antarabangsa supaya lebih berkesan dalam menapis kemasukan pelajar antarabangsa ke negara ini.

■1140

Melalui program penyelesaian menyeluruh terhadap pendatang asing tanpa izin, sistem biometrik yang dikenali sebagai *National Enforcement Registration System* (NERS) digunakan sebagai kaedah penyimpanan rekod warga asing di bawah proses pendaftaran yang telah dimulakan penguatkuasaannya pada 1 Jun 2011. Pengambilan biometrik dilakukan berasaskan piawaian antarabangsa agar menghasilkan kerjasama yang lebih berkesan di antara agensi-agensi antarabangsa dan agensi-agensi penguat kuasa dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan warganegara Iran yang masuk ke Malaysia pada tahun 2009 adalah seramai 101,644 orang manakala pada tahun 2010 adalah seramai 108,047 orang. Kemasukan warganegara Iran sebagai pelancong adalah penting bagi memantapkan industri pelancongan di negara ini. Walau bagaimanapun, Jabatan Imigresen Malaysia telah sentiasa memantau pergerakan keluar masuk mereka. Polis Diraja Malaysia akan memastikan mana-mana warganegara asing yang didapati melakukan kegiatan jenayah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1957 akan dikenakan tindakan undang-undang yang tegas.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan warga Malaysia yang ditahan di luar negara atas kesalahan dadah serta dijadikan keldai dadah, rekod PDRM menunjukkan pada tahun 2009, seramai 56 orang iaitu 30 orang lelaki dan 26 orang wanita ditangkap di luar negara. Bagi tahun 2010, seramai 48 orang iaitu 33 orang lelaki dan 15 orang wanita dan bagi tahun ini sehingga bulan Oktober, seramai 45 orang terdiri daripada 29 orang lelaki dan 16 orang wanita telah ditahan di luar negara atas kesalahan dadah. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan seterusnya, Tuan Ng Fook Heng.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Eh! Tambahan tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Oh! Datuk. Minta maaf. Silakan Datuk. Silakan. Tidak nampak.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak bertanya satu soalan. Walaupun banyak perkara dilakukan oleh kementerian untuk menyekat kemasukan pendatang asing tetapi mereka terus melakukan macam-macam jenayah; rogol, bunuh, peras ragut, mencuri dan macam-macam. Walaupun banyak cara tetapi masih mereka datang. Ini menunjukkan kelemahan yang ketara daripada pihak kementerian.

Saya hendak bertanya, apakah langkah-langkah yang paling terbaru untuk menyekat sebarang kemasukan warga asing ini? Ini disebabkan Malaysia adalah satu-satunya negara dalam dunia yang paling ramai pekerja asing dibandingkan dengan *ratio* penduduk. Malaysia, nombor satu. Lebih daripada 20 peratus pekerjanya ialah warga asing.

Saya sangat berdukacita, kecewa dengan langkah-langkah yang diambil tidak berkesan. Saya mahu menuntut satu jawapan yang konkrit bagaimana hendak menyekat pekerja asing termasuk *illegal*. Kita tidak mahu Malaysia dijadikan medan tempat longgokan sampah-sampah dari luar negara. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pertanyaan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, mengenai tentang langkah-langkah yang terbaru yang telah diambil oleh kementerian, antara satu ialah pengambilan dan pengesahan biometrik seseorang warga asing yang telah direkodkan sebelum ini boleh disemak dengan pangkalan data NERS yang berupaya mengesan identiti warga asing tersebut. Sistem NERS dapat mengesan penggunaan dokumen perjalanan berdasarkan identiti palsu oleh warga asing dan secara tidak langsung dapat mengawal kemasukan warga asing yang bermasalah. Dengan pelaksanaan pendaftaran biometrik di pintu-pintu masuk, pergerakan pelancong keluar masuk mudah untuk dikesan.

Di samping itu, memang sejak tahun ini kerajaan pun telah mengambil tindakan untuk pendaftaran PATI atau pekerja warga asing melalui Program 6P. Program ini masih berjalan sehingga hujung tahun ini. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Ng Fook Heng** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, adakah benar bahawa kaum wanita di Malaysia adalah keenam belas tertekan di dunia. Apakah sebabnya dan langkah-langkah yang seharusnya dilakukan oleh kementerian untuk menolong golongan ini. Siapakah golongan wanita ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian *Women of Tomorrow: A Study of Women Around the World*, satu kajian mengenai corak berbelanja dan dengan izin, *media habits* kaum wanita yang dijalankan oleh Nielsen iaitu sebuah syarikat penyelidikan media dan maklumat yang terkemuka. Didapati bahawa Malaysia berada pada kedudukan keenam belas tertekan di dunia ataupun 44 peratus daripada responden. Kajian ini melibatkan sebanyak 21 buah negara iaitu sebelas buah negara maju dan sepuluh buah negara yang sedang membangun yang meliputi Rantau Asia, Eropah, Latin Amerika, Afrika dan Amerika Utara serta seramai 6,500 orang wanita sebagai responden.

Sebanyak sepuluh buah negara teratas ialah India iaitu 87 peratus diikuti oleh Mexico (74 peratus), Rusia (69 peratus), Brazil (67 peratus), Sepanyol (66 peratus), Perancis (65 peratus), Afrika Selatan dan Itali (64 peratus), Nigeria (58 peratus) dan Turki (56 peratus). Manakala bagi Rantau Asia, Jepun berada pada kedudukan kedua belas dengan 52 peratus, China pada kedudukan ketiga belas (51 peratus), Thailand dan Korea Selatan masing-masing berada pada tempat kelima belas iaitu 45 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, kajian tersebut juga menunjukkan bahawa antara faktor yang menyebabkan wanita menghadapi tekanan ialah tiada keseimbangan dalam kerjaya dan tanggungjawab terhadap keluarga. Walaupun mereka menyumbang kepada peningkatan ekonomi keluarga, namun dalam masa yang sama, mereka terpaksa menjaga anak-anak, mengurus rumah tangga dan membantu pekerjaan ataupun perniagaan suami. Selain itu, mengikut Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara iaitu LPPKN pada tahun 2004, sebanyak 33 peratus wanita bekerja menghadapi masalah dalam mengimbangi peranan antara keluarga dan kerja. Hasil kajian juga mendapati bahawa antara masalah keluarga utama yang dihadapi oleh wanita adalah masalah kewangan iaitu 56.6 peratus, masalah anak remaja (17.5 peratus) dan masalah hubungan dengan suami (6.9 peratus).

■1150

Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa pelbagai cabaran yang dihadapi oleh wanita terutama dalam mengimbangi kerjaya dengan tanggungjawab keluarga, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah pun mengambil pelbagai inisiatif untuk mengurangkan masalah tersebut serta langkah-langkah untuk memperkukuhkan institusi keluarga agar ia tidak menambahkan tekanan kepada wanita. Antaranya adalah;

- (i) mengimbangi keluarga dan kerjaya dengan mengadakan Program Keluarga@Kerja ataupun *Parenting@Work* khususnya untuk ibu bapa yang bekerja sama ada di sektor awam dan swasta mulai tahun 2007 untuk mengimbangi tanggungjawab kerja dan keluarga;
- (ii) membantu keluarga yang berkerjaya dapat menikmati pengasuhan dan penjagaan anak yang berkualiti, kerajaan menggalakkan majikan menubuhkan pusat penjagaan anak dengan menyediakan geran pelancaran manakala subsidi yuran pengasuhan turut diberikan kepada keluarga yang berpendapatan rendah yang layak;
- (iii) meningkatkan *accessibility* kepada perkhidmatan sokongan keluarga iaitu memperluaskan perkhidmatan sokongan keluarga selain perwujudan pusat jagaan harian untuk warga emas, penyediaan saringan kesihatan dan perkhidmatan kesejahteraan;
- (iv) menyediakan khidmat kaunseling dan meditasi kepada kaum wanita dengan pasukan pakar seramai 109 orang kaunselor yang berdaftar menerusi pejabat-pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan LPPKN. Perkhidmatan kaunseling juga kini boleh diakses oleh lebih ramai keluarga berikutan pelantikan 57 orang kaunselor secara *session* di 41 pusat keluarga LPPKN;
- (v) mengadakan kursus pengurusan kewangan. Tuan Yang di-Pertua menyedari bahawa kemiskinan dan kesempitan kewangan antara masalah yang dihadapi oleh wanita, kementerian melalui LPPKN telah menyediakan program pengurusan kewangan keluarga The Smart Belanja@LPPKN untuk membantu keluarga meningkatkan pengetahuan, memberi panduan dan kemahiran dalam merancang kewangan serta perbelanjaan keluarga setiap bulan. Program ini dijalankan dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK); dan
- (vi) kemahiran perhubungan antara pasangan. Bagi membantu wanita menguruskan konflik dan tekanan tajuk Alam Keibubapaan serta menangani tekanan dan konflik turut diintegrasikan dalam Kursus Pra Perkahwinan *Smart Start* LPPKN, kursus ini dihadiri oleh pasangan yang akan berkahwin dan baru berkahwin iaitu kurang daripada lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua bagi mewujudkan masyarakat yang bahagia peranan semua pihak perlu digiatkan, setiap lapisan masyarakat perlu memahami bahawa hak dan tanggungjawab masing-masing untuk melahirkan masyarakat yang harmoni, mulia dan saling bertanggungjawab pembentukan keluarga yang berdaya tahan dan bahagia tanpa mengira faktor gender. Sekian terima kasih.

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi, saya rasa kita memang ada banyak sebab kaum wanita ini rasa tertekan jiwa dan perasaan, saya hendak menunjukan kepada satu golongan wanita yang daif, yang miskin di mana mereka terpaksa menanggung keluarga selepas pemergian suaminya. Katakan suaminya sakit kanser semasa masih muda ataupun hilang kerana kemalangan. Jadi adakah kementerian menjaga golongan wanita ini selepas ditinggalkan oleh suaminya dan katakanlah mereka ini miskin sebelum mereka meninggal ini mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selepas meninggal tentulah JKM tahu bahawa orang ini tidak datang lagi untuk mengambil bantuan tersebut bermakna sudah meninggal, jadi apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk menjaga kaum wanita ini, sekian.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat menyentuh tentang kebajikan ibu tunggal. Untuk maklumat Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, sebenarnya apabila bantuan JKM untuk si suami yang sakit dan kemudian setelah si suami tersebut meninggal maka bantuan JKM tersebut dengan sendirinya akan diberhentikan. Sekiranya isteri ataupun ibu tunggal itu mengalami masalah kewangan maka permohonan yang baru haruslah dikemukakan. Ini kerana mereka akan dibantu di bawah skim bantuan JKM yang berbeza iaitu skim bantuan JKM untuk mereka yang sakit terlantar dan skim bantuan JKM untuk ibu tunggal berkaitan contohnya bantuan kanak-kanak dan sebagainya adalah merupakan skim yang berbeza dan mempunyai kriteria dan syarat yang berbeza. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan yakin dengan Rangka Kerja Kolaborasi Komprehensif (CCF) antara Penerbangan Malaysia (MAS), AirAsia Bhd. (AirAsia) dan AirAsia X mampu memperbaiki prestasi MAS serta mewujudkan persaingan sihat dalam industri penerbangan tempatan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengizinkan saya untuk menjawab sekali gus pertanyaan soalan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamad bin Yusop hari ini dengan pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman pada 12 Disember, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin pada 13 Disember, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap pada 19 Disember, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim pada 21 Disember, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok pada 22 Disember. Memandangkan semua pertanyaan menyentuh perkara yang berkaitan transaksi pertukaran keberhasilan saham atau *share short* di antara MAS dan AirAsia.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat pada 9 Ogos 2011, Malaysia Airlines System Berhad (MAS), AirAsia Berhad (AirAsia) dan AirAsia X Sdn. Bhd. (AirAsia X) telah menyertai rangka usaha sama komprehensif atau *Comprehensive Collaboration Framework* atau CCF bagi meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai bidang. Bagi mengukuhkan kerjasama dan memperoleh manfaat bersama Khazanah Nasional Berhad, pemegang saham utama MAS dan Tune Air Sdn Bhd, pemegang saham utama AirAsia telah melaksanakan pertukaran saham-saham MAS dan AirAsia.

Adalah perlu dijelaskan di sini bahawa transaksi pertukaran saham yang dimaksudkan sebenarnya adalah di antara para pemegang saham kedua-dua buah syarikat dan bukannya di antara MAS dan AirAsia. Transaksi pertukaran saham tersebut *Tune Air* telah memiliki 20.5 peratus saham dalam MAS sementara Khazanah memiliki 10 peratus saham di AirAsia, nisbah pertukaran saham berdasarkan kepada permodalan pasaran MAS dan AirAsia pada sesi penutup dagangan pada 5 Ogos 2011. Transaksi tersebut tidak melibatkan sebarang wang tunai atau pertukaran wang.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, rasional di sebalik pertukaran saham MAS dan AirAsia oleh Khazanah dan MOF ini adalah untuk memperkukuhkan usaha sama dan menyelesaikan dan menjelaskan kepentingan kedua-dua pemegang saham di bawah CCF yang dilaksanakan oleh MAS, AirAsia dan AirAsia X. Di antara rasional utama CCF adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan kepada pelanggan serta memperkukuhkan persekitaran industri penerbangan negara;
- (ii) meneroka bidang-bidang kerjasama yang berpotensi termasuk pembelian pesawat, kejuruteraan, perkhidmatan darat dan sokongan, perkhidmatan kargo, catering dan latihan;

- (iii) mengukuhkan kerjasama menerusi penyelarasan kepentingan bersama para pemegang saham;
- (iv) menggalakkan kerjasama antara pihak kerajaan dan swasta; dan
- (v) memastikan industri penerbangan negara kekal, mampan dan kukuh untuk menghadapi persaingan di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, harus ditekankan di sini bahawa kerjasama di bawah CCF ini adalah hanya sebahagian daripada rancangan pemulihan MAS. MAS akan terus menumpukan usaha untuk memperbaiki operasi dan mengukuhkan kewangannya dan berusaha menjadi syarikat penerbangan yang berdaya maju di masa hadapan. Pertukaran saham ini hanya melibatkan pertukaran pemegangan saham di peringkat pemegang saham utama kedua-dua syarikat. Dengan itu kedua-dua syarikat penerbangan adalah masih beroperasi sebagai dua entiti komersial yang berasingan yang perlu membayar cukai kepada kerajaan mengikut kadar cukai berdasarkan keuntungan yang diperolehi bagi setiap tahun kewangannya.

Melalui kerjasama ini, tidak timbul sebarang isu monopoli memandangkan pertukaran saham ini tidak akan menjejaskan persaingan antara syarikat-syarikat penerbangan yang terlibat. Ini kerana kesemua syarikat berkenaan kekal sebagai entiti komersial yang berasingan dengan model perniagaan dan produk yang berbeza. Setiap syarikat akan terus beroperasi dan mempertingkatkan produk masing-masing dalam lingkungan pasaran tersendiri. MAS kekal sebagai syarikat penerbangan perkhidmatan penuh atau *full service*, sementara AirAsia kekal sebagai syarikat penerbangan tambang murah (LCC). Justeru, model LCC memerlukan AirAsia untuk terus menawarkan harga tiket yang murah kepada para pelanggannya.

Bagi isu permasalahan yang dibangkitkan oleh Kesatuan Pekerja MAS, sehingga kini isu berkenaan dapat dikendalikan oleh pihak pengurusan MAS tanpa campur tangan kerajaan. Pihak pengurusan MAS telah mengadakan beberapa siri rundingan dengan pelbagai pihak termasuk kumpulan pekerja, persatuan dan kesatuan sekerja selepas CCF diumumkan untuk memperjelaskan perkara berkenaan. Dalam hubungan ini, sebarang keputusan yang dibuat oleh MAS akan sentiasa mengambil kira kepentingan semua *stakeholders*, terutamanya kakitangan syarikat yang merupakan nadi sesebuah syarikat. Sekian.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada pandangan saya, dengan terhasilnya perkongsian pintar terbaru antara MAS dan AirAsia, kita nampak persaingan akan berubah kepada perkongsian. Di mana kedua-dua pihak akan meraih banyak keuntungan dari segi logistik, tenaga kerja dan juga kod laluan antarabangsa. Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kementerian melihat tiga isu utama yang berterusan dibangkitkan oleh orang ramai. Pertama, adakah kepentingan awam terbela, kedua, adakah MAS sendiri sebagai entiti yang mengalami kerugian, dapat dipulihkan dan ketiga, anggapan bahawa AirAsia dan TuneAir akan lebih memperoleh keuntungan berbanding MAS dan Khazanah Nasional. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahamat. Mengenai soalan isu dengan MAS dan AirAsia. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kepentingan awam kita sentiasa jaga. Dari segi pemantauan, saya hendak beri sedikit makluman di sini. Beberapa ahli lembaga pengarah yang sama akan dilantik untuk menduduki di kedua-dua syarikat dan juga sebuah jawatankuasa kerjasama bersama akan diwujudkan melibatkan pengarah daripada kedua-dua buah syarikat penerbangan untuk melaksanakan perjanjian. Sebuah panel penasihat kerjasama akan diwujudkan bagi memastikan kedua-dua belah pihak memelihara kepentingan awam dalam operasi masing-masing serta meningkatkan imej dan nama baik Malaysia terutamanya di arena antarabangsa. Dengan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, memang kita semua pun mesti selalu pantau isu ini.

Saya hendak beri sedikit maklumat juga mengenai MAS. Untuk sembilan bulan pertama tahun ini, tahun kewangan 2011, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM1.2 bilion. Ini memang *the biggest loss in 10 years*. Untuk AirAsia, sembilan bulan pertama tahun kewangan 2011 adalah keuntungan RM428 million. Oleh itu, memang kita tahu seperti yang surat khabar *The Star* hari ini ada mengumumkan iaitu MAS dan AirAsia, mereka masing-masing akan memaklumkan kepada media dan *analyst* dalam satu media supaya *business plan* yang mereka akan ambil untuk dalam tempoh lima tahun. Saya harap Ahli Yang Berhormat kalau lihat di surat khabar ada yang tidak berapa - hendak minta tanya lagi, boleh tanya lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini mengalu-alukan kehadiran rombongan dari Parlimen Australia yang diketuai oleh Yang Berhormat Miss Maria Vamvakinou... [Tepuk] Bersama-sama dengan empat orang Ahli Parlimen yang lain. Kepada Yang Berhormat Miss Maria Vamvakinou dan anggota rombongan, Dewan ini mengalu-alukan sekali lagi kehadiran ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Yang Berhormat, Miss Maria Vamvakinou dan delegasinya ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Australia yang telah sedia ada terjalin erat... [Tepuk] Silakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dalam kerjasama di antara MAS dan AirAsia yang telah diumumkan pada bulan Ogos yang lepas, ada pihak-pihak yang dianggap telah mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan. Ini telah pun disahkan oleh Kementerian Kewangan sendiri pada 2 November yang lepas yang mengatakan satu siasatan akan dijalankan bagi mengesahkan sama ada wujudnya perniagaan dalaman ataupun *insider trading* di kalangan AirAsia dan juga MAS sendiri. Ini kerana ada pihak-pihak yang digambarkan telah mendapat keuntungan kerana kalau kita ikut harga pasaran AirAsia sebagai contoh. Pada bulan Jun, ia bernilai sekitar RM2.80 tetapi telah mencecah sehingga RM3.92 pada hari sebelum ia digantung. Jadi ini menjadikan keraguan kepada pasaran. Saya hendak tahu apakah keadaan keputusan penyiasatan itu. Terima kasih.

■1210

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Mohammed Najeeb atas soalan iaitu pihak-pihak tertentu dapat keuntungan daripada transaksi ini. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian sedar bahawa harga yang pada masa itu telah meningkat begitu banyak terutama sekali Air Asia. Harga pada hari itu, transaksi yang dibuat AirAsia adalah RM3.95 dan harga MAS ada RM1.60.

Untuk maklumat Yang Berhormat harga pada hari Jumaat yang lepas AirAsia ada RM3.93, hanya dua sen berbeza. Manakala MAS RM1.35. Untuk maklumat Yang Berhormat kementerian telah arahkan pihak *Securities Commission* supaya buat satu siasatan dan kita belum menerima siasatan itu. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Armani binti Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.13 tgh.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin]: *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 -D.R.25/2011 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Armani binti Haji Mahiruddin]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Kampong Bharu yang dahulunya merupakan sebuah kawasan perkampungan Melayu sehingga kini masih tidak banyak berubah seiring dengan kawasan kelilingnya yang telah membangun yang begitu pesat. Oleh disebabkan oleh pelbagai halangan dan kekangan yang telah dihadapi menjadikan Kampong Bharu semakin terpinggir daripada arus pembangunan.

Sekiranya keadaan ini berterusan adalah dibimbangkan Kampong Bharu akan menjadi kawasan kurang membangun yang berada di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur yang dikelilingi dengan kawasan-kawasan yang telah membangun dengan pesatnya seperti *Kuala Lumpur City Centre*, kawasan Jalan Tunku Abdul Rahman, kawasan Jalan Tun Razak dan kawasan Jalan Ampang.

Kampong Bharu kini dilihat sebagai kawasan perumahan kurang teratur dan kurang membangun berbanding dengan kawasan-kawasan lain sekitarnya di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur. Walaupun penduduk Kampong Bharu mempunyai tanah yang boleh dikatakan bernilai tinggi namun disebabkan oleh halangan-halangan tertentu menyebabkan Kampong Bharu tidak dapat dibangunkan dan agak terpinggir serta ketinggalan dalam arus pembangunan.

Justeru cadang pembangunan semula Kampong Bharu yang dapat menguntungkan semua pihak adalah kritikal. Pembangunan Kampong Bharu perlu digerakkan dan digembleng sepenuhnya bagi menjanakan pertumbuhan ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur khususnya di kalangan pemilik dan pewaris Kampong Bharu. Potensi pembangunan yang terdapat di kawasan terbabit perlu dimaksimumkan dan dalam masa yang sama kepentingan orang Melayu tidak terabai dan tetap terpelihara.

Perancangan pembangunan Kampong Bharu tidak harus dilihat dan dianggap sebagai usaha untuk mengikis hak dan kepentingan orang Melayu di tengah-tengah Menara Kuala Lumpur. Dalam usaha untuk memastikan keseimbangan di antara memaksimumkan potensi pembangunan dengan memelihara dan menjaga kepentingan orang Melayu di kawasan tersebut, peranan dan perkhidmatan aktif pihak kerajaan dalam membangunkan semula Kampong Bharu dilihat sebagai penggerak dan pemudah cara kepada kejayaan pembangunan semula Kampong Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, berdasar keperluan pembangunan Kampong Bharu serta pandangan penduduk yang mencadangkan supaya pembangunan semula Kampong Bharu hendaklah diterajui oleh pihak kerajaan melalui penubuhan satu perbadanan di bawah akta Parlimen yang mana perbadanan ini akan berfungsi sebagai badan penyalaras utama ataupun fasilitator bagi pembangunan semula tersebut. Maka kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan satu perbadanan yang dinamakan sebagai Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu. Antara objektif utama penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu adalah untuk:

- (i) bertindak sebagai penyelarar utama yang berkaitan dengan pembangunan ataupun pembangunan semula ataupun penambahbaikan kawasan Kampong Bharu;
- (ii) memacu pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan, merangsang, memudahkan dan menyelarar pembangunan ekonomi, komersial, serta infrastruktur dan kemudahan awam dalam kawasan Kampong Bharu;
- (iii) memastikan dasar, arahan dan strategi berhubung dengan pembangunan di kawasan Kampong Bharu dilaksanakan mengikut pelan struktur dan pelan tempatan yang disediakan di bawah Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982; dan
- (iv) memberi khidmat nasihat dan perundingan berhubung dengan kawasan pembangunan Kampung Baharu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa siri majlis perjumpaan di antara pihak kerajaan yang diterajui oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bersama pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu telah diadakan sejak 29 Mei 2010. Satu majlis penerangan kepada pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu mengenai cadangan konsep dan kaedah pelaksanaan pembangunan Kampong Bharu Kuala Lumpur telah diadakan di PWTC turut dihadiri oleh seramai lebih daripada seribu pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu.

Melalui sesi penerangan tersebut dapat dirumuskan bahawa para pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu telah diperjelaskan tentang keperluan pembangunan semula Kampong Bharu dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang akan ditubuhkan di bawah satu akta Parlimen sejajar dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Kampong Bharu pada 6 Februari 2010. Susulan itu, draf Rang Undang-undang Perbadanan Kampong Bharu telah digubal dengan mengambil kira pandangan dari pihak berkepentingan terutama pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu.

Seterusnya maklum balas yang diterima daripada tokoh-tokoh korporat, *wise man*, dengan izin, pihak-pihak lain yang terlibat dalam pembangunan Kampong Bharu serta wakil-wakil pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu telah dibincang secara terperinci di peringkat kementerian menerusi *lab* Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu pada 1 Ogos 2010 hingga 4 Ogos 2010. Sebanyak dua lagi majlis perjumpaan telah diadakan pada 14 Disember 2010 dan 11 Februari 2011 untuk menerangkan status perkembangan terkini cadangan pembangunan semula di Kampong Bharu kepada pemilik dan pewaris tanah, kepada Lembaga Pentadbiran dengan izin *Malay Agricultural Settlement* serta badan-badan bukan kerajaan di Kampong Bharu iaitu Persatuan Pembangunan Kampung Baharu (PPKB), Persatuan Anak-anak Kampung Bharu (PAKAM).

Dalam majlis perjumpaan tersebut, pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu telah menyuarkan pandangan terhadap beberapa fasa dalam draf undang-undang tersebut dan minta supaya penambahbaikan dilakukan ke berapa fasa dalam rang undang-undang itu. Maklum balas dan pandangan tersebut diterima baik oleh kementerian. Penambahbaikan terhadap fasa yang terlibat telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti dan digubal semula.

Seterusnya beberapa siri majlis perjumpaan pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu telah diadakan pada 3 Jun 2011, 5 Jun 2011 dan 11 Jun 2011 untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan yang telah dibuat. Perjumpaan terakhir dan terkini dengan pihak-pihak berkepentingan dalam Kampung Baharu juga turut dibuat pada 3 Oktober 2011 bagi memperjelaskan lagi semua keperluan yang diambil kira oleh pihak kementerian berdasarkan pandangan dan saranan mereka dalam proses pengubalan Rang undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampung Baharu 2011 ini.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 merupakan perundangan yang diperlukan dalam proses penubuhan Perbadanan Kampong Bharu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar, arahan, strategi yang berkaitan berhubung dengan pembangunan dalam kawasan Kampong Bharu. Ia juga bertujuan untuk menggalak, merangsang, meningkat, memudah dan menyelaras pembangunan dalam kawasan Kampong Bharu serta untuk mengadakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya.

Selain itu, rang undang-undang ini juga akan memperjelaskan fungsi dan kuasa perbadanan dalam proses pembangunan semula Kampong Bharu, Kuala Lumpur. Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu akan diberi fungsi dan kuasa bagi melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan secara berkesan di kawasan Kampong Bharu. Selain itu, dapat mewujudkan keyakinan di kalangan pemilik dan pewaris serta bakal-bakal pemilik hartanah Kampong Bharu untuk sama-sama terlibat dalam pembangunan Kampong Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi tujuh bahagian, 55 fasal dan dua jadual. Bahagian I, rang undang-undang memperkatakan mengenai perkara permulaan. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan melalui pemberitahuan dan warta. Manakala fasal 2 mengandungi takrif perkataan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Bahagian II rang undang-undang mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu. Fasal 3 mengadakan peruntukan berhubung dengan penubuhan perbadanan yang dinamakan sebagai Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu.

Fasal 4 membenarkan perbadanan untuk mempunyai materai perbadanan.

Fasal 5 mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan perbadanan dan hendaklah terdiri daripada:

- (a) pengerusi yang hendak dilantik hendaklah dilantik oleh Menteri tertakluk kepada kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (b) timbalan pengerusi yang hendak dilantik oleh Menteri dari kalangan tuan punya tanah dan pewaris dari Kampong Bharu;
- (c) tidak lebih dua orang wakil Kerajaan Persekutuan hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (d) Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ataupun wakilnya;
- (e) Datuk Bandar Kuala Lumpur atau wakilnya;
- (f) seorang wakil Kerajaan Negeri Selangor yang dinamakan oleh Raja Negeri Selangor dan hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (g) lima orang dari kalangan tuan punya tanah dan pewaris tanah di Kampong Bharu yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan
- (h) tidak lebih daripada tiga orang anggota lain yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dan menunjukkan profesionalisme dalam perkara yang berhubung dengan hal ehwal pembangunan, pengendalian dan pentadbiran hal ehwal Kampong Bharu ataupun apa-apa kelayakan sesuai yang lain.

Fasal 6 mengadakan peruntukan tatacara yang hendaklah dipatuhi oleh perbadanan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 7 mengandungi peruntukan bagi tempoh jawatan anggota perbadanan yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a), (b), (c), (f), (g) ataupun (h) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya ataupun pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu.

Fasal 8 mengadakan peruntukan bagi pembayaran saraan dan elaun kepada anggota perbadanan.

Fasal 9 mengandungi pembatalan pelantikan anggota perbadanan dan peletakan jawatan mereka.

Fasal 10 menyatakan keadaan-keadaan yang menyebabkan jawatan anggota perbadanan menjadi kosong.

Fasal 11 memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik secara sementara mana-mana anggota perbadanan untuk menjalankan fungsi pengerusi jika jawatan pengerusi kosong ataupun apabila pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak dapat melaksanakan fungsinya.

Fasal 12 memberi perbadanan kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa untuk membantunya.

Fasal 13 mengehendaki seorang anggota perbadanan atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh perbadanan supaya menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang di bincang oleh perbadanan atau jawatankuasa itu. Kegagalan untuk menzahirkan kepentingan adalah satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun ataupun kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III adalah rang undang-undang memperkatakan mengenai fungsi dan kuasa perbadanan. Fasal 14 dan fasal 15 menyatakan fungsi dan kuasa perbadanan.

Fasal 16 membenarkan perbadanan untuk mewakili apa-apa fungsi dan kuasa kepada anggota perbadanan, jawatankuasa perbadanan atau pekerja perbadanan secara bertulis.

Fasal 17 memberi Menteri kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada perbadanan dan tidak bercanggah dengan peruntukan dalam akta ini.

Fasal 18 meletakkan kewajipan ke atas perbadanan untuk memberi penyata, laporan, akaun dan maklumat tertentu kepada Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV akta yang mengandungi fasal 19 hingga fasal 26 memperkatakan mengenai Majlis Penasihat yang di tubuh di bawah akta yang dinyatakan. Penubuhan Majlis Penasihat adalah bagi maksud menasihati perbadanan sebagai membolehkan terdapat sesuatu semakan danimbangan pentadbiran perbadanan terutamanya dengan mengambil kira kepentingan orang Melayu di Kampong Bharu.

Fasal 19 mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Penasihat yang berperanan menasihati perbadanan.

Fasal 20 menyatakan keanggotaan Majlis Penasihat dan terdiri daripada:

- (a) pengerusi; dan
- (b) tidak lebih daripada 14 orang yang merupakan wakil masyarakat Kampong Bharu.

Masyarakat Kampong Bharu bermaksud tuan punya tanah dan pewaris tanah Kampong Baharu yang:

- (a) ialah anggota badan bukan kerajaan yang mempunyai kepentingan dalam Perbadanan Kampong Bharu; dan

(b) terlibat dalam aktiviti komersial di Kampong Bharu.

Fasal 21 memperkatakan mengenai tempoh jawatan anggota Majlis Penasihat.

Fasal 22 mengadakan peruntukan bagi pembatalan pelantikan anggota Majlis Penasihat dan peletakan jawatan mereka.

Fasal 23 memberi Menteri kuasa untuk melantik secara sementara mana-mana anggota Majlis Penasihat untuk bertindak sebagai Pengerusi Majlis Penasihat apabila jawatan pengerusi kosong ataupun tidak hadir bertugas ataupun tidak ada di Malaysia ataupun pengerusi tidak boleh melaksanakan fungsinya.

Fasal 24 menyatakan hal keadaan yang menjadi jawatan anggota Majlis Penasihat kosong.

Fasal 25 mengadakan peruntukan bahawa peruntukan penzahiran kepentingan yang dikenakan ke atas perbadanan di bawah klausa 13 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi anggota Majlis Penasihat.

Fasal 26 mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun bagi anggota Majlis Penasihat.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V rang undang-undang memperkatakan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pekerja perbadanan. Fasal 27 menyatakan mengenai pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan yang dilantik oleh Menteri dengan kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang merupakan seorang Melayu mengikut pengertian yang diberikan kepada di bawah fasal 2, Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 28 memberi kuasa Menteri untuk melantik secara sementara mana-mana pekerja perbadanan untuk menjalankan kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif jika jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong ataupun apabila Ketua Pegawai Eksekutif tidak ada atau tidak dapat melaksanakan kewajipannya.

Fasal 29 mengadakan peruntukan bagi pelantikan pekerja perbadanan.

Fasal 30 membenarkan perbadanan menentukan syarat perkhidmatan pekerjaan tertakluk kepada kelulusan Menteri.

Fasal 31 dan fasal 32 memperkatakan kuasa perbadanan untuk memberi pinjaman biasiswa dan pendahuluan kepada pekerjanya dan kuasa untuk membuat perkiraan bagi pembayaran faedah persaraan, pencen, ganjaran dan elaun lain kepada pekerjanya dan tanggungan mereka.

■1230

Fasal 33 mengandungi peruntukan mengenai surcaj.

Fasal 34 menyatakan bahawa geran boleh menerima pakai dengan apa-apa ubahsuai yang difikirkan patut, apa-apa peraturan, kaedah, dasar, pekeliiling dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara pun di bawah Bahagian ini.

Bahagian VI - Kewangan.

Fasal 35 mengandungi peruntukan bagi penubuhan "kumpulan Wang Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu" ("Kumpulan Wang").

Fasal 36 menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.

Fasal 37 meletakkan kewajipan ke atas Perbadanan untuk memelihara Kumpulan Wang.

Fasal 38 menghendaki Perbadanan untuk menubuhkan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang itu.

Fasal 39 menghendaki Perbadanan menyediakan suatu anggaran perbelanjaannya.

Fasal 40 membenarkan Perbadanan membuka dan menyenggarakan akaun bank.

Fasal 41 membolehkan Perbadanan meminjam wang.

Fasal 42 membolehkan Perbadanan melakukan pelaburan wang Perbadanan.

Fasal 43 memperuntukkan pembayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Fasal 44 memperuntukkan bahawa Perbadanan tidak boleh membuat apa-apa kontrak yang melebihi sepuluh juta ringgit tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan.

Fasal 45 membenarkan Perbadanan menentukan tatacara kewangannya.

Fasal 46 menyatakan bahawa tahun kewangan Perbadanan hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Fasal 47 menghendaki Perbadanan untuk menyimpan akaun Kumpulan Wang dan laporan aktiviti Perbadanan yang sepatutnya dan mengemukakan akaun dan laporan itu kepada Menteri untuk dibentangkan di Parlimen.

Fasal 48 memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai bagi Perbadanan.

Bahagian VII - Peruntukan Am.

Fasal 49 mengadakan peruntukan bagi memulakan dan menjalankan pendakwaan kesalahan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 50 menyatakan bahawa anggota Perbadanan, anggota Jawatankuasa, pekerja dan ejen Perbadanan disifatkan sebagai perkhidmatan awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Fasal 51 memberikan perlindungan yang diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

Fasal 52 memperkatakan mengenai peruntukan yang berhubungan dengan kewajipan untuk mengekalkan kerahsiaan.

Fasal 53 memperkatakan mengenai perwakilan dalam prosiding sivil.

Fasal 54 memberi Perbadanan kuasa untuk menubuhkan syarikat.

Fasal 55 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya rang undang-undang ini fungsi dan peranan Perbadanan dalam proses pembangunan semula Kampong Bharu akan dapat dijelaskan dengan terperinci sekali gus mewujudkan keyakinan di kalangan pemilik dan pewaris-pewaris tanah Kampong Bharu serta bakal-bakal pemilik hormatilah Kampong Bharu untuk sama-sama terlibat dalam pembangunan Kampong Bharu. Pada akhirnya, Perbadanan ini diharap dapat menjadi pemacu dan pemudah cara dalam pembangunan Kampong Bharu seiring dengan kepersatuan pembangunan kawasan-kawasan di sekitarnya.

Kerajaan telah mengambil sikap secara telus dan terbuka dalam semua proses penggubalan rang undang-undang ini termasuk dalam mendengar keluhan, pandangan dan cadangan balas pemilik dan pewaris adalah di Kampong Bharu. Maka perjuangan untuk membangunkan kawasan yang dimiliki oleh Orang Melayu yang bernilai tinggi ini dapat diteruskan agar dapat dinikmati oleh pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu dengan mengekalkan pemilikan kepada orang Melayu sahaja tanpa kompromi untuk menjadikan Kampong Bharu untuk menjadi simbol kemajuan dan kegemilangan orang Melayu di tengah-tengah bandar Metropolitan Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak akan dicapai tanpa sokongan dan kerjasama dari semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk membantu orang Melayu maju setanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu untuk mengadakan peruntukan yang berhubung dengan pembangunan Kampong Bharu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Selepas itu Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī.

12.35 tgh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa gembira dan bersyukur kepada Allah yang Maha Esa sebab Yang Berhormat Menteri berjaya membentangkan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 pertamanya di Dewan Rakyat. Keduanya, hari ini di Dewan Negara yang mulia ini. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Menteri yang berwibawa ini. Kita rakyat Malaysia khususnya Melayu sudah tunggu bertahun-tahun untuk melihat satu rang undang-undang digazet mengenai Kampong Bharu.

Saya gembira sebab inilah kali pertama sebuah kementerian berjaya menubuhkan satu rang undang-undang setelah berhempas pulas begitu lama, setelah dialog, mesyuarat dijalankan oleh pihak kementerian dengan pelbagai pihak. Kampong Bharu sebagaimana yang kita tahu tanahnya diberikan oleh Sultan Selangor yang bermurah hati mendermakan untuk orang Melayu selagi ada bulan dan matahari. Syabas, tahniah walaupun Almarhum telah pergi menghadap Ilahi tetapi jasanya serta pengorbanannya tidak dapat dilupakan. Saya fikir kalau Almarhum Tuanku tidak memberikan tanah ini kepada orang Melayu saya fikir tidak ada lagi satu kampung Melayu dan wilayah.

Saya lihat sekarang ini Kuala Lumpur begitu bercampur aduk, begitu bersifat Metropolitan tetapi dominasinya tidak seimbang, tidak adil. Walaupun pada asalnya, Semenanjung tanah Melayu ini Malaysia ini dinamakan tanah Melayu. *Capitalnya*, ibu negaranya Kuala Lumpur tetapi Kuala Lumpur tidak mencerminkan betul-betul masyarakat komposisi yang berasaskan kepada nisbah. Kita tahu Melayu adalah merupakan bangsa yang paling ramai sekali di Malaysia. Akan tetapi, Melayu yang memiliki harta sama ada tanah, rumah atau lain-lain paling kecil sekali di Malaysia. Hakikatnya, kalaulah Kuala Lumpur ini diangkat semua harta-harta bukan Melayu tinggal lagi boleh bilang dengan jari harta-harta milikan orang Melayu.

■1240

Jadi, ini melambangkan pembahagian kena susun semula. Walaupun Kerajaan Barisan Nasional beria-ia benar untuk meletakkan Malaysia mencerminkan kepada penduduk, akan tetapi tidak berjaya. Jadi, dengan adanya akta ini, dengan munculnya akta ini, saya harap kejayaan berkisar, bermula pada akta ini. Sudah terlalu lama kita tunggu akta ini hendak dilaksanakan.

Bagi saya, mula-mula sekali penubuhan perbadanan, saya ingat kena tubuhkan cepat, kena laksanakan dengan berkesan. Pilihlah pegawai-pegawai yang betul-betul berjiwa Melayu, cerdik, profesional, pakar tetapi beriman. Tidak ada gunanya cerdik, berakal, profesional akan tetapi tidak ada iman. Beri harta, beri tanggungjawab, dia korup. Beri tugas, dia tidak laksanakan.

Jadi, sebagai orang Melayu, Islam kita hendaklah pilih pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, pertama kepada manusia, kedua kepada Allah. Tidak ada gunanya pilih pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab kepada Allah, semata-mata kepada dunia. Oleh itu saya hendak Menteri pantau hal ini dengan *detail*.

Kedua, saya fikir kalau hendak bangun Kampong Bharu, kena bangun secara teliti, kena bangun secara efektif, kena bangun secara betul. Jangan ambil ala kadar sahaja ataupun untuk ambil hati bangsa Melayu sahaja. Kita hendaklah bangun dengan mengambil pakar-pakar sama ada pakar pembangunan, sama pakar pelajaran, ekonomi, sosial dan pakar-pakar pembangunan bandar yang betul-betul, yang berkebolehan. Hatta, bayar pun tidak apa, pinjam pun tidak apa. Hatta, *expertise* dagang daripada luar pun tidak apa.

Oleh kerana bagi saya, tidak ada gunanya bangun Kampong Bharu secara ala kadar sahaja. Kita hendaklah merancang untuk masa kini dan akan datang. Tidak boleh secara *ad hoc*. Tidak boleh hendak ambil hati untuk pilihan raya sahaja. Tidak boleh tergesa-gesa. Bagi saya Kampong Bharu akan menentukan pembangunan sekurang-kurangnya 100 tahun buat masa depan, sama ada dalam bentuk perumahan, komersial, perdagangan, kesihatan, sosial, ekonomi dan sebagainya.

Jadi, hendaklah kita lihat sekeliling Kuala Lumpur, *surrounding* Kuala Lumpur. Banyak bangunan yang dibangunkan boleh tahan sekurang-kurangnya 100 tahun seperti SOGO, KLCC, Kuala Lumpur Sentral, PWTC dan banyak lagi contoh-contoh lain. Oleh itu, saya harap biarlah pakar-pakar ini dan bawah penubuhan perbadanan ini bertanggungjawab merancang yang lebih canggih, yang lebih besar, yang lebih moden, yang lebih sofistikated daripada bangunan-bangunan yang ada ini. Tidak ada gunanya ke belakang.

Oleh sebab kena lihat masa depan bangsa kita, juga kerana inilah satu-satunya tanah pusaka bangsa Melayu untuk di sini, untuk di Kuala Lumpur. Kalau di Kuala Lumpur ini sudah tidak ada harapan. Sudah tidak mencerminkan kegagahan, keunggulan, kesanggupan, kewibawaan bangsa Melayu. Macam mana? Kita hendak supaya Melayu di lain-lain tempat membangun. Jadi, bagi saya Kampong Bharu ini ialah model untuk akan datang, untuk masa depan anak, cucu-cicit kita.

Hendaklah kita rancang juga betul-betul Melayu. Saya minta maaf kepada bukan Melayu. Kepada bukan Melayu, sudah ada tanah macam-macam tanah kerajaan amat baik. Saya harap bukan Melayu tidak dimasukkan di Kampong Bharu walaupun satu persen. Saya bukan rasis, saya bukan perkauman, saya hendak macam Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan kata. Senator baru. Tahniah dan syabas.

Kalau bangsa Melayu ini tergugat, hancur, bukan Melayu sahaja yang tergugat hatta bangsa lain pun tergugat. Bangsa Cina, India, KadazanDusun, semua tergugat. Jadi, megahnya bangsa Melayu terletak pada bangsa Melayu juga. Begitulah hebatnya bangsa Melayu.

Ketiga, saya harap pembangunan ini mencangkupi semua bidang kehidupan, *one stop center*, komersial, perdagangan, perumahan, kesihatan, pelajaran dan perdagangan, kebudayaan dan bahasa. Kita dalam akta ini juga diterangkan untuk Melayu Kampong Bharu sahaja. Saya tidak berapa setuju. Ini muka surat enam. "*Kepentingan orang Melayu termasuklah kepentingan sosial dan ekonomi dan warisan, adat, budaya dan nilai sejarah orang Melayu di Kampong Bharu*" sahaja. Saya tidak berapa setuju.

Bagi saya Yang Berhormat Menteri yang dikasihi lagi dicintai... [*Ketawa*] Dikasihi, disayangi, dicintai. Hendaklah Melayu di Kampong Bharu khasnya dan Melayu Malaysia amnya termasuk Melayu lain. Jadi, kalau Melayu Kampong Bharu sahaja tidak mencerminkan Melayu seantero dunia, jadi masukkan ini sedikit. Saya juga bermaksud menjadikan Kampong Bharu sebagai lambang kemajuan bangsa Malaysia. Sebagai penduduk teras peribumi, sebagai penduduk majoriti, sebagai penduduk asal negara ini.

Saya juga minta sangat-sangat supaya ganti rugi yang akan dibuat oleh kerajaan hendaklah setimpal. Ini kerana saya dapat tahu agen penilai dan penilai kerajaan, buat masa ini dia hanya mencadangkan ganti rugi yang tidak sepadan, yang tidak setimpal.

■1250

Contoh, ada tanah yang dinilai sebanyak RM279 sahaja sekaki walhal di luar Kampong Bharu ini lebih daripada RM800 sekaki. Mengapa, apa sebab? Apa halnya jurunilai kerajaan buat macam itu?

Beritahu Dewan yang mulia ini apa sebab RM200 lebih sahaja dinilai sekaki sedangkan kadar nisbah tanah di Kampong Bharu *rationya* ialah sepuluh. Tanah *prime*. Bukan tanah Ulu Tembeling, bukan hulu Terengganu, bukan hulu Perak, bukan hulu Kelantan. Tanah ini paling mahal di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur ini tanahnya mahal setanding dengan tanah di Jepun, Tokyo, di Jakarta, di Bangkok, di Manila ataupun di Eropah. Mana ada tanah di Bangkok, di Tokyo, di Manila, di Jakarta RM279 sekaki?

Itulah yang saya minta betul-betul kalau hendak ganti rugi biarlah berpadanan. Kemudian kepada semua pewaris jangan ganti rugi sahaja kemudian halau dia. Hendaklah juga diberi tempat tinggal, diberi perumahan. Penduduk Kampong Bharu sekarang kalau dibangunkan bangunan tinggi-tinggi 40 tingkat, 50 tingkat atau lebih lagi, satu, dua, tiga, empat bangunan sahaja sudah cukup, paling tinggi sepuluh. Jadi tanahnya banyak kosong, tanahnya luas. Hendaklah kita bangunkan untuk itu cukup, satu. Kedua, lebih.

Ketiga, saya hendak minta juga di samping berikan mereka tempat tinggal hendaklah beri mereka seperti menghayati kemajuan nanti. Mungkin dilatih sebagai usahawan, sebagai yang ambil tempat, sebagai pewaris. Jangan beri mereka pampasan pertama, kedua tempat tinggal, ketiga biarkan mereka. Mereka perlu dilatih, perlu diajar bagaimana hendak hidup, hendak kendalikan masa depan negara. Di Kuala Lumpur berasaskan tempat tinggal mereka.

Keempat, saya hendak minta juga bukan dia sahaja tetapi malahan anak cucu, cicit dia. Jangan jadi setengah-setengah itu. Misal kata FELDA. Dia buat FELDA, okey generasi pertama okey. Mungkin generasi kedua cacamerba. Ada tidak ada, ada tidak ada. Generasi ketiga, tidak ada, tidak ada, "*Nehi, nehi, kabi nehi*". Kita hendak rancang mungkin anak dia, cucu dia, cicit dia. Oleh sebab itu saya katakan kurang-kurang membangun untuk 100 tahun bukan 50 tahun, bukan 20 tahun, bukan untuk pilihan raya. Pilihan raya usah takut Yang Berhormat Menteri, kita akan menang dengan cemerlang, *insya-Allah... [Tepuk]* Barisan Nasional akan menang sebab Barisan Nasional banyak jasa. Ini Kampong Bharu satu jasa. Bukan jasa main-main. Bukan cakap tidak bikin. Cakap bikin, cakap bikin itulah Barisan Nasional.

Kelima saya minta sangat kenal pasti kawasan Kampong Bharu betul-betul. Mungkin saya tidak tahu, mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak tahu mana kawasan betul-betul sebab Chow Kit Road itu Kampong Bharu, peniaga-peniaga bukan Melayu, maaf masuk di tanah Kampong Bharu. Itu pun kena bangun semula. Jangan tengok orang bukan Melayu meniaga di Kampong Bharu sekarang biarkan. Kena bangun. Gantikan mereka, buatlah yang baru tetapi kita minta sangat mana sempadan. Tadi Yang Berhormat Menteri kata Kampong Bharu ialah Kampong Baru termasuk Jalan Tun Razak, termasuk Chow Kit Road atau Jalan Tunku Abdul Rahman, termasuk juga lain-lain yang saya tidak tahu. Jadi kena buat satu kawasan yang betul-betul.

Seterusnya saya hendak minta juga kalau bangunkan Kampong Bharu kena bersifat mesra dengan jiran. Walaupun kita tadi bercakap tentang Melayu, di luar Kampong Baru itu ada orang Cina, India, hendaklah mesra. Cara, kaedah, terpulung kepada komuniti yang akan dilantik sebab kalau kita hidup ruang lingkup, berbaur Melayu sahaja tidak bagus juga tetapi tanah ini untuk Melayu tetapi mesra dalam bentuk *multiracial country*. Itu yang saya minta sangat.

Selain daripada itu, saya hendak tahu bila hendak mula sebab kadang-kadang orang meluat, cakap tidak buat, cakap tidak buat, cakap tidak buat. Bagi saya, saya yakin akan buat sebab akta ini sudah ambil. Saya menaruh keyakinan penuh satu kepada Menteri, kedua kepada kerajaan Barisan Nasional tetapi hendaklah ditetapkan satu masa bila hendak dibuat. Bukan saya minta besok tetapi kena berikan tarikh.

Kena betul-betul tarikh dan saya minta juga satu pelan keseluruhan hendaklah dipamerkan satu kepada orang Melayu di Kampong Baru, kedua kepada yang terlibat pewaris-pewaris yang ada anak-anak persatuan. Ketiga, Melayu keseluruhannya, keempat kepada Dewan Rakyat, kelima kepada Dewan Negara untuk kita juga ambil bahagian untuk melontarkan pandangan. Jangan sesekali buat pelan terus laksanakan. Kalau Menteri boleh bentangkan satu akta yang begini cantik saya hendak juga Menteri bisa membentangkan satu pelan pembangunannya keseluruhan.

Maksud saya isi pembangunan. Daripada pembangunan fizikal, satu. Kedua pembangunan bukan fizikal. Contoh, membangunkan spiritual jiwa dan usahawan. Bukan fizikal tetapi usahawan, contohnya.

Saya juga berterima kasih kepada Menteri kerana buat perjumpaan dialog...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa menunjukkan jam 1 sama ada Yang Berhormat hendak selesaikan sekarang atau hendak sambung.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Selesai sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit, sedikit. Pendek. Satu minit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit boleh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya juga hendak minta Menteri jangan pedulikan satu, dua penentang. Contoh, sekarang *you* pergi masuk Kampung Baru ada protes. Satu, dua ini tidak jadi halangan. Mungkin pembangkang, mungkin tidak, mungkin individu tetapi keseluruhannya, majoritinya sokong Barisan Nasional untuk melaksanakan pelan ini.

Jadi akhir kata saya sokong penuh supaya akta ini dijadikan kenyataan dan pembangunan Kampung Baru juga menjadi kenyataan. Terima kasih, syabas kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.31 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut catatan di sini, yang terakhir sekali berucap sebelum pukul 1 tengah hari ialah Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Adakah Yang Berhormat sudah habis?... Sudah habis Yang Berhormat? Baik, seterusnya saya ingin mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat, siapa yang berminat hendak berucap tolong sampaikan nota kepada saya. Setakat ini saya ada dua orang Ahli Yang Berhormat dalam catatan, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

So kalau ada sesiapa yang Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, sila kemukakan nota itu. Datuk Majjol, lain-lain ada sesiapa lagi yang hendak berucap? Baik, kita ambil giliran. Kita pergi kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz dahulu. Silakan Yang Berhormat.

2.33 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011. Apabila kita bercakap soal rang undang-undang-undang, kita sebenarnya kena bersyukur kerana kita telah dipilih oleh Allah Taala untuk menjadi Yang Berhormat yang akan bercakap mewakili suara rakyat.

Bercakap tentang soal Kampong Bharu, kita bercakap tentang pembangunan satu kelompok manusia yang berada di Bandaraya Kuala Lumpur yang namanya Kampong Bharu. Apa sahaja hasrat mereka seharusnya didengar, diperbincangkan kerana kita difahamkan bahawa keseluruhan tanah yang ada di Kampong Bharu adalah milik individu. Walau bagaimanapun, untuk kita mulakan perbahasan pagi ini saya setuju dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Rahman bin Bakar tadi berkenaan dengan apabila sebut tentang pembangunan, kita mahu pembangunan yang seimbang iaitu pembangunan berkenaan dengan Islam, pembangunan yang sama dengan pembangunan insan.

Jadi saya rujuk kepada fasal 14 di bawah fungsi perbadanan di mana di bawah fasal 14 disebutkan tentang pembangunan (a) sampai (f) dan saya cukup kecewa apabila lihat dalam pembangunan untuk spesifik dan unik kepada pembangunan Kampong Bharu ini langsung tidak dimasukkan tentang sama ada kemudahan keagamaan ataupun aktiviti keagamaan yang saya rasakan merupakan satu mercu tanda yang perlu kita pertahankan kerana kalau di Malaysia ini sebut sahaja Melayu, orang akan faham bahawa majoriti Melayu itu adalah orang Islam.

Jadi saya mahu perkara ini diambil perhatian oleh kementerian terbabit dan apabila kita sebut soal Kampong Bharu, kita tidak boleh bercakap soal komersial, tidak boleh cakap soal pembangunan sahaja tanpa kita sebut secara *direct* berkenaan dengan pembangunan berkaitan dengan keagamaan khususnya untuk kita mengekalkan Kampong Bharu sebagai sebuah kampung yang dihuni oleh orang Melayu yang beragama Islam.

Saya mengucapkan alhamdulillah dan syukur kepada pemimpin yang dahulu Sultan Selangor yang telah pun dalam sejarah mengatakan bahawa meminta kepada Kerajaan British, menggubal satu enakmen yang namanya *Malay Agricultural Settlement Act* yang telah pun diluluskan dan yang telah pun diguna pakai untuk menjamin hak orang Melayu di Kampong Bharu.

Kita perlu lihat dan perlu teliti kembali apakah hikmah kenapa Allah SWT mentakdirkan bahawa untuk pemberian tanah kepada sekelompok orang Melayu di tengah-tengah Bandar Kuala Lumpur, mereka ini dilindungi oleh satu akta atau enakmen yang begitu istimewa. Ertinya, Allah Taala ingin memastikan bahawa kedudukan ini atau khazanah ini dikekalkan berada di situ dengan komposisi yang begitu.

Kalaulah tidak ada akta atau enakmen sebagaimana MAS ini, saya percaya bahawa Kampong Bharu ini sudah lama hilang daripada pandangan kita di Kuala Lumpur. Kita lihat perkara ini sama juga seperti hari ini kita melihat bagaimana Allah Taala mentakdirkan Mekah itu berada di tengah-tengah dunia dan Mekah itu menjadi satu khazanah kepada seluruh umat Islam. Ini menunjukkan kepada kita bahawa ini perlu disimpan, perlu dijaga, perlu diteliti dan ini lebih istimewa hendak banding dengan tempat-tempat lain.

Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan bilamana dibentangkan akta untuk meluluskan pembangunan Kampong Bharu ini, apakah bentuk model yang telah berjaya dibangunkan di tempat lain yang bercirikan Melayu sehingga kita terpaksa berjumpa berkali-kali walaupun ramai di kalangan penduduk yang enggan untuk menyerahkan tanah ini kepada pihak kerajaan untuk dibangunkan sebagai model yang boleh meyakinkan kepada rakyat bahawa ini adalah model Kampong Bharu Melayu ataupun model pembangunan Melayu yang berjaya, yang tidak memerlukan permintaan ataupun penyerahan milikan oleh rakyat kepada kerajaan.

Setakat ini kita lihat mana-mana bandar besar ataupun bandar-bandar yang terkemuka dalam Malaysia, tidak ada lagi bandar yang boleh kita tengok, yang boleh kita faham ini adalah bandar khusus untuk orang Melayu yang mengekalkan ciri-ciri Melayu. Kita lihat jawapan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri dalam Dewan Negara pada tahun lepas, pada tahun 2009 dua tahun lepas apabila ditanya apakah bentuk pembangunan yang akan dibuat di Kampong Bharu, beliau mengatakan bahawa untuk tapak pasar minggu akan dibangunkan kondominium, akan dibangunkan rumah yang ada *apartment service* yang mempunyai ciri-ciri Melayu.

Jadi dari sini kita lihat bahawa tidak ada satu jawapan yang konkrit yang diberikan bagaimana bentuk pembangunan itu akan dibuat di tapak pasar minggu itu sedangkan saya difahamkan bahawa mantan Perdana Menteri Tun Abdullah telah pun meluluskan dan telah pun buat pecah tanah untuk Puncak Warisan yang berada di Kampong Bharu, yang berada di bawah kuasa kerajaan. Sampai hari ini, walaupun pecah tanah telah dibuat, langsung tidak ada bangunan tersebut dibangunkan. Jadi ini merupakan satu penyebab kenapa hilangnya kepercayaan rakyat untuk menyerahkan perkara ini kepada pihak kerajaan kerana yang telah pun ada dalam milikan mereka pun sampai hari ini sudah bertukar Perdana Menteri pun masih belum ada pembaharuan yang dibuat.

Kedua, berkenaan dengan isu yang disebutkan tadi berkenaan dengan isu harga tanah. Kita difahamkan bahawa pada tahun 1990-an bilamana pengambilan tanah dibuat untuk AKLEH, untuk pembangunan. Nilai tanah milik individu telah pun dibayar oleh kerajaan dalam rangka nilai antara RM500 hingga RM1000 untuk satu kaki persegi. Itu untuk tahun 1990 dan sekarang ini tahun 2011, kenapakah masih lagi wujud perkataan RM269 atau RM279?

Saya minta pihak kerajaan kalau betul hendak bantu rakyat di Kampong Bharu, sepatutnya pihak kerajaan memprogramkan untuk Kampong Bharu ini kita tahu hari ini nilai diberikan kepada Kampong Bharu adalah rendah kerana tanah di Kampong Bharu yang belum diserahkan lagi ini berada di bawah status sebagai tanah pertanian. Kenapa tidak boleh kerajaan terus minta semua penduduk tukar syarat pemilikan tanah kepada syarat pembangunan dan kemudian baru dinilai semula kerana kita percaya setelah tanah ini diserahkan kepada pihak kerajaan, kerajaan akan terus buat permohonan untuk tukar status tanah daripada tanah pertanian kepada tanah pembangunan. Ini akan menyebabkan kenaikan beratus kali ganda harga nilai tanah ini. Kalau kita betul hendak bantu rakyat kerana mereka mungkin akan hilang terus hak kepada tanah ini sedangkan ini adalah milik warisan Melayu 111 tahun.

■1440

Jadi, kita tahu kawasan ini akan dibangunkan. Ia tidak akan jadi kawasan pertanian. Tidak bolehkah kerajaan secara berkelompok meluluskan atau mewajibkan semua penduduk di kawasan tersebut menjadikan tanah itu tanah industri atau pun tanah pembangunan. Kemudian, baru dinilai oleh penilai yang berdaftar. Jadi, kalau kita nilai sekarang dalam keadaan sebagai tanah pertanian, nilainya tentu rendah tetapi kalau kita tukar syarat kepada tanah pembangunan atau pun tanah industri, harganya akan naik dan ini akan menyenangkan hati penduduk.

Saya rasa pihak kerajaan tiada masalah kerana yang dibantu itu juga orang Melayu, orang Islam, rakyat kita. Apa masalahnya? Jadi, adalah tidak adil untuk kita berikan kepada perbadanan, kepada mana-mana GLC, setelah kita serahkan kepada mereka, mereka tukar syarat juga sebab tidak boleh buat bangunan tanpa tukar syarat. Jadi, tidak boleh buat pembangunan atau pun industri tanpa tukar syarat. So, dalam konteks ini, saya pohon kalau kerajaan benar-benar ikhlas, minta ditukarkan terus syarat daripada tanah pertanian terus kepada tanah industri atau pun tanah pembangunan bagi memastikan nilai tanah ini dapat dinaikkan secara serta-merta dan nilai yang diberikan adalah setimpal dengan harga pada hari ini. Bukan dinilai dengan keadaan sekarang sebagai status tanah pertanian, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, berkaitan dengan cerita Kampong Bharu ini kita lihat bila mana Kampong Bharu ini dibuat, Sultan minta supaya diwujudkan *Malay Agriculture Settlement* tahun 1990 yang hari ini masih berkuat kuasa. Dalam cadangan dahulu disebut tentang supaya dilupuskan atau pun dihapuskan MAS ini tetapi dalam konteks hari ini dikuatkuasakan kembali. Jadi, oleh kerana MAS ini masih berkuat kuasa dan hari ini kita pula hendak luluskan satu lagi undang-undang yang namanya Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu. So, dalam konteks ini bila berlaku sebarang pertikaian, kecelaruan, undang-undang mana yang akan kita perlu rujuk? Sama ada orang yang akan menduduki perbadanan atau Ahli Lembaga Pengarah dalam MAS. Ini kerana kedua-dua mereka ditubuhkan dan mempunyai satu asas undang-undang untuk mereka bertindak.

Jadi, saya mohon pihak kerajaan memberikan penjelasan di manakah kekuatan, siapakah yang lebih berhak. So, mungkin dalam segi undang-undang kita lihat memanglah kalau Akta Parlimen dengan enakmen, Parlimen lebih didahulukan. Cuma dalam konteks ini kerana di sana ada satu keunikan. Ini adalah Kampong Bharu, ini bukan tanah lain, ini bukan tanah biasa dan ini berada di kawasan segi tiga emas dalam kawasan Kuala Lumpur. Tanah Kampong Bharu ini diwujudkan melalui Enakmen Kerajaan Negeri Selangor dan saya mohon pihak kerajaan hari ini mendedahkan kepada kita dokumen penyerahan hak milik Kerajaan Negeri Selangor kepada Wilayah Persekutuan. Ini kerana kita percaya untuk kes Sepang, untuk kes Wilayah Pembangunan Iskandar, memang ada surat perjanjian khas daripada kerajaan negeri menyerahkan tanah atau pun hak milik kepada Kerajaan Persekutuan untuk dibangunkan tetapi untuk penyerahan Kampong Bharu kepada Kerajaan Negeri Selangor, penyerahan itu dipercayai dibuat hanya untuk pentadbiran. Bukan *alienation*, bukan penyerahan hak milik tanah.

Justeru itu, hak milik tanah ini masih berada di bawah hak milik Kerajaan Selangor dan sekiranya dalam konteks hari ini dibuat sebarang pengambilan tanah, ini masih berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri Selangor. Ini kerana ada dua tiga bukti. Pertama, dalam Parlimen juga pihak kerajaan memberitahu bahawa Sultan Selangor telah dan masih dirujuk untuk mereka kemukakan pembentangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu. Sekiranya ini tidak ada kaitan dengan Kerajaan Negeri Selangor, untuk apa, kerana apa perkara ini masih dirujuk dan diberikan satu keistimewaan sebegitu rupa untuk Baginda mengemukakan apa-apa perkenan yang beliau inginkan untuk pembangunan Kampong Bharu.

Kita lihat juga dalam DBKL telah dilantik beberapa orang wakil, ahli Majlis yang diwakili oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kenapa perlu dalam DBKL ada wakil Kerajaan Negeri Selangor kalau bukan tanah di Kuala Lumpur ini, di Kampong Bharu ini, masih lagi milik kepada Kerajaan Negeri Selangor. Kita juga lihat dalam akta ini disebutkan bahawa untuk keanggotaan yang akan menganggotai jawatan atau pun perbadanan ini di bawah seksyen 5(f), disebut seorang yang mewakili Kerajaan Negeri Selangor yang dinamakan Raja Negeri Selangor dan hendaklah dilantik oleh Menteri. Atas rasional apakah kerajaan mesti memasukkan di bawah sub seksyen 5(f) ini bahawa mesti ada wakil daripada Kerajaan Negeri Selangor kerana ini jelas menunjukkan bahawa di sini tiada penyerahan mutlak oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Kuala Lumpur untuk penyerahan hak milik tanah, khususnya dalam kes ini berkaitan dengan Kampong Bharu.

Oleh yang demikian bahawa hujah yang dikemukakan oleh pihak kerajaan sebelum ini bahawa geran yang dikeluarkan oleh PTG daerah tidak semestinya menjadikan tanah Kampong Bharu bukan tanah Selangor kerana kita lihat pertukaran hak milik ini atau pun penukaran geran ini bukan keseluruhan dan kita lihat dalam yang asal ada disebut tentang 'Malay'. Akan tetapi dalam yang baru bertukar kepada Kanun Tanah Negara. Jadi, dalam konteks ini kita mohon jawapan secara rasmi, apakah dokumen, di manakan seksyen, apakah perjanjian yang telah menyebabkan boleh bertukar daripada 'Malay' ini terus kepada Kanun Tanah Negara yang menyebabkan hilang hak Selangor kepada Kampong Bharu ini?

Berkenaan juga dengan Pembangunan Kerajaan Negeri Selangor, pembangunan perbadanan ini dicadangkan pada tahun 2007 melalui Perintah Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2007 oleh Akta Perancangan Wilayah Persekutuan. Menteri menyatakan bahawa penubuhan perbadanan adalah cadangan pemilik tanah. Saya mohon untuk pihak kerajaan nyatakan siapakah pemilik tanah ini kerana kita difahamkan untuk tanah di Kampong Bharu, pemiliknya ada lebih kurang 4,000 orang. Tadi Yang Berhormat Menteri dengan jelas menyebut, menyatakan bahawa perkara ini telah dibincangkan dan dipersetujui oleh lebih 1,000 daripada pemilik tanah sebab tanah ini sudah berkurun. Tanah ini sudah ada ramai pewaris-pewarisnya. Satu tanah kemungkinan ada 20 pemilik. Jadi, dalam konteks ini, ini berkaitan dengan tanah. Tidak boleh dipandang mudah. *Titlenya* semua orang mesti dirujuk. Kalau disebut referendum rakyat itu dalam akhbar menyatakan bahawa 30 peratus sudah setuju, 30 peratus bukan ertinya 100 peratus kerana ini hak milik. Ini hak milik berkenaan dengan harta tetap. Harta yang dipanggil harta tetap ini harta tanah, harta yang lekat. Bukan harta yang *moveable*.

So, dalam konteks ini kita hendak tahu siapa yang meminta perkara ini? Berapa orang yang minta, pemilik individu atau NGO, atau siapa? Bila cadangan ini diberikan, kita minta satu bukti yang kukuh. Kita difahamkan bahawa pada 5 Mei 2010, Jemaah Menteri meluluskan cadangan penubuhan perbadanan. Kita lihat juga di buat satu perbincangan di Melaka melibatkan NGO-NGO dan pihak-pihak yang berkepentingan. Dalam konteks ini bila disebut bahawa keahlian untuk perbadanan akan dipilih boleh juga wakil daripada NGO. Saya hendak minta kerajaan nyatakan, siapakah NGO, bagaimanakah bentuk NGO, kenapa perkataan MAS atau pun Lembaga MAS itu tidak dimasukkan. Ini kerana bila disebut NGO, NGO mungkin lima orang, NGO mungkin 20 orang, NGO mungkin baru tubuh semalam. NGO mungkin sudah ditubuhkan 20 tahun. Atas kriteria apakah perkataan ini ditulis atau apakah maksud perkataan ini ditulis supaya kita dapat terangkan, supaya kita dapat yakinkan bahawa bila NGO ini dipanggil, ini adalah pihak yang berkepentingan, pihak yang dilantik, pihak yang menjadi wakil. Kita juga melihat dalam kuorum di bawah jadual dua menyebut bahawa kuorum untuk keahlian untuk menjadi anggota perbadanan, kuorumnya adalah separuh daripada ahli yang dilantik.

Saya minta tanya pada pihak kerajaan dalam konteks ini, siapakah kuorum wajib yang tidak boleh tidak, mesti ada? Bagaimanakah cara mereka akan dipanggil? Bagaimanakah notis yang akan diberikan kerana mungkin dalam kes lain tidak perlu kita nyatakan dalam akta, cukup dengan peraturan. Akan tetapi dalam kes Kampong Bharu kerana ini melibatkan kawasan segi tiga emas, melibatkan kepentingan yang terjejas yang mungkin melambangkan keseluruhan kepentingan orang Melayu seluruh negara, kita lihat hari ini kita mohon kuorum wajib mesti ada. Jadi, kalau kuorum sebagai contohnya, kalau disebut kuorum, (a) sampai (h). Tiba-tiba yang datang a sampai h, yang tidak datang ialah (g). Lima orang yang dinamakan di kalangan tuan punya tanah dan pewaris tanah di Kampong Bharu yang dilantik oleh Menteri. Kalau lima orang tidak datang, terus berjalan juga sebab lebih daripada kuorum.

Jadi, adakah ini adil? Membincangkan tentang hak mereka dan mereka tidak wajib hadir. So, dalam konteks ini saya pohon agar dibuat satu kuorum wajib supaya kita memastikan hak ini diperbincangkan, diluluskan, diredai oleh tuan tanah. So, ini bukan bercakap soal hak kita. Bayangkan kalau ini tanah kita, tiba-tiba orang datang hendak tadbir tanpa kita hadir mesyuarat pun mereka boleh laksanakan. Apa hak kita sebagai tuan tanah? Tidak ada hak kita sebagai tuan tanah dan perkara ini orang Kampong Bharu tidak boleh masuk dalam Dewan Negara. Kita sahaja yang boleh masuk dalam Dewan Negara. Dalam konteks ini kita kena bercakap bagi pihak tuan tanah. Jadi, perkara ini bagi saya tidak adil kepada rakyat.

Saya juga ingin tanya kepada pihak Menteri dan pihak kerajaan apakah *locus* atau pun *locus standi* yang dipunyai oleh pihak NGO bagi mewakili pemilik tanah kerana mereka dipercayai mempunyai kepentingan tertentu seperti PAKAM. Mungkin ada benda yang mereka hendak wakili. Apakah entiti mereka dan kita ingat juga, kita lihat bahawa walaupun rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Rakyat, banyak bantahan telah dibuat. Pelbagai desakan dibuat dan saya percaya, saya baca dalam akhbar, menyebut dengan jelas bahawa pihak Kampong Bharu termasuklah UMNO Kampong Bharu sendiri, UMNO di kawasan Titiwangsa sendiri, meminta agar kerajaan mengkaji semula akta ini supaya memastikan kuasa Menteri jangan terlalu luas.

■1450

Hari ini boleh lihat yang draf awal dan draf yang dibentangkan pada kita hari ini rang undang-undang pada hari ini berbeza. Kuasa Menteri mutlak. Jadi saya hendak minta, hendak tanya di sini mana lebih berkuasa pemilik atau Menteri. Sebab Menteri boleh bertukar, kerajaan boleh bertukar. Pemilik tanah kalau mereka tidak jual tidak boleh bertukar. So, dalam konteks ini kita pohon agar gesaan daripada rakyat ini diberi perhatian sebab ini khusus. Ini bukan melibatkan semua seluruh negara tetapi ini khusus kepada Kampong Bharu tolonglah beri ruang, bila rakyat bersuara berilah peluang kepada mereka untuk terlibat sama dan jangan bagi kuasa mutlak. Sebab kita lihat kita tidak mahu berlaku penyalahgunaan kuasa oleh orang tertentu yang mungkin menjadi Menteri. Bukan kata kes untuk Wilayah Persekutuan tetapi mungkin dalam kementerian-kementerian lain boleh berlaku bila kita berikan kuasa mutlak ia boleh berlaku.

Timbul isu seperti yang berlaku baru-baru ini. Kita tidak mahu isu seperti itu timbul kerana kita memberikan peluang kepada orang yang berkenaan untuk menyalahgunakan kuasa. Sepatutnya perkara ini kita boleh sekat kerana kita belum lagi meluluskan undang-undang ini di peringkat Dewan Negara.

Jadi kita lihat juga disebut referendum pada hari itu saya hendak tanya kepada pihak kerajaan berapakah pemilik dan pewaris yang lebih kurang 4,000 orang itu yang bersetuju. Berapa jumlah secara spesifik sebab hasil referendum itu penting untuk kita. Apakah yang ditanya dalam borang referendum? Apa soalan yang ditanya sebab referendum, referendum juga tetapi dari segi pertanyaan kita perlu. Sebab kita lihat di kawasan-kawasan lain, di negeri-negeri lain yang ada *Malay Reserved Act* yang ada enakmen tanah khusus untuk orang rizab tanah Melayu. Kalau tanah tersebut hendak dijual atau hendak dipindah milikan dia mesti masuk Exco.

So, dalam konteks sekarang bila tanah Kampong Bharu kenapakah cukup dengan perbadanan kenapa tidak dirujuk kepada Parlimen. Jawatankuasa yang dilantik *direct* oleh Parlimen untuk membincangkan perkara ini kerana perkara ini spesifik, perkara ini mahal dan berada di tengah-tengah kota. Kalau tanah di hujung kampung di Kelantan pun kena masuk Exco, kalau tanah di bawah *Malay Reserved* kenapa tanah di sini tidak boleh dibuat demikian kerana ini kuasa Parlimen kerana Wilayah Persekutuan ini berada di bawah Parlimen. Kuasa ini kuasa penting dan saya minta juga bila Sultan sebut Sultan Selangor sebut bahawa dia mintak untuk dikekalkan masjid dengan Kelab Sultan Selangor. Kita dalam konteks ini tidak ada pun sebarang yang disebut dalam akta ini berkenaan dengan *preservation* ini.

Kita juga difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah hadir ke Kampong Bharu dan berjanji untuk buat pembangunan ataupun pembaikan kepada masjid Kampong Bharu RM20 juta. Sedangkan peruntukan yang diminta untuk Kementerian Wilayah Persekutuan juga berjumlah RM20 juta. Saya juga difahamkan setelah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini pihak berkenaan telah pun mewujudkan jawatankuasa interim yang telah diperuntukkan RM15 juta dan RM9 juta telah pun dibelanjakan. Saya hendak tanya dari mana dana RM15 juta ini diambil, RM9 juta yang telah dihabiskan itu untuk apa dan untuk siapa jawatankuasa interim ini dibuat? Kenapa jawatankuasa interim ini ditubuhkan sebelum lagi diluluskan oleh Dewan Negara? Apa fungsi Dewan Negara kalau sudah diluluskan di Dewan Rakyat dan belum masuk Dewan Negara tiba-tiba sudah ada jawatankuasa interim. Di mana maruah kita? Kita ada dua buah Dewan kalau mak dah lulus, ayah belum lulus tidak bolehlah dibuat. Sepatutnya kena tunggu dahulu, sabarlah.

Kita tahu dalam konteks ini kami daripada Pakatan Rakyat hanya ada lapan orang. Buat macam mana pun kita tidak akan boleh hendak membatalkan rang undang-undang ini hendak diluluskan oleh pihak majoriti. Akan tetapi sekurang-kurangnya hormatlah Dewan tunggu seminggu kenapa tidak boleh tunggu sampai ditubuhkan tergesa-gesa. Sudah habiskan RM9 juta hendak tahu siapa yang jadi jawatankuasa interim ini, apa pekerjaan yang telah dibuat? Bagaimana RM9 juta ini dibelanjakan dan kalau disebut RM15 juta itu apa benda hendak dibuat dengan RM15 juta itu. Perkara ini penting untuk diketahui oleh pihak yang terlibat dengan Kampong Bharu.

Begitu juga dengan disebut dengan hendak bina masjid. Kata hendak baiki masjid. Kampong Bharu itu ada satu masjid jadi kalau dibuang atau hendak dibuat semula, masjid sementara itu dekat mana, sekarang ini hendak baikikah ataupun hendak buat baru. Kita hendak tahu. Sebab ini bila diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tindakan belum ada lagi kita minta pihak yang berkenaan supaya beritahu dan kalau bolehlah kita hendak tengok jugalah model-model yang tempat-tempat ini ditubuhkan.

Kalaulah juga disebut baru-baru ini dalam Menteri beritahu yang kalau hendak bangukan Kampong Bharu ini dia akan buat mengikut ciri-ciri Melayu. Adakah ini dengan secara spesifiknya saya minta jawapan dalam Dewan Negara hari ini akan mengikut Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 atau bagaimana? Ataupun kita ada pelan baru yang akan diperkenalkan pada rakyat.

Kita percaya bahawa sekarang ini kalau kita hendak kira dari segi emosi. Kalau hendak fikir dari segi logik, tidak ada orang Melayu yang akan menolak pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lima minit lagi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Tidak ada orang yang menolak pembangunan tetapi pembangunan dalam bentuk macam mana? Kenapa kita tidak boleh tubuhkan dan memberikan satu dana kepada orang Melayu yang hendak bangunkan sendiri tanah mereka diberikan peruntukan kita bina sendiri. Kita percaya orang Kampong Bharu bukan orang yang tidak cerdik, orang cerdik. Jadi kalau orang cerdik kenapa kita tidak beri satu tabung amanah. Mereka boleh bangunkan ikut gaya mereka dan kita hanya perlu jadi fasilitator sahaja.

Namun dalam konteks disebut bahawa perbadanan ini akan jadi fasilitator saya hairan juga. Macam mana juga fasilitator ada kuasa di bawah 15(g) dengan kelulusan Menteri untuk memindahkan atau melupuskan mana-mana aset. Mana ada fasilitator dalam dunia ini yang boleh melupuskan mana-mana aset. Kalau fasilitator pemudah cara, perunding cara dia setakat fasilitator tidak boleh memindahkan atau melupuskan mana-mana aset. Sedangkan dalam konteks ini kena *clear*. Kalau perbadanan ini sebuah entiti perniagaan, kena beritahu ini adalah entiti komersial, entiti perniagaan dan ini bukan pemudah cara. Sepatutnya diwujudkan penyelaras dan bukan orang yang berhak untuk memindahkan atau melupuskan mana-mana aset di Kampong Bharu.

Saya juga ingin jaminan daripada pihak kerajaan bila mana ini dibuang daripada draf pertama dan draf kedua ini dibuang perkataan tidak akan digunakan *Land Acquisition Act*. Apakah jaminan kerajaan tidak akan mengguna pakai *Land Acquisition Act* dalam kes Kampong Bharu sebab perkara ini penting. Kalau hendak masuk hendak keluar saya bimbang kalau-kalau perkara yang didiamkan itu sebenarnya akan jalan juga sebab bila jalan mereka menggunakan sebab bila *law silent*, terus boleh pakai yang itu.

Bilamana disebut juga tentang *preservation* untuk penempatan ini kita, sekarang ini namanya Kampong Bharu mungkin kalau sini pendeknya PPKB. Kita tidak mahu PPKB maksudnya bukan Kampong Bharu, kedai baru, kondo baru yang tidak akan memberikan satu ruang *ownership* ataupun pemilikan kepada orang Melayu. Kita mahu disebut dengan jelas kalau ini *reserved* untuk orang Melayu, pemilikannya untuk orang Melayu, untuk orang Islam, orang yang mungkin asalnya dari Kampong Bharu atau kawasan sekitarnya supaya kita tahu - hari ini kalau kita buat statistik, kita buat tinjauan, kita buat *research*. Seluruh Kuala Lumpur kalau kondominium, kalau *apartment service* berapa peratuskah yang mampu dikuasai oleh orang Melayu?

Jadi kita mahu perkara ini disebut secara jelas tidak mahu kita kata kerajaan akan pertimbangkan, kerajaan akan fikir sebab perkara ini perlu sebab kita hendak tengok perkara ini betul-betul dijaga oleh pihak kerajaan kerana ini melibatkan satu-satunya kawasan yang masih tinggal, yang mempunyai, yang boleh kita mempertahankan sebagai warisan Melayu. Kita tidak mahu hanya tinggal dalam muzium. *Nature* orang Melayu, tabiat orang Melayu dia suka rumah yang bertanah *so* dalam konteks ini kalau kita sudah angkat semua di situ buat bangunan mana lagi *nature* yang tinggal. Kalau Amerika boleh pertahankan hak *Red Indian*, kenapa kerajaan pada hari ini tidak boleh mempertahankan hak warisan orang hendak tengok bagaimana *nature* orang Melayu. Saya rasa perkara ini cukup penting untuk kita perbincangkan bagaimana kita hendak *preserve*, bagaimana kita hendak jadikan ini satu warisan dalam masa yang sama kita bangunkan.

Hari ini soal kelulusan walaupun sekaki, walaupun dua kaki kelulusan persetujuan mesti diberikan oleh semua pihak. Saya pohon lagi sekali sebelum saya berundur untuk meminta pihak kerajaan agar memastikan sebelum dinilai tukar syarat dahulu kepada syarat kepada tanah pembangunan baru ditukar supaya rakyat yang akan berada di situ, yang akan menyerahkan tanah ini, yang akan diberikan untuk pentadbiran ini boleh merasai kenikmatan ini dan bukan melihat secara membuta tuli tanah mereka dipergunakan oleh orang lain setelah mereka dengan secara paksa mungkin menyerahkan tanah ini kepada pihak yang terbabit. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

2.59 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya akan membahaskan rang undang-undang ini tanpa emosi, dengan hasrat ikhlas supaya Kampong Bharu dapat dibina. Untuk pengetahuan istimewa pula Yang Berhormat Datuk Rahman Bakar, Kampong Bharu ini sebenarnya ada dua seksyen. Satu yang ditadbirkan oleh MAS. Ini dengan izin Yang Berhormat Menteri kalau boleh saya beritahu sejarah sedikit. Yang di bawah MAS iaitu pentadbiran di mana orang bukan Melayu bukan sahaja tidak boleh beli tetapi tidak boleh duduk, sebanyak 225.89 ekar.

■1500

Kawasan keduanya ialah kawasan bukan di bawah pentadbiran MAS. Maknanya kawasan itu dipanggil Kampong Bharu tetapi orang-orang lain bukan Melayu boleh beli dan boleh duduk. Ini termasuklah Chow Kit, Dang Wangi, kawasan Sultan Ismail, Kampung Sungai Baru dan Flat PKNS. Yang di bawah MAS ada tujuh kampung, Kampung Periuk, Kampung Masjid, Kampung Atas 'A', Kampung Atas 'B', Kampung Hujung Pasir, Kampung Paya dan Kampung Pindah. Luasnya kawasan yang bukan di bawah MAS ialah 378.93 ekar. Penduduk di dua-dua kawasan ini ialah 14,768 orang, itu angka yang terkini. Sebenarnya rancangan untuk...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya adakah terdapat orang bukan Melayu sekarang tinggal di kawasan MAS?

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Jawapan ini, jawapan *not official* sebab saya bukan dari kementerian. Jikalau tanya saya ada tetapi *illegal*, ada peniaga-peniaga tayar misalnya yang duduk di Kampong Bharu sebab undang-undang kata tidak boleh duduk.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada saya minta kementerian buat sesuatu tindakan supaya bersamaan dengan apa yang undang-undang adakan, kementerian kena bertindak. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Sebenarnya perancangan untuk membangunkan Kampong Bharu ini telah dimulakan dua dekad dulu. Saya sendiri telah dipanggil beberapa kali oleh banyak pihak untuk memberi pandangan dan sebagainya tetapi sehingga hari ini kita tidak dapat memulakan pembangunan Kampong Bharu, sebab inilah, pandangan emosinya sesetengah kata *leave it like that*. Jadi terdapatlah kawasan lebih daripada 250 ekar, duduknya di tengah-tengah Kuala Lumpur. Apabila orang telah naik ke bulan, kita hanya pergi Kampong Bharu untuk beli nasi lemak internasional. Saya sendiri pergi Kampong Bharu dua kali setahun beli kuih masa bulan puasa ataupun pergi cari songkok sebelum hari raya puasa, itu sahaja saya pergi Kampong Bharu. Ini bukan hendak memperkecilkan Kampong Bharu.

Apabila harga tanah di sekitarnya telah menjadi RM1,500 kaki persegi, itulah masih di bunyi-bunyikan, harga di Kampong Bharu hanya RM200. Janganlah memperkecilkan RM200 itu sebab kalau orang hendak beli sekarang ni, orang Kelantan kata, dia bayar 200 riyal sahaja, bukan RM1,500. Itulah cara mereka mengenakan ataupun tahap harganya. Apa sebab terjadinya, tidak boleh buat?

Pertama sekali, pembantahan dari segelintir tuan-tuan tanah. Saya kata segelintir ini Yang Berhormat percayalah, kebanyakan orang Kampong Bharu mahu supaya Kampong Bharu dibangunkan, kebanyakannya. Yang segelintir ini pun pertama sekali boleh jadi bukan orang Kampong Bharu pun. Orang Indonesia pun ada yang duduk di Kampong Bharu. Dia konon-kononnya buat bantahan, yang buat sepanduk-sepanduk ini bukan orang tempatan.

Keduanya, undang-undang yang saya katakan tadi. Bukan sahaja orang bukan Melayu tidak boleh beli tetapi tidak boleh duduk pun di Kampong Bharu. Jadi macam mana kalau kita hendak bangunkan pejabat, hendak bangunkan *international hotel*, macam mana kalau kita hendak buat *international hotel*, kalau mat saleh datang tidak boleh duduk sana. Jadi kalau hendak bangunkan, perkara ini mesti dilihat.

Ketiganya, keluasan tanah. Sebanyak 83 peratus daripada tanah yang lebih daripada 1,400 lot itu keluasannya adalah kurang daripada satu ekar, bahkan kebanyakannya 10,000 kaki persegi, satu-satu. Jadi macam mana hendak buat? Individu tidak boleh, kalau hendak buat kena buat kumpulan. Satu lot ada dua puluh tuan tanah, kalau tuan tanah itu dua puluh, seorang sahaja yang *object*, tidak boleh buatlah. Ini bukan sahaja di Kampong Bharu, di mana-mana pun kalau terjadinya demikian, tidak boleh membangun satu-satu kawasan. Itu saya kata.

Keempat ialah banyak sangat sebab tiga turun temurun dah, daripada bapa kepada anak kepada cucu sehinggakan satu lot itu 20, 30, 40 tuan tanah.

Kelima sebabnya tidak boleh bina ialah penilaian. Tuan tanah hendak RM2,000 kaki persegi. Apabila orang termasuklah orang-orang Melayu sekali, Tan Sri Azman of the *world* hendak pergi buat Kampong Bharu. Macam mana dia hendak buat satu-satu pejabat apabila tuan tanah hendak RM2,000 kaki persegi. Tidak boleh buat secara *private*.

Keenamnya ialah *financial viability*. Tiap-tiap pembangunan di mana-mana sahaja, sama ada kampung baru, di Kuala Lumpur ini pun ataupun di Kluang, di Klang, kalau tidak ada *financial viability*, maka tidak boleh bangun. Oleh sebab itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar di atas inisiatifnya untuk membuat undang-undang ini kerana saya percaya inilah hanya cara yang boleh kita bina Kampong Bharu. Okey, saya dah buat *study* sikit-sikit, kalau saya, macam mana saya hendak bangunkan Kampong Bharu? Saya ada buat kertas sikit, yang pertamanya undang-undang seumpama inilah kena diluluskan kerana hanya dengan *political will*, dengan pertolongan kerajaan sahaja Kampong Bharu dapat dibina. Jadi sebab itu sudah 100 tahun Kampong Bharu duduk di situ seperti yang kita kata tadi.

Keduanya, *master plan* Kampong Bharu mesti di *revisit* sekali lagi. Apa yang kita hendak buat dan di mana.

Ketiga, satu komprehensif *study* mesti dibuat yang terdiri daripada konsultan-konsultan seperti arkitek, mereka yang pakar dalam *financial viability*, mereka yang pakar dengan *Malay heritage* dan sebagainya yang boleh difikirkan oleh *corporation* ini untuk membuat satu komprehensif *study* memikirkan komponen yang akan dibuat di Kampong Bharu dan memikirkan kepentingan tiap-tiap orang yang terlibat, teristimewa sekali ialah tuan-tuan tanah di Kampong Bharu dan orang Kampong Bharu. Akan tetapi seperti Yang Berhormat Datuk Rahman Bakar tadi kata, janganlah lupa, sungguhpun kita fikir kepentingan mereka, Kampong Bharu ini adalah *center of Kuala Lumpur*. Kita orang Melayu lain pun mempunyai kepentingan juga. Secara kebetulan pada masa itu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyerahkan kampung ini kerana pada masa itu kawasan-kawasan mereka itu diambil untuk membina rumah-rumah kedai apabila *the state capital of Selangor* ditukar daripada Klang ke Kuala Lumpur, itu sejarahnya. Jadi kalau saya diberi peluang untuk merancang Kampung Baru, ini cara yang akan saya buat. Selepas membuat *comprehensive plan*, kita *identify* satu *core area*. Katakan 10 ekar, 10 ekar ini kita pelan kan untuk yang pertama sekali buat lebih kurang 1 juta kaki persegi pejabat. Kita *identify* ini kena buat *political will* Yang Berhormat.

■1510

Ministry-ministry yang mana tidak payah pindah ke Putrajaya adalah beberapa *ministry* dan saya pasti ada lebih daripada 1 juta kaki persegi yang boleh diduduki oleh jabatan-jabatan ini. *Office* ini diberi sewa kepada kementerian-kementerian ini dengan katalah 15 hingga 20 tahun dengan harga yang berpatutan mengikut kadar pasaran sekarang. Kita telah buat *financial viability*, kalau dibuat begitu dengan syarat tuan-tuan tanah tidak meminta harga yang lebih daripada berpatutan. Maka *returnnya* adalah di antara 9 peratus hingga 10 peratus.

Oleh kerana *returnnya* 9 peratus hingga 10 peratus maka KWSP, Tabung Haji, TNB, LTAT, oleh sebab *returnnya* 9 peratus hingga 10 peratus, mereka itu boleh pergi kepada pemegang-pemegang saham masing-masing mengatakan mereka ini boleh *invest* dalam projek ini. Kepada tuan-tuan tanah, kita boleh bagi dua *choice*. Nombor satu, kalau dia hendak *cash*, kita belilah tanah itu ataupun yang terbaiknya ialah memegang saham dengan komponen-komponen yang telah dibina. Dengan terbinanya sejuta kaki persegi ini, maka pejabat-pejabat lain, kedai-kedai makanan, dan gedung-gedung perniagaan lain akan masuk dengan secara automatik dan akan membangunkan secara personel *investment*. Saya yakin, dengan syarat juga jalan-jalannya mesti diperbaiki, diperluaskan, tempat letak keretanya mencukupi dan sebagainya. Itu *core area*.

Yang kedua ialah kita *identify* satu kawasan lebih kurang 10 ekar di mana kita akan buat satu bazar *of international standard*. *Bazaar of international standard* ini akan memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil bumiputera dan juga peniaga-peniaga sederhana untuk pergi berniaga di sana dan bazar ini akan menjadi macam bazar di Istanbul, bazar di Iran, you hendak beli apa sahaja di Kuala Lumpur ini *you* pergi ke Bazar Kampong Bharu. Kalau datang ke Kuala Lumpur, kalau tidak datang ke Bazar Kampong Bharu, tidak sah. Buatlah macam itu. Macam kita pergi ke Kota Bharu tidak pergi ke Golok, tidak sah Tuan Yang di-Pertua.

Macam itu dan *financial viability* pun sudah dibuat. *Returnnya* adalah di antara 7 peratus hingga 8 peratus untuk bazar ini. Ini memberi peluang kepada peniaga-peniaga yang ada sekarang, peniaga-peniaga bumiputera yang lain untuk ini. Ia boleh buat sekecil-kecil kedai hendak jual batik ataupun sebesar-besarnya hendak membuat *Rolls-Royce* katakan. Terpulanglah, hendak menjual kereta-kereta *Rolls-Royce* ataupun kedai-kedai makanan dan sebagainya. Saya percaya ianya bukan sahaja menjadi satu tarikan untuk pergi meniaga di sana, tetapi ia akan menjadi satu tarikan untuk pelancong.

Kawasan yang ketiga ini, saya namakan *heritage area*. *Heritage area* ini akan dibina untuk melambangkan kemelayuannya Kampong Bharu, *this is to take care of the history of Kampong Bharu*. Caranya yang itu saya tidak boleh memikirkan lagi, tetapi saya harap dengan adanya perbadanan ini dengan adanya *Advisory Council* ini maka ianya bolehlah sama-sama difikir apakah komponen *heritage area* ini. Jangan lupa bahawa kawasan ini adalah kawasan yang mempunyai satu *core area* yang *modern* dan sebagainya. Jadi *heritage area* ini pun mestilah menjadi satu kawasan moden, tetapi mempunyai ciri-ciri kemelayuan untuk sejarah dan sebagainya menunjukkan bahawa Kampong Bharu ini adalah asalnya tempat yang ditempatkan orang-orang Melayu. Jadi saya kata *viability* untuk *core area* itu boleh, *viability* untuk bazar itu boleh, tetapi *viability* untuk *heritage area* ini mestilah diperiksa kembali kerana inilah yang kita hendak *political will* dan terpaksa difikirkan semula untuk *viability* tetapi itu yang saya katakan kalau saya hendak binakan Kampung Baru ini.

Sebelum saya habis Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi dua komen sahajalah mengenai undang-undang ini. Pertama sekali saya pun bangga Yang Berhormat Menteri pun ada, saya berharaplah bahawa ahli-ahli perbadanan ini, 15 orang ini yang ianya dilantik oleh Yang Berhormat Menteri selepas persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan untuk menentukan bahawa pembangunan Kampung Baru ini sekali ini kita boleh buat, ahli-ahlinya mestilah terdiri daripada bukan sahaja orang-orang politik, tetapi ianya terdiri daripada orang-orang profesional yang betul-betul mempunyai hasrat supaya kali ini Kampung Baru ini dapat dibangunkan.

Begitu juga ahli-ahli majlis penasihat ini. Yang saya ragu sedikit Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya takut kalau-kalau ada *conflict of interest* kerana dalam undang-undang ini ada mengatakan bawah nasihat-nasihat daripada Majlis Penasihat mesti diberi kepada Lembaga Pembangunan dan mestilah diikuti kalau difikirkan munasabah. Itu *not very clear*. Saya takut kalau-kalau dua kumpulan ini berkelahi, tidak bersetuju apakah komponen dan sebagainya dan akhirnya hasrat kita untuk membangunkan Kampung Bharu oleh sebab dua kumpulan yang tidak bersetuju, satu-satu polisi tidak dapat dibangunkan.

Jadi itulah pandangan saya. Saya harap dengan tidak adanya emosi dan sebagainya, kepada semua rakan-rakan kita yang bukan Melayu pun, saya sebenarnya dalam kertas kerja saya dalam bazar itu saya telah rekomen supaya *percentage* akan diberi kepada rakan-rakan kita yang bukan Melayu untuk bersama-sama, tidak semestinya kalau orang Kampong Bharu tidak setuju, untuk memiliki tetapi untuk bersama-sama berniaga di kawasan Kampong Baru. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah yang melambangkan seorang Ahli Dewan yang mulia ini mempunyai satu pandangan yang betul-betul mempunyai hasrat dan menegur dengan baik dan cadangan yang baik. Inilah contohnya. Saya harap semua ahli-ahli boleh terutamanya yang baru inilah cuba tengok sedikit, ini *bias, prejudice*, dengan izin. Saya harap perkara-perkara macam inilah yang kita hendak mewujudkan di Dewan yang mulia ini. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Majid Mahap.

3.19 ptg.

Datuk Majid Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut berbahas mengenai Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian kerana telah berjaya membawa rang undang-undang ini ke Parlimen. Perbadanan pembangunan Kampong Bharu telah ditubuhkan oleh kerajaan dan mula beroperasi pada tahun 2011.

■1520

Sebagaimana yang kita tahu ialah fungsi ialah sebagai perancang dan pengawal selia pembangunan Kampong Bharu di Kuala Lumpur. Kementerian juga mengatakan bahawa ia bukanlah satu *business entity* tetapi berfungsi sebagai mengawal selia pembangunan untuk memajukan harta di Kampong Bharu ini. Sebagaimana yang saya tahu, Kampong Bharu ini meliputi tujuh buah kampung seluas 90.2 hektar yang berusia 110 tahun yang kini mempunyai 35,000 orang penduduk mengikut apa yang saya tahu.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar juga dalam ucapan di Dewan Rakyat mengatakan bahawa perbadanan ini tidak berminat mengambil tanah sesiapa pun. Ia bertujuan untuk membangunkan Kampong Bharu dan membela penduduk Melayu di kawasan tersebut. Beliau mengatakan bahawa untuk membangunkan Kampong Bharu tersebut, kerajaan telah meluluskan empat syarikat berkaitan kerajaan (GLC) iaitu PNB, Tabung Haji, Perbadanan Putrajaya dan Permodalan Hartanah Berhad. Beliau juga mengatakan bahawa kerajaan tidak akan memberikan ruang kepada syarikat swasta kerana kerajaan mahu menjaga kepentingan orang Melayu. Saya rasa Kampong Bharu ini boleh dianggap sebagai pusat nadi orang Melayu dan sewajarnya ia dibangunkan.

Saya rasa rang undang-undang ini adalah untuk memastikan bahawa Kampong Bharu akan memberikan manfaat kepada orang Melayu di kawasan tersebut. Sememangnya semua kaum termasuk kaum Melayu dipelihara kepentingannya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan rang undang-undang ini pagi tadi bahawa ia adalah bertujuan untuk membantu pemilik-pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar adalah bertanggungjawab bukan sahaja terhadap *jurisdiction* dengan izin, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi juga bertanggungjawab di kawasan Wilayah Persekutuan yang lain seperti Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Wilayah Persekutuan Putrajaya. Saya yakin bahawa kementerian akan terus prihatin dan membantu semua kaum di semua kawasan Wilayah Persekutuan. Kementerian tersebut juga saya yakin akan terus membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan dan mendengar rintihan-rintihan dari semua pihak di Wilayah Persekutuan Labuan dan kementerian akan terus memantau dan membanteras masalah *smuggling*, dengan izin, barang-barang daripada Wilayah Persekutuan Labuan ke tempat-tempat tertentu di kawasan tersebut.

Saya juga yakin bahawa kementerian akan terus membantu semua kaum di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu kaum Melayu, Cina, KadazanDusun dan Murut yang terdapat di pulau tersebut. Dalam perbahasan yang ringkas ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan satu masalah yang dihadapi oleh orang-orang daripada kaum KadazanDusun dan Murut di Wilayah Persekutuan Labuan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini kita bahas berkenaan Kampong Bharu Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya kaitkan...

Tuan Yang di-Pertua: *Concentrate*, fokus kepada masalah Kampong Bharu.

Datuk Maijol Mahap: Akan tetapi dia ada kaitan dengan kementerian juga.

Tuan Yang di-Pertua: Itu lain tajuk, Yang Berhormat. *Concentrate* dengan Kampong Bharu.

Datuk Maijol Mahap: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, apa yang pengalaman kami di Labuan ini dan apa yang saya nampak dan juga relevannya di sini tetapi saya akan bahaskan di forum yang lain. Oleh itu saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Selepas itu Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader. Sila kemukakan nama-nama siapa yang hendak berucap. Silakan, Yang Berhormat.

3.25 ptg.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah* pada petang ini kita sedang membahaskan satu rang undang-undang yang membabitkan sekelompok kaum yang dipanggil Melayu yang mana mereka ditempatkan di situ sejak tahun 1899 dengan tujuh buah kampung seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman tadi dengan keluasan tanah lebih 200 ekar. Kita tidak menafikan bahawa dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini hanya Kampong Bharu yang masih kita kata kurang ataupun tidak membangun dan masih menampakkan lagi kekampungan sedangkan aset di situ adalah nilai yang paling tinggi.

Walau bagaimanapun, kita jangan lupa bahawa seperti yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, penubuhan MAS yang akhirnya MAS ini dianggotai oleh empat orang daripada pegawai kerajaan termasuklah kerabat Diraja dan tujuh orang anggotanya daripada mewakili tujuh kampung iaitu ketua-ketua kampung dan menjadikan seramai sebelas orang Ahli Jawatankuasa MAS yang sebelum ini. Ini mengikut maklumat yang saya peroleh.

Penduduk di tujuh kampung ini pada peringkat awalnya berjumlah 833 orang. Namun sekarang sudah menghampiri 5,000 orang yang mewarisi pusaka di dalam Kampong Bharu ini. Ya, kita mengaku bahawa kita perlukan satu pembangunan yang boleh dimanfaatkan terhadap aset yang ada di Kampong Bharu ini. Namun kita tidak boleh sama sekali melupakan bahawa Kampong Bharu ini bukanlah seperti kawasan-kawasan pembangunan yang lain. Ia merupakan kawasan harta orang Melayu. Harta individu yang mereka mempunyai hak yang mutlak ke atas harta mereka. Seperti mana yang kita tahu bahawa harta pusaka ini bukanlah satu perkara yang mudah diselesaikan bahkan keadaan yang biasa, harta-harta orang Melayu itu berlaku pergaduhan ahli kaum keluarga kerana berebut harta pusaka. Jadi kalau penubuhan perbadanan untuk memajukan Kampong Bharu ini tidak kita buat dengan teliti, tidak kita buat dengan meletakkan keutamaan bagi menjaga harta-harta yang tuan punya sekarang sudah berjumlah hampir 5,000 orang yang mereka ini mendapat manfaat yang lebih besar daripada manfaat sama ada NGO ataupun kontraktor-kontraktor yang lain, barulah pelaksanaan kepada perbadanan untuk memajukan Kampong Bharu boleh dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh fasal 5 – perbadanan terdiri daripada jawatankuasa yang mengandungi 15 orang. Daripada 15 orang ini, hanya lima orang yang mewakili tuan tanah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi tadi sedangkan kuorum mesyuaratnya hanyalah separuh. Maksudnya lapan orang yang datang mesyuarat, sudah boleh dijalankan mesyuarat. Jadi maknanya hak tuan tanah begitu kecil sedangkan harta tersebut adalah harta mereka.

Keduanya, kita rujuk pula kepada majlis penasihat di mana majlis penasihat ini terdiri daripada pengerusi dan tidak lebih daripada 14 orang yang merupakan wakil masyarakat Kampong Bharu.

■1530

Ini satu benda yang kita rasa terbalik. Tuan punya harta menjadi penasihat yang mutlak dan nasihatnya seperti yang disebut oleh Datuk Haji Rahim tadi, dia nasihat ini boleh jadi lembaga ini terima ataupun tak terima sedangkan harta ini adalah harta dia. Dia pula nak menasihati orang untuk mentadbir harta dia. Macamlah rumah saya, ada orang datang nak memperbetulkan dapur sikit nak bagi elok apa semua, dia pun buat. Rumah saya, saya tak kata apa pun. Saya kata tak boleh tetapi dia kata nak buat juga. Bila dia buat duit pula minta kat saya. Ini pun macam itu. Sepatutnya jawatankuasa perbadanan ini, 15 orang ini hendaklah diletakkan sekurang-kurangnya lapan orang daripada tuan tanah, wakil tuan tanah dan lebih eloklah lagi jika pengerusi itu dipilih daripada waris tuan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, daripada hampir lima ribu orang tuan tanah di Kampong Bharu, mustahil kalau tidak dapat kita jejak bahawa waris ini mempunyai kepakaran dan profesional untuk membangunkan Kampong Bharu.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Wan Rahim untuk dimajukan. Akan tetapi biarlah kita letakkan keutamaan kepada tuan tanah supaya apa yang dibuat...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sila.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Kampong Bharu ini kita dah buat sejak diteliti ada lapan orang Tan Sri yang asalnya daripada Kampong Bharu. Terima kasih, itu untuk pengetahuan sahajalah. Jadi kalau nak pengerusi, bolehlah ambil orang Kampong Bharu.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta laluan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sila.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mendengar ucapan ringkas Yang Berhormat sekejap tadi, kita sudah dapat kesan seakan-akan rang undang-undang ini bertujuan untuk merampas tanah. Sedangkan rang undang-undang ini bertujuan untuk mentadbir tanah itu. Jadi tak timbul soal mesyuarat tak cukup kuorum sehingga ada kemungkinan hak pemilik tanah akan dicabul. Jadi harus ini dibezakan Yang Berhormat, dibezakan antara tanggungjawab atau fungsi perbadanan mentadbir dan membangun tanah dengan mengambil tanah sedangkan hak pemilik tanah tetap terpelihara. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih. Yang pertama sekali yang apa disebut oleh Yang Berhormat Datuk Rahim tadi ada lapan orang Tan Sri. Itu Datuk tak kira lagi, Datuk Seri tak kira lagi, yang profesional tak kira lagi. Okey, itu membenarkan apa yang saya sebut tadi. Berkenaan dengan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Firdaus, saya pun tak timbul isu itu, yang saya bangkitkan sekarang ini supaya tuan tanah diberi hak, diberi fungsi yang lebih untuk mentadbir tanah sendiri. Kalaupun jawatankuasa perbadanan ini 15 orang, apa salahnya lapan orang mewakili tuan-tuan tanah tersebut berdasarkan jumlah dan kebolehan orang Kampong Baru sendiri yang terserlah. Itu maksud saya, bukan soalnya kerajaan nak merampas tanah tetapi apa yang saya nak sebut di sini, tuan tanah ini tidak mempunyai suara yang majoriti dalam perbadanan ini malah nasihat mereka pun boleh atau tidak diterima pakai oleh lembaga ini.

Sedangkan lembaga penasihat ini 100 peratus terdiri daripada wakil tuan tanah, sedangkan lembaga ataupun perbadanan ini tidak melebihi 50 peratus.

Jadi maksud saya, orang yang bukan tuan tanah buat kerja dinasihatkan oleh tuan tanah dan orang yang buat kerja di atas tanah untuk memajukan tanah itu boleh menerima atau tidak menerima nasihat daripada tuan-tuan tanah. Itu maksud saya. Terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya kerajaan menimbang semula tentang keanggotaan ini supaya apabila pelaksanaan pembangunan Kampong Bharu ini dilaksanakan, tidak lagi menimbulkan masalah kerana jawatankuasa perbadanan ini sendiri yang melebihi lapan orang itu sebagai contoh yang terdiri daripada waris-waris tuan tanah di Kampong Bharu itu sendiri dan barangkali mungkin lembaga penasihat ini boleh diambil di kalangan profesional yang mempunyai kepakaran untuk menasihatkan lembaga ini bukan 100 peratus daripada tuan tanah. Jadi saya mohon pertimbangan daripada kerajaan untuk menimbang dan menilai semula...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh bagi mencelah sekali lagi?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Firdaus, agaknya nama Yang Berhormat tadi dah dicatat di sini. Beri peluang, dia ada 20 minit sahaja.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sikit lagi, nak habis dah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dah nak habis dah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya tak mahu jadi berlaku macam di Kedah, maaf saya sebut yang mana pengambilan tanah di kawasan Tandop kalau Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat semua ke Alor Setar, keluar daripada Tandop itu akan nampak Stargate dan nampak Tandop yang ada Pasific dan sebagainya. Pengambilan tanah dibuat oleh kerajaan, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Mumtaz tadi, semua kawasan tanah pertanian, tanah sawah padi. Apabila diambil oleh kerajaan, ditukar syarat menjadi tanah perindustrian lalu kerajaan memberikan kepada pemaju-pemaju untuk membangunkan termasuklah Stargate yang sekarang ada Pasaraya Tesco dan sebagainya yang akhirnya tuan-tuan tanah nak pergi pasang khemah nak jual goreng pisang pun kena halau sebab bangunan orang dah buat cantik-cantik.

Dia boleh mendabik dadalah ini tanah aku dulu tapi apa jadi keadaan sekarang? Jadi supaya Kampong Bharu merupakan satu-satu warisan yang masih ada kepada kita, saya mohonlah kepada kerajaan supaya memikirkan semula supaya Jawatankuasa Perbadanan Kampong Bharu ini diberikan lantikan lapan orang sekurang-kurangnya terdiri daripada tuan tanah dan yang penasihat tadi ini boleh ditambah dengan profesional yang lain. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Semua Ahli Yang Berhormat, agaknya tadi dah banyak agaknya perkara-perkara pokok yang telah disentuh. Kalau ada Ahli Yang Berhormat nak bercakap nanti, jangan ulang lagi perkara-perkara yang telah pun disentuh untuk menjimatkan masa dan untuk bagi peluang seberapa ramai yang boleh nak terlibat. Jadi, kita sekarang ini ada empat Yang Berhormat lagi nak berucap dan saya harap perkara ini tidak ada lagilah yang nak bercakap selepas ini berkenaan tajuk ini.

Saya bukan menghalang tetapi senang saya nak buat percaturan masa kerana kita banyak lagi, ada 38 rang undang-undang selepas ini. Oleh sebab itu saya nak mohon kerjasama dan memahami dan lepas ini saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim selepas itu Yang Berhormat Syed Husin, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus dan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus. Selepas itu saya fikir kita cukuplah itu kerana dah dilas tadi daripada segi perundangan, daripada segi profesionalnya, daripada segi keanggotaannya dan untuk menjimatkan masa dan melancarkan lagi kita punya Dewan ini supaya dapat berjalan lebih baik. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim.

3.38 ptg.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tepat masanya bagi kerajaan untuk mengambil satu langkah positif dalam membangunkan kawasan Kampong Bharu ini selaras dengan pembangunan bandar Kuala Lumpur kepada satu bandar bertaraf antarabangsa. Dengan ini saya menyarankan agar kerajaan dapat menjaga nilai warisan, adat, budaya dan sejarah orang Melayu di Kampong Bharu. Kepentingan orang Melayu membawa maksud membangun dan memberi keutamaan kepada Orang Melayu, menambah baik amalan dan cara hidup termasuk perkara berkaitan keagamaan, kemasyarakatan, kebajikan, kesihatan dan keselamatan Kampong Bharu harus diutamakan dalam arus pembangunan ini.

Kita hendak menuju kepada negara maju. Kita hendak meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia, jadi kita tidak mahu orang Melayu di kawasan Kampong Bharu ketinggalan dan ini yang diusahakan oleh kerajaan dengan penubuhan perbadanan ini dan kita telah pun mengetahuinya selama ini. Berbagai-bagai cara dan usaha dibuat untuk membangunkan kawasan Kampong Bharu ini. Macam-macam kerenah, macam-macam kesulitan tetapi kini saya percaya pembangunan ini dapat direalisasikan tanpa banyak halangan setelah kelulusan rang undang-undang yang kita bahaskan ini.

■ 1540

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memberi pandangan dan sedikit peringatan kepada pihak kerajaan supaya pembangunan yang dibuat ini menguntungkan pemilik-pemilik tanah dan waris-waris mereka semaksimum mungkin. Janganlah umpamanya diadakan dengan cara di mana mereka hanya mendapat sedikit sahaja faedah daripada pembangunan ini. Saya percaya niat kerajaan baik dan juga kita berikan keyakinan kepada perbadanan ini nanti untuk mengambil faedah dan cara di mana orang-orang Melayu Kampong Bharu akan menikmati keuntungan yang maksimum.

Dalam pada itu, berhubung dengan ciri-ciri kemelayuan, saya rasa tiada menjadi masalah kepada pihak perbadanan atau pengurusan mereka untuk mengekalkan ciri-ciri kemelayuan yang mencerminkan kebudayaan serta kesenian yang dipraktikkan sejak turun temurun. Tentunya ciri-ciri kemelayuan, Cina, India dan berbagai bangsa yang ada dalam negara kita ini adalah baik dan aman. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar kita dapat membentuk pembangunan kawasan Kampong Bharu ini selaras dengan wawasan kerajaan dengan mewujudkan satu komuniti yang berbilang bangsa tetapi satu agama. Saudara baru kita yang asal dari kaum Cina serta kaum India yang telah memeluk Islam ini harus diutamakan agar kita dapat mewujudkan perkampungan ini sebagai satu hab kebudayaan yang mempamerkan berbagai budaya tetapi satu kepercayaan.

Dari sudut ini juga kita dapat mempromosikan ianya sebagai salah satu hab pelancongan di mana pelancong-pelancong dari luar negara mahu pun dari negara Islam dapat menggunakan konsep kita sebagai satu kayu pengukur dalam memelihara keamanan dan keharmonian walaupun kita mempunyai kulit yang berbeza. Ini juga akan mempamerkan ciri-ciri bangsa kita yang berbagai kaum di dalam negara kita ini. Untuk melakukan itu tidak menjadi masalah. Ia tidak perlu kekal rumah-rumah seperti yang ada pada hari ini, tidak perlu kekal dengan rumah kampung yang buruk-buruk itu dan ia boleh dimodenkan dengan pembangunan yang sehebat mungkin tetapi kemelayuannya masih terserlah dan kawasan pembangunan yang moden ini akan mencerminkan ciri-ciri kemelayuannya. Ada ciri keislamannya boleh dikekalkan.

Seterusnya, jika kita dapat merancang dengan baik aset atau harta yang dijanakan dengan jumlah bernilai RM20 bilion ini boleh berkembang menjadi RM100 bilion. Kita mengetahui bahawa di Kuala Lumpur ini pemilikan harta orang-orang Melayu begitu sedikit sekali dan ini adalah satu kaedah, satu gagasan dan satu projek yang boleh membantu untuk meningkatkan pemilikan harta di Bandaraya Kuala Lumpur ini dengan begitu besar sekali.

Saya juga menyarankan agar pembangunan ini dapat dipastikan pemilikan pusat perniagaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan diterajui agar hak perniagaan ini dapat dipandu ke peringkat antarabangsa. Saya mencadangkan agar usahawan-usahawan bumiputera diutamakan dalam mewujudkan peluang perniagaan dan proses pembangunan ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kampong Bharu 2011 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Dipersilakan.

3.43 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Kuala Lumpur ini kita mempunyai Little India dan kita juga mempunyai China Town. Little India ini telah *diupgradekan* menjadi pusat penarikan pelancong dan tidak lain daripada Perdana Menteri India telah dijemput untuk merasmikan projek ini. Saya percaya ini satu cara untuk menaikkan dan meningkatkan pendapatan dan sebagainya bagi kawasan itu. Mungkin tidak realistik kalau kita mengatakan bangunkan Little India ini perlu dengan mengambil tanah mereka yang duduk di situ dan mendirikan perniagaan dan pembangunan kerana kawasannya terlalu kecil. Begitu juga dengan China Town.

Saya kira ada kebimbangan kalau umpamanya diambil alih tanah di situ untuk dibangunkan. Tentulah penentangan terhadap usaha itu akan menjadi kuat kerana kita lihat bagaimana, misalnya percubaan untuk memberikan laluan kepada jalan kereta api. Projek kereta api di situ telah ditentang dengan kuat. Begitu juga kawasan itu kecil untuk dibangunkan. Akan tetapi sebaliknya, Kampong Bharu ini kawasannya luas, harga tanahnya murah dan kalau ditingkatkan pun tidak setinggi barangkali nilai di kawasan sekitarnya. Orang akan mengatakan, mengapa tidak misalnya dibangunkan sahaja Kampung Baru itu seperti Little India ataupun seperti China Town untuk menjadi suatu pusat pelancongan yang unik di Kuala Lumpur yang menunjukkan keperibadian Melayu. Ini menunjukkan bahawa salah satu daripada kemungkinan untuk membangun ialah dengan berbuat demikian iaitu *diupgrade* untuk menjadikannya pusat pelancongan. Ada sekurang-kurangnya tiga cara lagi untuk membangun.

Cara yang kedua ialah dengan membenarkan orang Kampong Bharu itu yang memiliki tanah mereka, bebas untuk membangun kawasan tersebut dengan memberikan keuntungan kepada mereka seandainya diberi bantuan oleh pihak pemerintah. Dengan demikian, ada juga kemungkinannya untuk kita pertahankan milik orang yang membangunkan kawasan yang mereka sendiri miliki itu. Ini cara kedua.

Cara ketiga ialah bagaimana kalau diadakan syarikat atau pun syarikat kerjasama di mana semua milik tanah di kawasan tersebut diintegrasikan tanpa melepaskankan milik orang kampung itu dan melaksanakan pembangunan dengan bantuan kewangan daripada pemerintah. Kalau misalnya diadakan pembangunan seperti itu, syarikat atau pun syarikat kerjasama itu mungkin mempunyai kebolehan untuk mempertahankan milik tanah mereka lebih lama. Akan tetapi kita tidak memilih ketiga-tiga ini. Kita memilih yang keempat.

Jalan keempat ialah menyerahkan kepada kerajaan untuk membangunkan kawasan Kampong Bharu itu melalui perbadanan yang telah ditetapkan. Saya ingin menyanggah sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang mengatakan bahawa rancangan untuk pembangunan ini telah dibincangkan, telah diberi taklimat dan telah ditukar pendapat dengan orang-orang kampung di situ. Ini tidak cukup sebenarnya, sebab mereka yang dapat kita temui adalah terbatas.

Cara yang sebaik-baik sebenarnya ialah dengan mengadakan pilihan suara atau pun referendum yang melibatkan semua pemilik tanah dan waris mereka supaya mereka boleh menentukan sama ada mereka bersetuju atau pun tidak dan peluang untuk mereka menyatakan persetujuan ini tidak ada. Oleh sebab saya diberitahu bahawa walaupun penduduk di Kampong Bharu itu telah dijanjikan rang undang-undang ini akan dibincangkan dengan mereka sebelum dibentangkan dalam Parlimen tetapi rang undang-undang ini telah dibentangkan tanpa terlebih dahulu dibincangkan oleh penduduk-penduduk di situ.

Apabila kita membicarakan soal pembangunan Tuan Yang di-Pertua, kita biasanya bertanya dua soalan. Satu, pembangunan untuk apa? Kedua, pembangunan untuk siapa? Bagi saya, kelihatan masih tidak jelas lagi apakah dia bentuk pembangunan yang hendak dilaksanakan?

Walaupun saya dengar bahawa ada pihak-pihak termasuk pihak dalam... Tidak tahu apa kaitannya, pihak di *Attorney General Office* pun seolah-olah telah tahu siapa yang akan dapat projek itu dan syarikat mana yang dapat projek itu. Mungkin ini tidak betul dan kalau tidak betul tolong nafikan. Akan tetapi yang pentingnya bagi saya ialah masih belum jelas dan masih belum transparansi lagi apa dia bentuk pembangunan yang hendak dilaksanakan. Apakah untuk perniagaan? Kalau untuk perniagaan berapa besarnya. Adakah untuk kediaman? Kalau untuk kediaman berapa banyak kah rumah pangsaanya dan seterusnya.

■1550

Ini adalah penting kerana apabila kita hendak mengadakan pungutan suara atau referendum, tidak cukup hanya bertanya kepada mereka bersetuju atau tidak. Mereka mesti jelas apa yang mereka persetujui dan apa yang mereka tidak persetujui. Untuk jelas itu, mereka mesti tahu kalau mereka mengatakan ya, apakah dia pembangunan yang akan dilakukan, sesuai atau tidak dengan selera dan kehendak mereka, menguntungkan atau tidak bagi mereka.

Pemikiran yang kedua yang saya katakan tadi ialah pembangunan untuk siapa? Kita boleh ada pembangunan dan masing-masing orang misalnya mempunyai idea tertentu apakah bentuk pembangunan itu. Yang Berhormat Dato' Rahim tadi, ada misalnya memikirkan soal mengadakan bazar. Mungkin Menteri sendiri ada rancangan untuk pembangunannya dan Menteri mesti dipandu oleh kerajaan dan sebagainya. Akan tetapi kalau dikatakan untuk Melayu, pembangunan itu dikatakan untuk Melayu, kita ingin tahu Melayu yang macam mana, Melayu yang di mana? Adakah Melayu yang memiliki tanah di Kampong Bharu itu sendiri dari turun temurun? Atau adakah ia sekarang akan berpindah kepada golongan orang Melayu yang bercakap tentang kepentingan Melayu tetapi sebenarnya mengutamakan kepentingan diri sebagai kroni dan sebagai korporat dan sebagainya. Jadi di sini kita mesti tahu, pembangunan itu untuk siapa.

Dalam hal ini saya ingin merujuk apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mumtaz apabila dia mengatakan tadi bahawa ada persoalan tentang soal milik yang diberikan kepada Selangor masa British dahulu kepada *Agriculture Settlement* ini. Tanah yang diberikan kepada penduduk-penduduk Kampong Bharu. Saya ingin bertanya, bolehkah dari segi undang-undang Kerajaan Pusat dan Kementerian khususnya meneruskan rancangan pembangunan Kampong Bharu ini tanpa kelulusan daripada negeri Selangor? Adakah jikalau dilakukan juga pembangunan ini tanpa kelulusan negeri Selangor, ia akan menjadi satu tindakan yang haram dari segi undang-undang? Perkara ini serius dan saya harap akan dapat diperhatikan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin memanjangkan sebab banyak benda telah disebut oleh orang lain tetapi saya ingin merujuk hanya sedikit kepada rang undang-undang yang dikemukakan di sini. Pertamanya ialah tentang keanggotaan penasihat dan juga pegawai eksekutif.

Dalam fasal 5, kita lihat bahawa hampir semuanya adalah dipilih oleh Menteri, daripada pengerusi sehingga yang terakhirnya. Saya ingin bertanya adakah mereka yang dinamakan daripada kalangan tuan punya tanah dan pewaris tanah di Kampong Bharu yang hendak dilantik oleh Menteri itu dilantik dengan rujukan kepada penduduk di situ? Ertinya, adakah mereka dilantik kerana hubungan politiknya atau hubungan lain-lainnya atau mereka dilantik kerana mereka dianggap wakil betul-betul yang boleh mewakili kepentingan kampung Melayu itu sendiri.

Keduanya tentang Majlis Penasihat. Sekali lagi kita lihat bahawa mereka juga tidak dilantik oleh Menteri. Lembaga Majlis Penasihat menasihati Penasihat ini hendaklah diteliti, dikaji dan jika bersesuaian hendaklah diterima pakai oleh perbadanan. Jadi ertinya, mereka ini hanya penasihat, yang datang bincang tidak semestinya apa yang dinasihati itu dapat diterima.

Sekali lagi di sini, kita dapati bahawa tidak ada jaminan bahawa mereka yang dilantik sebagai penasihat itu adalah benar-benar mewakili kepentingan orang-orang Kampong Bharu.

Akhir sekali, tentang ketua pegawai eksekutif. Ketua pegawai eksekutif ini juga dilantik oleh Menteri. Tentulah sekali Menteri tidak akan dapat bertindak bersendirian. Tentulah di bawah kuasa Kabinet di bawah kuat kuasa kerajaan. Apa yang kita hendak tahu adalah, adakah akhir-akhirnya perkiraan kerajaan itu betul-betul akan mencerminkan kehendak dan keinginan orang Kampong Bharu itu sendiri. Sebab kita bimbang kalau salah-salah jalan dibenarkan misalnya pemindahan milik daripada orang kampung kepada syarikat yang dikuasai oleh kerajaan dan syarikat itu pula dimonopoli oleh sesetengah orang tertentu. Bukan sahaja milik orang kampung pergi kepada orang tertentu dan dikatakan ini milik Melayu, tetapi tidak ada jaminan dan maaf saya tidak nampak jaminan dalam undang-undang ini - betulkan saya kalau saya terlepas, tidak ada jaminan bahawa tanah milik yang akan dipindahkan itu tidak boleh pindah pula kepada orang bukan Melayu. Kalau tidak pada ketika ini, pada ketika akan datang.

Saya melihat misalnya di sesetengah kawasan, di Petaling Jaya terutama sekali, kawasan-kawasan yang mulanya dibuka dan dimiliki oleh orang-orang Melayu akhirnya habis terjual semuanya. Jadi apakah misalnya peraturan-peraturan dan *constrain* yang boleh diadakan melalui undang-undang untuk memastikan bahawa tanah Melayu di Kampong Bharu itu akhirnya tidak berpindah tangan sehingga sesuatu yang boleh menjadi kebanggaan kepada orang Melayu akan hilang begitu sahaja.

Oleh kerana itulah, saya mengharapkan bahawa empat-empat alternatif yang saya bagi tadi tentang cara membangunkan Kampong Bharu harus dikaji, harus diteliti dan mesti ada rasional yang kuat untuk kita memilih yang keempat. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Dato' Dr. Firdaus.

3.58 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, terutama sekali saya ingin memulakan ucapan ringkas saya ini dengan melafazkan ucapan tahniah. Pertama kepada Yang Berhormat Menteri, kedua kepada Yang Berhormat Dato' Rahim. Yang Berhormat Menteri, Dato' Raja Nong Chik saya rasa telah mencapai suatu kejayaan yang tanpa ingin merendah-rendahkan Menteri-menteri sebelum beliau yang tidak dapat dicapai oleh Menteri-menteri sebelum beliau... [*Tepuk*] Jadi tahniah kepada inisiatif Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik ini.

Kepada Yang Berhormat Dato' Rahim, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana selama lebih kurang 20 minit mendengar ucapannya, saya mengaku Tuan Yang di-Pertua banyak yang saya pelajari. Banyak yang saya pelajari yang saya rasa sekali gus telah menjawab soalan-soalan. Kalau boleh saya guna istilah-istilah yang aneh sedikit, *pseudo-questions*. Soalan-soalan palsu yang dikemukakan oleh sahabat saya di hujung sana itu tadi. Beliau menanyakan perkara-perkara yang sudah *obvious* yang sudah dijawab oleh ucapan Dato' Rahim dengan menyatakan pelbagai rancangan, pelbagai cadangan yang meliputi aspek-aspek perniagaan, aspek-aspek komersial, aspek kebudayaan, warisan dan seumpamanya.

Dalam jawapan Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik dalam Dewan ini pada bulan Julai tahun lalu, tidak salah saya. Beliau telah menerangkan hala tuju pembangunan Kampong Bharu yang akan diasaskan mengikut peranan seperti berikut:

■1600

- (i) pusat kebudayaan dan presint kediaman yang unggul di pusat bandar raya di samping mengekalkan identiti Melayu;

- (ii) merancang pembangunan Kampong Bharu secara komprehensif untuk meminimumkan masalah-masalah yang dihadapi seperti kesesakan lalu lintas, masalah sosial dan persekitaran; dan,
- (iii) meningkatkan golongan bumiputera dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di Kampong Bharu dan menyediakan mekanisme pelaksanaan yang berdaya maju dan memenuhi kehendak penduduk Kampong Bharu.

Inilah soal jawapan yang telah sedia ada kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin tadi.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Selain daripada itu, beliau bertanya adakah kita akan mengabaikan kepentingan penduduk-penduduk Kampong Bharu. Saya ingin merujuk satu nama yang barangkali Yang Berhormat Dr. Syed Husin sendiri juga tahu siapa, pernah mendengar namanya iaitu Dr. Mohd Yusof Ismail. Seorang pakar perancang bandar, pernah bekerja di Jabatan Perdana Menteri dan mendapat Ph.D dari *Cornell University*. Beliaulah yang mengetuai pemilik-pemilik tanah di Kampong Bharu itu untuk berunding, untuk mengartikulasikan kepentingan-kepentingan penduduk dan telah dibawa berunding oleh pihak kementerian.

Jadi, untuk mengatakan bahawa kerajaan akan mengabaikan kepentingan penduduk itu, saya rasa tidaklah tepat sama sekali dan tidak benar sama sekali. Orang yang mengetuainya itu bukan calang-calang orang; Dato' Dr. Mohd Yusof Ismail yang pernah menulis satu tesis Ph.D nya mengenai Dasar Ekonomi Baru yang mengartikulasikan kepentingan Melayu. Saya rasa kita tidak perlu lagi merasa waswas, bimbang dan ragu terhadap kewibawaan Dr. Mohd Yusof Ismail ini dalam *merepresentasikan* dan mengartikulasikan kepentingan penduduk Kampong Bharu itu. Jadi, itulah antara jawapan-jawapan saya pada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin tadi. Saya rasa soalan-soalan yang dikemukakan ialah *pseudo-question*; soalan-soalan yang sengaja dikemukakan untuk mengelirukan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana semangat demokratik beliau. Semangat demokratik dalam erti kerana rang undang-undang ini dikemukakan ke Dewan Rakyat dan sekarang ke Dewan Negara setelah mendapat pelbagai input daripada pelbagai pihak. Saya sedar kira-kira enam bulan yang lalu, satu pertemuan telah diadakan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat di sebuah hotel di Kuala Lumpur yang mana dikemukakan teguran-teguran. Antara teguran yang dikemukakan pada masa itu, sepanjang ingatan saya ialah tentang definisi atau tafsiran kepentingan Melayu sehingga sepanjang malam macam-macam cerita berlaku.

Akhirnya dengan sikap yang responsif Yang Berhormat Menteri, rang undang-undang itu ditangguhkan pembentangannya di Dewan Rakyat. Ini saya memperlihatkan tentang – bagi saya, ini memperlihatkan betapa suara pelbagai pihak diambil kira dalam menggubal dan meluluskan rang undang-undang ini. Oleh kerana itu, saya sangat mengalu-alukan rang undang-undang ini yang sudah amat tepat pada masanya. Mungkin sudah agak terlambat tetapi kata orang, lebih baik terlambat daripada tidak ada sama sekali.

Selain daripada itu, satu perkara lagi yang saya rasa patut juga diambil kira ialah tadi Yang Berhormat Dr. Syed Husin menyebut tentang kepentingan pemilik-pemilik tanah. Saya rasa kita semua haruslah melihat Kampong Bharu itu lebih daripada sekadar satu kawasan yang dimiliki oleh sekumpulan orang. Ini disebabkan sebenarnya nilai tambah kawasan Kampong Bharu itu bukan sahaja kerana aspek komersialnya, bukan sahaja kerana kedudukannya yang strategik, bukan sahaja kerana ia berhampiran dengan Jalan Tunku Abdul Rahman atau berhampiran dengan KLCC. Akan tetapi nilai tambah Kampong Bharu ialah kerana nilai-nilai sejarahnya. Nilai-nilai sejarah yang di kandunginya.

Seorang Ahli: Warisan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Warisannya. Oleh kerana itu, bukan sahaja penduduk Kampong Bharu yang diwakili oleh Dr. Mohd Yusof Ismail itu yang berhak bercakap tentang Kampong Bharu. Kita pun sepatutnya berhak juga. Saya dibesarkan di Kampong Bharu, Tuan Yang di-Pertua walaupun saya tidak memiliki apa-apa tanah di sana kerana orang tua saya duduk sebagai setinggian di Kampong Bharu, di Kampong Periuk. Akan tetapi saya tidak malu untuk mengatakan itu. Walaupun saya duduk sebagai setinggian, orang tua saya duduk sebagai setinggian di Kampong Bharu, di pinggir Kampong Bharu, di Kampong Periuk tetapi emosi saya terhadap Kampong Bharu cukup kuat.

Oleh kerana itu berbeza dengan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim yang bercakap tanpa emosi. Saya minta maaf Dato'. Saya bercakap dengan emosi mengenai Kampong Baharu... [Ketawa][Tepuk] Ini kerana saya dibesarkan di Kampong Bharu dan Kampong Bharu adalah sebahagian daripada kehidupan saya. Oleh kerana itu, saya melihat pembangunan Kampong Bharu ini amatlah patut disegerakan.

Sehubungan dengan itu, ada dua perkara mengenai tafsiran di sini Yang Berhormat Menteri, kalau boleh – tidak tahulah boleh diambil kira balik atau tidak tentang apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman tadi iaitu tentang kawasan pembangunan Kampong Bharu itu. Walaupun tadi Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim telah memberikan definisi, mengkategorikan kawasan itu pada dua buah kawasan. Satu kawasan yang di bawah pentadbiran MAS. Satu kawasan yang secara eksklusif dimiliki dan didiami oleh orang-orang Melayu. Satu lagi kawasan yang juga didiami oleh bangsa-bangsa lain. Akan tetapi saya rasa, untuk memastikan bahawa pembangunan itu berjalan dengan lancar, mestilah ditetapkan parameter kawasan Kampong Bharu itu.

Selain daripada itu, saya juga sebagaimana Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman, saya juga tidak begitu *comfortable*, tidak begitu selesa dengan tafsiran kepentingan Melayu pada hal Nombor 6 ini Yang Berhormat iaitu, "*Kepentingan Melayu termasuklah kepentingan sosial dan ekonomi dan warisan, adat, budaya dan nilai sejarah orang Melayu di Kampong Bharu.*" Saya kata perkataan, "*Di Kampong Bharu*", tidak perlu, sebab kepentingan Melayu di sini, tidak semestinya dilihat daripada kepentingan Melayu penduduk ataupun pemilik tanah di Kampong Bharu sahaja. Haruslah dilihat sebagai kepentingan Melayu keseluruhannya sebagai satu komuniti yang mempunyai impian struktur sosial, yang mempunyai nilai-nilai sejarah, yang mempunyai nilai-nilai kebudayaan yang universal. Oleh sebab itu, kita semua mempunyai dan semua orang Melayu sepatutnya dianggap mempunyai hak untuk menentukan bagaimana pembangunan Kampong Bharu itu harus dilaksanakan.

Saya seperti yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengulang perkara-perkara yang telah diucapkan oleh rakan-rakan sebelum ini. Akan tetapi walau bagaimanapun, untuk memastikan barangkali ini adalah perdebatan yang terakhir mengenai Kampong Bharu ini, saya ingin sedikit menyarankan beberapa saranan yang saya rasa patut diambil kira. Selain daripada itu, saya pernah menghadiri satu dialog mengenai Kampong Bharu ini. Seorang penduduk atau bekas penduduk Kampong Bharu pernah berpantun. Pantunnya...

*Kampong Bharu kampungku dahulu,
Banyak menyimpan sejarah bangsa,
Jika dahulu milik moyangku,
Milik siapakah esok dan lusa... [Tepuk]*

Ini adalah sekadar suara kebimbangan daripada penduduk Kampong Bharu itu tentang masa hadapan Kampong Bharu. Untuk perhatian kita bersama terutama pada perhatian kementerian, untuk memastikan supaya pemilikan Kampong Bharu itu tetap kepada pemilik asalnya.

Sehubungan dengan ini barangkali, sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan lawatan ke Kampong Bharu kira-kira setahun yang lalu, beliau telah menyebut tentang pembangunan Kampong Bharu yang akan mengambil kira bukan sahaja kepentingan Melayu dan bukan sahaja akan mengambil kira aspek-aspek budaya Melayu tetapi juga aspek-aspek yang lebih global dan komersial sifatnya.

Untuk itu ada satu pantun lagi Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Pantun.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini Datuk Akbar Ali sudah tidak ada di sini, saya beranilah sedikit. Kalau dia ada, tidak berani juga...

■1610

*Akar nasional akal internasional,
Falsafah pembangunan Kampong Bharu,
Sesuai dengan formula glocal,
Adunkan yang lama dengan yang baru.*

Pantun untuk Yang Berhormat Menteri - adunkan yang lama dengan yang baru.

Selain daripada itu saya juga menyarankan supaya di dalam pembangunan semula Kampong Bharu itu dua perkara pokok yang patut diberikan perhatian ialah pertama yang wajib diberikan perhatian serius adalah peranan sejarah perkampungan itu dalam membangkitkan nasionalisme Melayu, dan sebagai tempat bermulanya kerjasama politik antara kuasa Melayu dan Cina, tidak banyak orang tahu tetapi di Kampong Bharulah Tuan Yang di-Pertua, bermulanya perkongsian politik secara formal, secara institusional antara UMNO dan MCA.

Selain daripada itu, di samping berwatak moden, Kampong Bharu yang hendak dibangunkan semula itu mestilah mengekalkan unsur-unsur tradisi Melayu dari segi seni bina bangunan, persekitaran dan kemudahan prasarana serta kekal dan bertambah maju sebagai pusat saraf atau *nerve centre* pertumbuhan sosial dan ekonomi Melayu. Kampong Bharu telah memainkan peranan penting sebagai pusat saraf masyarakat Melayu dari segi sosial, politik dan ekonomi terutama antara awal tahun 1930-an sehingga tercetusnya rusuhan kaum pada bulan Mei 1969, dan sepanjang masa tersebut Kampong Bharu adalah pusat kebangkitan nasionalisme Melayu dan perjuangan politik orang Melayu.

Di Kampong Bharu terdapat banyak bangunan awam atau rumah kediaman yang mempunyai keistimewaan tersendiri dari segi sejarah dan peristiwa yang berlaku di dalamnya. Dari segi gerakan massa dan kebangkitan politik Melayu, bangunan yang paling penting dan bersejarah adalah Kelab Sultan Sulaiman. Bangunan Kelab Sultan Sulaiman yang digunakan sekarang adalah bangunan yang baru tetapi replika bangunan lama yang benar-benar sama saiznya telah dibina oleh Kementerian Kebudayaan dan Warisan di bawah pimpinan Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim kira-kira tiga tahun yang lalu, dan terletak di samping padang bola di kelab itu sekarang.

Dalam bangunan asal kelab itu telah berlangsung puluhan, malah barangkali ratusan persidangan dan kongres serta perhimpunan dan rapat umum, ini termasuklah rapat umum menentang *Malayan Union*, pertemuan memperkukuhkan UMNO, dan kerjasama UMNO-MCA, Mesyuarat Agung parti-parti politik Melayu seperti PAS yang dipimpin oleh Almarhum Doktor Burhanuddin Al-Helmy yang jauh bezanya dengan PAS sekarang, Parti Rakyat yang dipimpin oleh Ahmad Bustamam yang juga jauh bezanya dengan PKR sekarang dan Parti Negara yang dipimpin oleh Datuk Onn Jaafar. Rapat Umum yang cukup besar menentang konsep *Malaysian Malaysia* ciptaan Lee Kuan Yew juga telah turut diadakan di padang bola Kelab Sultan Sulaiman.

Sebuah bangunan lain yang membawa kemasyhuran kepada Kampong Bharu adalah Masjid Jamek yang dari masa ke semasa sepanjang tahun 1950-an dan 1960-an, menjadi tempat syarahan agama oleh ulama-ulama terkenal seperti Hamka, Kiai Anuar Musadat dan Kiai Fathullah Harun. Apabila tokoh-tokoh tersebut memberi syarahan, Masjid Jamek Kampong Bharu akan dibanjiri oleh jemaah dari Seremban, Kajang, Batang Kali, Tanjung Malim, Ipoh pada zaman itu yang dianggap relatif jauh kerana kemudahan pengangkutan yang kurang sempurna tidak seperti sekarang.

Di pinggir Kampong Bharu terdapat bangunan-bangunan lain yang penting bagi kebangkitan bangsa Melayu, seperti bangunan lama Ibu Pejabat UMNO di Jalan Tuanku Abdul Rahman yang merupakan satu-satunya bangunan milik bangsa Melayu di ibu kota selepas negara ini merdeka.

Di pinggir Kampong Bharu juga berdekatan dengan Jalan Ampang, terdapat sebuah kawasan perkuburan masyhur yang menyimpan jenazah tokoh-tokoh terkenal seperti Allahyarham Aminuddin Baki, P. Ramlee, Saloma dan Tan Sri Ahmad Razali.

Wujudnya sekolah, kelab, masjid dan tanah perkuburan adalah tanda bahawa Kampong Bharu sejak dahulu lagi adalah satu komuniti yang lengkap dalam pelbagai segi.

Di Kampong Bharu juga terdapat rumah atau tapak bekas rumah yang pernah didiami oleh tokoh-tokoh ternama seperti Wartawan Negara Tan Sri Melan Abdullah, bekas Presiden Parti PAS, bukan PAS sekarang Doktor Burhanuddin Al-Helmy, dan pengasas Parti Rakyat, Datuk Ahmad Bustamam...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Beza, beza. PAS sekarang memang nampak berbeza.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya pohon mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Sorry*, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terpujikan untuk bertanya kepada Yang Berhormat profesor berkenaan dengan perbezaan, sebab setahu saya tidak ada pindaan perlembagaan, lainlah dengan UMNO yang pernah masuk ke mahkamah, tentang pindaan perlembagaannya tetapi PAS dari dahulu sehingga sekarang perlembagaannya tidak pernah bertukar, apa beza PAS dahulu dengan PAS sekarang?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...PAS dahulu dipimpin oleh Doktor Burhanuddin, Datuk Mohd Asri Muda, Tuan Haji Yusof Rawa yang saya pernah menjadi driver nya, oleh Zulkifli Mohamad...

Seorang Ahli: PAS sekarang?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: PAS sekarang...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Ini ada satu cerita Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz. Kita setiap hari selepas sembahyang kita berdoa tidak minta ampun kepada Allah Subhanahuwataala supaya segala dosa kita diampunkan tetapi ada orang PAS yang tidak mahu memaafkan kesalahan orang lain, sehingga menghalang perpaduan Melayu. Ini sudah bertentangan dengan falsafah PAS yang dahulu. Kalaulah pemimpin Mursyidul Am Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz mahu memaafkan kesilapan-kesilapan yang pernah dilakukan oleh beberapa individu Melayu di dalam PAS, saya rasa PAS dan UMNO boleh bersatu sekarang. Akan tetapi kerana dendam, kita minta Tuhan mengampunkan kesalahan kita tetapi kesalahan orang lain kita tidak mahu memaafkan, ini sudah bercanggah saya rasa dengan falsafah ini, ya jadi itu bezanya... *[Tepuk]*

Kalau saya diminta lagi hendak menceritakan perbezaan-perbezaannya ada banyak lagi Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tentang beza PAS sekarang dengan yang dahulu, *of course* sekarang dengan seorang yang petah seperti Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz ini, yang tidak ada di dalam PAS yang dahulu, lain ceritalah kan tetapi sekarang saya mengakui kepetahan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz dalam hal ini, tetapi cukuplah saya rasa tentang perbezaan itu.

Apa tadi saya cakap?... [Ketawa] Okey di Kampong Bharu juga terdapat rumah atau tapak bekas rumah yang pernah didiami oleh tokoh-tokoh terkenal iaitu nama-nama yang saya sebutkan tadi dan yang tidak kurang pentingnya, rumah yang pernah didiami atau dimiliki oleh Allahyarham Yahya Sheikh Ahmad seorang tokoh yang berperanan penting dalam merintis kerjasama UMNO dan MCA pada awal 1950-an juga terletak di Kampong Bharu.

Demikianlah di antara hujah-hujah atau alasan untuk menyokong saranan saya kerana pembangunan semula Kampong Bharu mesti dianggap sebagai satu projek istimewa yang mempunyai dimensi-dimensi sosial, politik, sejarah dan kebudayaan yang tersendiri. Perkara-perkara yang lebih teknikal, yang lebih profesional sudah dihuraikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim, saya hanya memberikan *compliment* ataupun pelengkapannya dengan aspek-aspek yang sedikit emosional.

Saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk memberikan ucapan ini. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Ahli-ahli Yang Berhormat kita berhenti sebenar kerana ada usul yang dibawa oleh Menteri, silakan Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.45 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 8 Disember 2011.”

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

■1620

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bahawa saya rasa lega dan berkeyakinan tinggi hasil kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah baru-baru ini bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menjual walau seinci pun tanah di Kampong Baru di ibu kota kepada kaum atau bangsa lain. Jaminan bahawa kerajaan akan memastikan setiap pemilik tanah mendapat pulangan masing-masing apabila tanah mereka diserahkan untuk tujuan pembangunan.

Saya berharap agar pihak-pihak yang berkepentingan tidak mudah melatah kerana saya difahamkan nisbah 60:40 hanyalah satu cadangan daripada pihak kerajaan dan ia sebenarnya bukan bermaksud menjual tanah sedia ada kepada bukan bumiputera atau kepada pelabur asing mengikut nisbah tersebut. Ini kerana Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar turut menegaskan bahawa cadangan nisbah itu hanya akan diguna pakai apabila keseluruhan kawasan kampung berkenaan dibangunkan dengan pelbagai bangunan pencakar langit dan mendapat persetujuan pemilik tanah berkenaan. Saya yakin bahawa tidak ada seorang pun pemilik tanah yang akan terpinggir daripada proses pembangunan bahkan setelah memiliki tanah baru di kawasan berkenaan. Mereka akan diberi peluang untuk menjual tanah atau menukarnya dalam bentuk saham atau milikan.

Soalan ini adalah dari segi teknikal dan tetap akan berlaku. Bagaimana cadangan ke atas bangunan-bangunan sama ada, adakah keputusan-keputusan sama ada unit-unit bangunan atau hartanah itu hendak dijual, disewa atau dipajakkan kepada bukan bumiputera atau syarikat asing? Bagaimana cadangan menarik minat pelabur asing untuk sama-sama melabur di Kampong Bharu yang memastikan pembangunan tersebut turut disertai oleh syarikat gergasi khususnya dalam bidang perhotelan, pasaraya, bank dan sebagainya? Bagaimana jika penduduk tidak bersetuju dengan cadangan nisbah pembahagian itu? Adakah kerajaan bersedia untuk berunding sehingga satu persetujuan di capai di mana ia akan menguntungkan kedua belah pihak?

Selain itu ialah bagaimana status-status di Kampong Bharu dari status pertanian ke status komersial yang bakal melonjakkan nilai hartanah di kawasan berkenaan atau bagaimana penyelesaian tanah yang bertindih milik warisan keluarga di mana tuan punya asal sudah meninggal dunia dan sekarang geran tanah untuk tuan baru yang berlapis-lapis. Ada yang tidak dapat dikesan, sudah meninggal dunia, tidak berminat dan mungkin bertelagah antara satu sama sendiri. Adakah kerajaan bercadang melantik syarikat yang bakal mengendalikan urusan Kampong Bharu ini, yang akan bertindak sebagai *one-stop centre* bagi segala urusan jual beli, pembangunan dan sewa beli hartanah yang telah siap?

Bagaimana status draf pelan pembangunan Kuala Lumpur yang telah pun dilancarkan dan bagaimana penerimaan penduduk Kampong Bharu dalam hal demikian? Sejauh mana kerajaan bakal mengekalkan hak milik dan warisan kampung Melayu di mana ia merupakan warisan Melayu terakhir di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur ini. Bagaimana kementerian melihat sikap-sikap tertentu pihak tertentu yang membelakangi Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur sendiri dengan menganjurkan beberapa perbincangan dengan penduduk Kampong Bharu. Ini adalah akan berlaku dan ini adalah usul-usul teknikal yang kita harap dapat diselesaikan sebelum kawasan tersebut dibangunkan. Ini kerana saya kluatir perbincangan mereka tidak dapat kelulusan Kerajaan Pusat dan bukan apa yang termaktub dalam *master plan* Kampong Bharu yang didrafkan. Sekian, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat turut berbahas? Kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.28 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: *Bismillahir Rahmannir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan begitu teliti dan dengan panjang lebar, tidak silap saya lebih daripada Dewan Rakyat membahaskan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011. Seterusnya saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan. Mungkin ada pertanyaan itu, saya jawab merangkumi beberapa pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dengan spesifik kepada satu-satu soalan.

Pertanyaan daripada Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar berkenaan persempadanan kawasan pembangunan Kampong Bharu ataupun kawasan yang akan dibangunkan.

Jadi, kawasan pembangunan Kampung Baru meliputi kawasan-kawasan berikut. Kawasan yang di bawah seliaan MAS yang terdiri daripada tujuh buah kampung iaitu lebih kurang lebih 200 ekar. Kawasan flat Sungai Baru, flat PKNS Jalan Tun Razak dan tapak pasar minggu. Kawasan di sekitar Raja Bot termasuk Pasar Raja Bot.

Walau bagaimanapun kawasan yang dikatakan ada sekatan adalah kawasan yang di bawah seliaan MAS tetapi apabila kerajaan hendak membangunkan kawasan itu, kita akan pandang pada seluruh kawasan termasuk kawasan tidak di bawah seliaan MAS. Hanya yang di bawah seliaan MAS itu ada sekatan khususnya dari segi pemilikan dan juga kependudukan orang Melayu di mana seperti yang disebut Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi, kalau ikut status tanahnya orang Melayu daripada tempat lain pun, kalau bukan orang Melayu daripada Malaysia pun tidak boleh duduk di sana.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar juga telah membangkitkan berkenaan dengan program pembangunan Kampong Bharu yang pada masa ini sedang berjalan di mana kerajaan telah membelanjakan RM9.206 juta di mana beberapa projek sedang berjalan seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī bahawa kita sudah buat kerja dahulu sebelum rang undang-undang diluluskan di peringkat Dewan Negara dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Agong. Akan tetapi ini adalah usaha-usaha tidak ada kaitan dengan rang undang-undang. Ini adalah usaha-usaha untuk meningkatkan infrastruktur di kawasan Kampong Bharu. Secara kebetulan kita buat pada masa yang sama.

Jadi, kalau rang undang-undang tidak diluluskan oleh Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ini, usaha-usaha ini kita akan teruskan. Bermakna kerajaan kita adalah kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang bertanggungjawab.

■ 1630

Kita tidak mengira, menunggu masa rang undang-undang diselesaikan baru kita hendak mulakan kerja. Tugas-tugas ini adalah tugas sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan yang menekankan kebajikan. Jadi infrastruktur ini adalah untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada di Kampong Bharu. Jadi soal buat kerja dahulu tanpa kelulusan tidak timbul. Ini ialah cara kita usahakan untuk menunjukkan komitmen kerajaan untuk bangun Kampong Bharu tanpa apa-apa nawaitu ataupun niat yang tidak baik. Yang Berhormat Datuk Rahman juga telah sebut berkenaan dengan nilai tanah.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Saya pohon untuk mencelah.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Nilai tanah... Biar saya selesai. Saya akan jawab selepas saya jawab Yang Berhormat Senator Mumtaz. Nilai tanah berdasarkan kepada lokasi tapak dan juga dibuat oleh penilaian profesional. Pengambil balik tanah hanya akan berlaku apabila cadangan pembangunan untuk infrastruktur sahaja. Untuk kepentingan awam di Kampong Bharu. Seperti saya juga telah sebut dalam Dewan Rakyat kita tidak akan memaksa tuan-tuan punya tanah.

Akan tetapi kita mesti terima hakikat bukan hanya di Kampong Bharu tetapi di mana-mana kawasan pun soal pengambilan tanah akan berlaku untuk memperbaiki infrastruktur. Jikalau tidak jalan kampung tetap jadi jalan kampung. Tidak dapat diperbesarkan dan kawasan itu akan juga tidak dapat dimajukan. Walau bagaimanapun, dengan model Kampong Bharu ini kita hendak supaya bila ada perbadanan, model boleh diambil kira kerana kita kena ambil kira tuan punya tanah di Kampong Bharu keluasannya berbeza-beza. Mungkin yang ada 5,000 kaki persegi. Mungkin ada dengan mungkin 100 orang pemilik. Mungkin ada 10,000 kaki persegi, mungkin ada 20,000 kaki persegi. Mungkin yang 40,000 kaki persegi hanya seorang. Jadi bermakna kita perlu menjaga mereka yang memiliki tanah kecil dengan pemilik yang ramai.

Jadi oleh kerana itulah kita ada perbadanan Kampong Bharu supaya takdirnyalah Yang Berhormat punya tanah ia betul-betul di dalam pelan adalah jalan ataupun parit ataupun kawasan hijau. Memang tidak adil jika pembangunan dibangunkan nilai Yang Berhormat sebagai yang diletakkan itu berbeza dengan mereka yang dapat dengan tanah yang besar dapat nilai mungkin bangunan yang mungkin lebih nilainya. Jadi kita hendak samakan penilaian pada semua pihak khususnya mereka yang ada tanah tidak besar.

Itulah perbadanan memainkan peranan sebagai perantara dengan pemaju GLC seperti PNB dan Tabung Haji yang sudah bersedia supaya mereka menjadi sebagai pemudah cara dan penyelaras dengan badan-badan ini supaya tuan punya tanah yang kecil ini tidak rugi walaupun tanah mereka terletak dekat parit. Jadi itulah sebabnya.

Akan tetapi kita kena terima hakikat ada kawasan-kawasan kalau hendak dimajukan secara komprehensif akan menjadi mungkin kawasan hijau, mungkin jalan, mungkin parit dan lain-lain. Jadi inilah, makna hanya penilaian nilai tersebut oleh Datuk Rahman itu mungkin semasa pelan ini ataupun RUU ini belum dibentangkan lagi. Pada masa itu mungkin ada usaha oleh kerajaan untuk membuat jalan ataupun lain-lain lagi. Jadi mungkin penilaian itu adalah pada masa itu. Jadi dengan penambahan baik yang dibuat oleh kerajaan mungkin nilai yang diberi oleh umpamanya GLC seperti PNB ataupun Tabung Haji mungkin lebih daripada itu.

Walau bagaimanapun, jika mana-mana pihak tidak bersetuju dengan keadaan nilai tanah, pihak berkenaan juga boleh buat bantahan dan boleh merunding kalau dari segi *accusation*, mereka boleh berhak pergi ke mahkamah. Tadi apa yang saya hendak tekankan apa pun asas dia, kita akan usaha untuk dapat persetujuan daripada pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu.

Datuk Rahman juga telah bangkitkan pembangunan Kampong Bharu termasuk kawasan Chow Kit. Jadi di kawasan Chow Kit ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah buat lawatan kerja baru-baru ini dan telah memberi komitmen untuk membangunkan kawasan Chow Kit yang luar daripada kawasan MAS memang adalah juga diduduki oleh bukan Melayu. Banyak daripada penjaja-penjaja sana adalah daripada golongan bukan Melayu tetapi pihak kerajaan sudah komited untuk membangunkan Pasar Raja Bot ini dan *insya-Allah* akan bermula *upgrading* dia, dengan izin, pada tahun 2012. Hanya kita perlu buat beberapa langkah-langkah sebelum kita dapat mulakan projek ini dan permohonan konvensi ini melibatkan bukan hanya fizikal tetapi perkara-perkara yang lain untuk menaikkan perkara-perkara di Chow Kit itu sendiri kerana golongan penjaja begitu besar.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Rahman, pembangunan Kampong Bharu ini perlu juga merangkumi pembangunan insan, sosial, pendidikan kebudayaan dan insaniah yang di mana dengan adanya perbadanan ini, bolehlah perbadanan ini memainkan peranan. Jika hanya pemaju milik kerajaan, milik GLC ataupun pemaju swasta sendiri maka peranan mereka akan terbatas. Akan tetapi perbadanan ini mereka boleh terlibat dengan pembangunan-pembangunan yang tidak bernilai, ataupun *soft value* ini dengan izin.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi telah membangkitkan berkenaan dengan fasal 14 berkaitan dengan fungsi perbadanan yang tidak menyentuh berkenaan dengan perlembagaan ataupun melibatkan ataupun memartabatkan agama Islam. Mohon rujuk kepada sub fasal 14(4), perbadanan hendaklah menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (1) dengan apa-apa cara yang perlu demi melindungi, memelihara dan memulihara kepentingan orang Melayu. Orang Melayu ditafsirkan di bawah Perlembagaan Persekutuan Perkara 160(2), sebagai seorang yang menganuti agama Islam. Lazim apabila kita bercakap Bahasa Melayu kita bahasakan kepada definisi perlembagaan yang bahawa mereka ini adalah mengamalkan agama Islam. Jadi termasuklah menurut adat Melayu dan lain-lain.

Oleh itu dalam hari ini kepentingan Islam sendiri terjamin dan oleh sebab taraf Melayu ini termasuk agama Islam. Kepentingan orang Melayu termasuklah kepentingan sosial dan ekonomi dan warisan adat budaya dan nilai sejarah orang Melayu di Kampong Bharu. Secara langsung bermakna Islam memang terlibat secara langsung dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus yang telah banyak bagi input-input untuk memperbaiki lagi definisi ini dalam perjumpaan enam bulan yang lepas.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Boleh berikan penjelasan?

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat biar saya selesai Yang Berhormat punya jawapan dulu ya. Yang Berhormat Hajah Mumtaz juga telah membangkitkan berkenaan dengan isu penyerahan tanah. Jadi saya rasa kalau hendak cakap berbuih-buih mulutlah saya sudah bercakap perkara ini kepada wakil-wakil rakyat daripada pihak pembangkang di mana soal penyerahan tanah tidak timbul sekali. Oleh kerana berkali-kali kita sudah sebut bahawa kita akan berunding dengan persetujuan pemilik dan pewaris tanah itu.

Oleh kerana tujuan Kerajaan Barisan Nasional tidak lain tidak bukan adalah untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu di Kampong Bharu dengan cara tidak langsung juga dapat meningkatkan ekonomi orang Melayu secara amnya dalam negara kita. Jadi kalau kita hendak katakan gunakan kesempatan ambil tanah hendak bagi seperti Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin sebut bagi kepada pihak-pihak yang lain, saya mintalah kalau ada bukti mengatakan daripada pejabat AG mengatakan kita hendak serah tanah itu kepada si polan si polan, sila bagi saya bukti dia.

■1640

Oleh sebab tidak ada pun, baik niat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, daripada saya sendiri, daripada seluruh jentera kementerian yang telah bertungkus-lumus untuk mengadakan rang undang-undang ini, niatnya hendak beri tanah ini pada siapa-siapa pihak yang lain. Ini kerana kalau kita hendak buat kerja itu, tidak perlu pergi ke Kampong Bharu. Jadi, inilah kalau Yang Berhormat dan wakil-wakil daripada pihak pembangkang ataupun Pakatan masih hendak bangkitkan perkara bahawa kita hendak ambil alih ataupun curi atau apakah, tanah daripada orang Melayu di Kampong Bharu, saya rasa inilah tohmahan-tohmahan dan inilah yang telah menyebabkan mungkin segelintir, mungkin minoriti yang tidak bersetuju. Akhirnya, kalau ini berlaku, nanti saya sebutkanlah apa kalau-kalau itu berlaku nanti.

Jadi, saya hendak jawab lagilah pasal Yang Berhormat Senator Mumtaz ini tadi, berkenaan dengan wakil Kerajaan Negeri Selangor dalam Perbadanan. Atas permintaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, kita telah mengekshaskan satu anggota atas cadangan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Jadi, ini adalah sebagai penghormatan kepada institusi Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya dengan warga kementerian juga telah menghadap baginda dan ini adalah permintaan baginda, sambil itu juga minta berkenaan dengan Kelab Sultan Sulaiman dan Masjid Kampong Bharu. Jadi, kita telah tunaikan permintaan baginda dan baginda secara umumnya telah menyokong penuh usaha kerajaan untuk membangunkan Kampong Bharu dan *blessing*, dengan izin, dengan sepenuhnya.

Yang Berhormat Senator Mumtaz juga mencadangkan penggunaan dana RM15 juta. Jadi, dana itu seperti saya sebut tadi, dana ini adalah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat untuk membangunkan infrastruktur di bawah RMKe-10. Jadi, tidak ada niat yang lain ataupun hendak membelakangkan rang undang-undang ini ataupun kuasa Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara tetapi ia tidak berkaitan dengan kelulusan rang undang-undang ini. Kita berharap dengan penambahbaikan infrastruktur ini akan juga meningkatkan lagi nilai tanah di Kampong Bharu dan memberikan keselesaan kepada penduduk Kampong Bharu.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz juga telah membangkitkan kuasa Menteri terlalu luas, mohon rujuk kepada fasal 17, rang undang-undang ini yang menyebut bahawa, "Menteri boleh memberikan arahan yang tidak bercanggah dengan peruntukan akta ini dan Perbadanan hendaklah melaksana segala arahan yang diberi itu." Jadi, kuasa Menteri bukanlah mutlak tetapi masih tertakluk kepada peruntukan akta ini. Jadi, saya berharap Yang Berhormat boleh rujuk pada ayat itu, jangan rujuk pada ayat kuasa Menteri sahaja.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz juga telah membangkitkan kuasa Perbadanan yang dikatakan boleh memindah atau melupuskan mana-mana asetnya. Perkara ini pun saya sudah bincang panjang lebar di Dewan Rakyat dengan rakan-rakan Yang Berhormat. Jadi, dalam hal ini, kuasa Perbadanan adalah merujuk kepada mana-mana harta aset milik Perbadanan itu sendiri dan tiada kaitan dengan aset harta hak milik orang Kampong Bharu. Sebagai Perbadanan, mungkin ia ada pejabat, mungkin ia ada kerusi meja, mungkin ia ada *typewriter* atau sekarang bukan *typewriter*, mungkin komputer.

Jadi, tidaklah kalau dalam Perbadanan itu, itu pun tidak boleh dilupakan asetnya, saya rasa Perbadanan ini langsung tidak boleh jalan. Jadi, fasal itu merujuk kepada aset itu dan fasal ini sama juga dengan perbadanan-perbadanan yang lain. Jadi, tidak ada kaitan dengan aset orang Melayu ataupun orang-orang Kampong Bharu.

Jadi, itulah sudah berkali-kali saya sudah jelaskan perkara ini tetapi berkali-kali juga tidak difahami dan akan berkali-kalilah mengelirukan orang Kampong Bharu dan mungkin berkali-kalilah nanti Kampong Bharu tidak dapat dibangunkan. Jadi, inilah tuan-tuan dan puan-puan, saya berharap jelaslah, jelas dengan jelas kepada orang yang keliru, yang dikelirukan oleh tuan-tuan dan puan-puan daripada pihak pakatan sendiri.

Jadi, Yang Berhormat Senator Mumtaz juga telah sebut isu kuorum yang ditetapkan keanggotaan wajib dari segi bilangan. Jadi, merujuk kepada Jadual Pertama rang undang-undang ini, perenggan 2, Jadual Pertama berkenaan dengan kuorum menyebut, "Pengerusi dan sekurang-kurangnya separuh daripada anggota Perbadanan lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Perbadanan".

I think Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin pun telah bangkitkan bahawa seolah-olah orang luar lebih berkuasa daripada orang Kampong Bharu. Kalau kita lihat, sekurang-kurangnya enam orang memang dari Kampong Bharu, lima orang dan seorang daripada Timbalan Pengerusi, sudah enam orang. Lantikan lain yang banyak atas dasar jawatan mereka iaitu satu daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, satu Datuk Bandar, satu KSU atau wakil beliau dan satu lagi Pengerusi dan tidak silap saya, dua atau tiga daripada lantikan profesional yang diluluskan oleh Menteri.

Jadi, pandangan-pandangan kepada saya seperti Yang Berhormat Senator Dato' Rahim pun sudah sebut, banyak profesional-profesional daripada Kampong Bharu. Jadi, kita akan ambil kira semua perkara-perkara ini dan tidak semestinya hanya enam orang sahaja. Jadi, saya tidak boleh beri jaminan kerana apa pun perlu kelulusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi memanglah kita akan mengambil kira kepentingan orang Kampong Bharu tetapi perlu ada *balance* juga.

Kalau dalam mana-mana *board of directors*, dengan izin, pun ada *independent directors* supaya tidak ada *conflict of interest*. Ini kerana bila ada perkara yang mungkin ada orang Kampong Bharu ada kepentingan ataupun orang yang duduk dalam lembaga ini juga ada kepentingan peribadi, kalau semua ada kepentingan peribadi, akhirnya mungkin tidak boleh adakan mesyuarat sebab semua ada *conflict of interest*. Ini kerana peruntukan akan datang juga daripada kerajaan, bukan hanya duit sendiri. Jadi, kita perlu ada perimbangan. Seperti juga syarikat-syarikat korporat di mana ada *independent directors* dan ini akan memberi satu *check and balance* kepada apa yang berlaku di Perbadanan Kampong Bharu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Mumtaz dan Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan juga Lembaga Penasihat itu sendiri. Lembaga Penasihat adalah urutan daripada pengiktirafan kerajaan kepada peranan MAS. Jadi, ada juga yang bertanya apa peranan MAS, mana – jadi peranan MAS. Ada yang kata kita tidak berbincang dengan MAS. Berkali-kali kita berjumpa dengan MAS dan kalau *you* lihat pada akhbar, termasuklah saya baca dalam akhbar *Harakah* yang menghentam MAS, kata MAS sekarang seolah-olah memihak kepada kerajaan Barisan Nasional. Ini bermakna MAS bersama dengan kerajaan oleh sebab kita berbincang dan kita akan serapkan MAS itu dalam Lembaga Penasihat.

Jadi, oleh sebab permintaan daripada MASlah kita tidak memansuhkan MAS itu sendiri. Jadi, soal perkara-perkara ini sudah berkali-kali dan berbuih mulut saya jelaskan. Akan tetapi yang sayangnya, ini akan sekali lagi mengelirukan pemilik dan pewaris yang mungkin akan menyebabkan mungkin ada mereka-mereka yang masih akan tidak bersetuju apa pun kerajaan akan buat. Jadi, inilah saya berharap perkara-perkara ini dapat diperjelaskan kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang masih lagi – saya pun tidak tahu mereka dari Kampong Bharu atau tidak. Kalau mengikut Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, banyak yang bukan dari Kampong Bharu pun tetapi mereka seolah-olah hendak menjadi hero ke sana dan membuat macam-macam.

Jadi, NGO-NGO yang lain seperti telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, seorangnya adalah PKPBM yang diketuai oleh Dr. Yusuf. Saya panggil biasanya Dr. Yusuf Cornell kerana beliau lulusan daripada *Cornell University*. Jadi, beliau memang pakar dan beliau pemilik di sana. Beliau ada satu lagi NGO, selepas itu PAKAM satu lagi NGO. Jadi, MAS walaupun kita tidak takrif sebagai NGO tetapi setiap kali perbincangan memang kita beri prioriti kepada MAS. Saya sendiri pun sudah berjumpa dengan semua ketua kampung, bukan sekali, berkali-kali juga dan juga saya pun sendiri sudah turun beberapa kampung di sana untuk memberi penerangan melalui ketua kampung kepada pemilik dan pewaris di sana.

■1650

Jadi itulah berkenaan dengan MAS dan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi begitu juga telah membangkitkan – saya rasa itu pun saya sudah jawab tadi banyak daripada Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz ini.

Jadi penilaian tanah berdasarkan status pertanian sepatutnya status tanah ditukarkan kepada perdagangan supaya pemilik tanah mendapat nilai tanah yang tinggi. Hampir semua tanah MAS telah pun diberi milik dengan syarat nyatanya untuk bangunan bukan pertanian. Oleh itu tanah Kampong Bharu tidak lagi berstatus pertanian dan boleh dibangunkan serta dibuat penilaian bukan atas status pertanian. Undang-undang yang mengawal selia tanah Kampong Bharu adalah di bawah Kanun Tanah Negara sekarang ini. Memandangkan tanah di Kampong Bharu adalah tanah belum dibangunkan, nilai tanah tidak boleh dibandingkan dengan nilai tanah dibangunkan seperti di KLCC. Walau bagaimanapun, nilai tanah boleh mengambil kira potensi pembangunan masa depan berdasarkan *zoning* guna tanah iaitu dengan izin, *City Centre Commercial* (CCC) pada nisbah plot 1:10 dicadangkan dalam Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020.

Jadi makna nilai itu akan meningkat jika kita dapat persetujuan ramai untuk bersama-sama dalam pembangunan. Jadi bermakna kalau Yang Berhormat beritahu kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang memperjuangkan supaya perbadanan ini dimansuhkan boleh bekerjasama saya rasa nilai tanah itu akan meningkat lagi. Jadi inilah peranan Yang Berhormat untuk bekerjasama. Saya selalu beritahu kepada rakan-rakan Yang Berhormat bahawa agensi perbadanan ini adalah permintaan yang kita dapat daripada orang ramai, daripada Kampong Bharu khususnya pemilik dan pewaris setelah beberapa usaha daripada pihak swasta pada masa-masa yang lepas di bawah kepimpinan-kepimpinan yang lepas tidak berjaya.

Memang pemimpin yang lepas memang berniat baik tetapi oleh kerana usaha-usaha daripada pihak swasta itu tidak berjaya, itulah saranan daripada pemilik dan pewaris supaya kerajaan terlibat secara *direct*. Daripada pandangan-pandangan yang kita dapat yang paling sesuai adalah mengadakan perbadanan, satu agensi yang di bawah kerajaan yang juga akan bertanggungjawab kepada Parlimen termasuk Dewan Negara. Jadi bermakna dengan adanya agensi ini, saya rasa kepentingan pemilik dan pewaris dapat dipertahankan. Jadi saya pun selalu beritahu kepada rakan-rakan Yang Berhormat apa yang susah pasal ini adalah agensi di bawah kerajaan. Jadi kalau takdirnya rakan-rakan Yang Berhormat sebelah sana hendak ambil alih Putrajaya, pada itu tuan-tuan dan puan-puan bolehlah menjalankan Perbadanan Kampong Bharu.

Jadi yang penting bolehkah tuan-tuan dan puan-puan mengambil alih Putrajaya. Jadi itulah – jadi saya harap akhirnya ini kita buat secara yang bertanggungjawab. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman – Yang Berhormat hendak bercakapkah? Dari tadi hendak bercakap. Tidak mahu sudah. Okey. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Sebelum itu Ahli Yang Berhormat saya rasa terkilannya ya di mana Yang Berhormat Menteri sebut berkali-kali, berkali-kali, berkali-kali sudah berbuih mulut. Lain kali kalau boleh, Yang Berhormat Menteri jangan sebut berkali-kali, berkali-kali buang masa. Berjuta kali sekali sahaja sebut. Kita kasihankan - kata orang masa itu emas. Jadi lain kali jangan sebut berkali-kali, berkali-kali. Agak sepuluh minit Yang Berhormat Menteri cakap berkali-kali. Lebih baik cakap berjuta kali. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberikan ruang untuk saya membuat sedikit celahan. Pertama berkaitan dengan peruntukan RM9.26 juta yang telah pun dibelanjakan yang dikatakan merupakan satu perbelanjaan daripada RMKe-10. Persoalan di sini saya difahamkan nama jawatankuasa interim maksud interim itu sementara. Jadi adakah interim itu tiada kaitan dengan pembangunan Kampung Bharu yang tadi kita bincangkan ataupun memang kalau semua yang di bawah RMKe-10 ini memang namanya jawatankuasa interim itu saya hendak tahu. Ini kerana kita difahamkan jawatankuasa ini ditubuhkan pada 17 Oktober 2011. Jadi itu saya mahu kaitan antara yang itu dan ini itu pertama.

Kedua, berkaitan dengan definisi. Apabila kita sebut bahawa di bawah seksyen 14(4) mengatakan bahawa apabila sebut orang Melayu di bawah definisi orang Melayu untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, definisi orang Melayu bukan hanya beragama Islam tetapi juga mengamalkan adat budaya Melayu. Kalau tidak perlu sebut agama Islam, tidak payah sebut kebudayaan dalam di bawah seksyen (E). Kalau kita hendak pakai definisi ikut kategori Melayu yang dalam perlembagaan maknanya di bawah 14(1)(c)(ii)(E) kita buang semua. Sebab itu disebut kebudayaan. Kalau kebudayaan boleh sebut sebagai satu kepentingan kenapa keagamaan tidak boleh sebut sebagai satu kepentingan kepada orang Melayu kerana ini definisi.

Apabila sebut tadi bagaimanakah kekeliruan berlaku bahawa harta yang akan dilupuskan oleh Yang Berhormat Menteri dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri di bawah simpanan di bawah 15(1)(g) kita boleh tengok dari segi susunan rakyat. Kalau dapat di mahkamah, setiap perkataan yang disebut dalam akta penting. Kita tengok di bawah seksyen-seksyen lain (a), (b), (c), (d) mereka sebut perkataan perbadanan. Kenapa di bawah (g) tidak disebut mana-mana aset perbadanan yang lain disebut fungsi perbadanan, membantu perbadanan, diberikan oleh perbadanan. Jadi ini mengelirukan. Jadi kalaulah yang aset hendak dilupuskan itu melibatkan *typewriter*, saya rasa tidak payah sebut dalam ini pun tidak ada masalah.

Memang kalau hendak dilupuskan tidakkan hendak *call* Yang Berhormat Menteri. Jadi sekarang apabila sebut aset, saya hendak tahu bila perbadanan boleh beli aset? Aset yang macam mana? Jadi oleh kerana tidak disebut secara jelas ini mengelirukan kita bukan sahaja hendak mengambil masa dan masa ini bukan hanya untuk masa Parlimen. Akan tetapi, ini masa yang kita hendak jawab dengan Allah Taala. Jadi kekeliruan ini mesti diperjelaskan walaupun perkataan itu mungkin Yang Berhormat Menteri sudah faham berjuta kali. Akan tetapi, bagi kita yang melihat dari segi proses perundangan kalau dibawa ke mahkamah ini akan dipertikaikan.

Ini pulang kepada mana? Jadi ini penting untuk dijelaskan saya rasa dalam konteks ini soal tentang MAS tadi. Apabila sebut tentang MAS bahawa NGO yang dimaksudkan adalah MAS. Dalam akta yang melibatkan *Bar Council*. Disebut dengan jelas *Bar Council*. Akta yang berkaitan dengan DBP sebut terus DBP. Akta ini berkaitan dengan Kampung Bharu kenapa NGO tadi tidak terus dinamakan antaranya termasuklah MAS. Jadi kalau perkara ini disebut senang, kalau tidak disebut ertinya kalau letak MAS pun tidak mengapa, letak SUM pun tidak mengapa. Jadi dalam konteks ini kita hendak yang terjelas supaya apabila sekali setuju, kita tidak mahu ini jadi satu yang tergendai sudah terlambat.

Jadi itu saya pohon kerjasama Yang Berhormat Menteri untuk memberikan jawapan supaya jangan kita hanya mengambil lompong-lompong untuk kita jawab. Dalam konteks ini satu lagi di bawah seksyen 17 di bawah kuasa Menteri. Dia ada sebut Yang Berhormat Menteri boleh memberi arahan yang tidak bercanggah dengan peruntukan. Adakah Menteri yang memberi arahan yang bercanggah dengan peruntukan? Dalam konteks ini, ini yang disebut kuasa – sekarang yang saya bandingkan tadi ialah antara kuasa Menteri dengan kuasa pemilik. Dalam konteks untuk pembangunan perbadanan pembangunan Kampung Bharu siapa yang lebih berkuasa? Menterikah, pemilik bukan soal Menteri hendak langgar.

Dalam konteks ini siapa yang lebih ada *power* sebab ini tanah orang. Jadi apabila kita jadi moderator, kita jadi fasilitator sepatutnya kuasa lebih kepada tuan. Itu yang saya hendak tanya, itu yang saya maksudkan, bukan saya hendak kata Menteri itu akan buat perkara yang bercanggah. Akan tetapi, di dalam konteks ini dari segi kuasa apabila rakyat di Kampung Bharu minta kuasa ini dikaji balik, disemak semula itu penting. Maknanya Menteri hendak buat apa pun dia mesti mengambil kira suara majoriti yang dikeluarkan oleh penduduk Kampung Bharu. Ini tidak ada dalam undang-undang yang kita bentangkan sekarang. Saya pohon penjelasan. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Soal *interim team* tadi Yang Berhormat, *interim team* ini tidak ada secara – dia hanya dibuat secara pentadbiran iaitu warga kementerian sendiri yang membantu permulaan – bukan permulaan pun. Dari segi adakah dia adalah satu badan yang khusus? Tidak. Hanya pegawai-pegawai yang tertentu yang membantu kerja-kerja dari segi baik soal tanah, soal-soal pembangunan infrastruktur tadi. Jadi perbelanjaan yang disebut tadi jumlahnya lebih kurang yang saya sebut RM9.6 juta tetapi keseluruhannya bajetnya ialah RM15 juta adalah untuk membangunkan infrastruktur seperti di kawasan kampung-kampung yang lain juga. Di mana hanya *priority* diberikan kepada Kampong Bharu mungkin Kampong Bharu dapat lebih daripada kawasan-kawasan lain. Jadi secara kebetulan ia sealiran dengan apa yang kita hendak bentang di Dewan Negara inilah.

■1700

Jadi maksud saya, ia tidak ada kaitan, hanya kita gunakan. Saya cadangkan pada itu bahawa interim itu menunjukkan komitmen kita. Akan tetapi ini adalah seperti biasa. Dahulu pun kita ada *team* yang buat pengkhususan kepada Kampong Bharu, *team* yang samalah. Akan tetapi akhirnya bila diluluskan oleh kerajaan dan diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong barulah *team* yang khusus, dengan bajet yang khusus dibuat untuk Perbadanan Kampong Bharu.

Jadi, ini termasuklah peruntukan tadi yang telah disebut tidak merendahkan dari segi undang-undang bahawa Perbadanan Kampong Bharu ini belum diluluskan lagi. Berkenaan dengan perkara-perkara lain ini yang telah dibangkitkan, saya rasa saya tidak mahulah bahas lagi. Saya sudah jelas dengan sejelas-jelasnya. Saya hendak teruskan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman yang telah membangkitkan isu terdapat penangguhan kepentingan apabila Majlis memastikan untuk mengelakkan *conflict of interest* dengan izin, apabila Majlis Penasihat menasihati Perbadanan.

Jadi, penubuhan Majlis Penasihat bukanlah dibuat oleh Perbadanan. Majlis di tubuh oleh akta ini. Jadi keanggotaan dilantik oleh Menteri bukan oleh Perbadanan. Oleh itu tiada isu terdapatnya kepentingan ataupun *conflict of interest* dengan izin. Apabila Majlis Penasihat menasihati perbadanan menurut peruntukan dalam fasal 19, rang undang-undang ini.

Cadangan di bina bazar seperti di Istanbul oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim, itu adalah cadangan yang baik dan akan diambil kira dalam pelan perancangan yang bakal di bincang bersama dengan pemilik-pemilik dan pewaris-pewaris Kampong Bharu. Saya rasa tadi ada juga cadangan untuk buat pelan secara khusus untuk Kampong Bharu. Memang proses itu sedang berjalan. Memang peringkat awal pun DBKL telah mengadakan satu pelan, tetapi sekarang sedang di *review* ataupun dirombak balik. Perkara ini bila selesai nanti kita akan bentang kepada pemilik-pemilik dan juga wakil-wakil pemilik serta pewaris Kampong Bharu.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, telah membangkitkan boleh atau tidak Kerajaan Persekutuan membangunkan Kampong Bharu tanpa persetujuan Kerajaan Negeri Selangor? Jadi saya hendak tekankan di sini pembangunan tanah di Kampong Bharu adalah bergantung kepada persetujuan pemilik tanah dan pewaris tanah, kerana tanah itu telah diberi milik kepada individu-individu. Jadi tidak ada isu persetujuan mana-mana pihak lain termasuk kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga telah membangkitkan berkenaan dengan adakah jaminan kerajaan agar tanah yang dimajukan tidak dipindah milik pada orang lain khususnya orang bukan Melayu? Jaminan mengenai perkara ini terdapat di dalam sekatan kepentingan surat hak milik tanah tersebut. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah membangkitkan berkenaan dengan pembangunan di Kampong Bharu boleh di laksana melalui cara untuk jadi pusat pelancongan yang membenarkan orang Kampong Bharu memiliki tanah bebas dan membangunkan sendirilah yang akan memberi keuntungan.

Memang kita tidak menghalang mana-mana pihak daripada pemilik dan pewaris untuk membangunkan tanah mereka sendiri. Umpamanya pada masa ini kita ada dua pemilik yang membangunkan tanah mereka sendiri, tetapi dengan lot ataupun saiz yang *economical*. Bermakna saya diberitahu, akan tetapi ini tertakluk kepada pihak yang profesionallah seperti Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim. Sekurang-kurangnya pun mesti ada 30,000 kaki persegi ataupun dalam lingkungan itu sebelum lot-lot itu boleh dimajukan.

Jadi itulah sebab mana individu yang boleh berpakat antara satu sama lain dan boleh majukan memang pihak kerajaan melalui pembangunan perbadanan akan datang. Pada masa ini mereka terus kepada kerajaan. Kita memang beri galakan pada mereka-mereka yang hendak majukan tanah mereka sendiri. Perbadanan hanya akan terlibat dalam membangunkan secara *direct* melalui GLC-GLC ini sebagai pemudah cara dan penyelaras apabila tanah-tanah kecil ini ataupun tanah-tanah yang mereka tidak dapat berkongsi bersama. Itulah peranan perbadanan untuk merapatkan jurang antara perbezaan-perbezaan ini.

Pada masa ini ada satu kampung iaitu Kampong Pindah yang terlibat 80 tuan punya pemilik tanah. Sebanyak 80 lot akan tetapi tuan punya mungkin lebih daripada itulah yang bersedia. Kampung itu sudah bersedia dan berpakat antara mereka, jadi kementerian bersama dengan DBKL sedang mengkaji bagaimana kita bersama-sama hendak memperkenalkan dengan GLC yang berkaitan bagaimana kita boleh membantu membangunkan kampung itu. Jadi ini bermakna soal kerajaan hendak buat paksaan tidak timbul. Oleh sebab proses ini akan ambil masa panjang. Jadi sambil itu, itulah peruntukan-peruntukan diberi untuk infrastruktur-infrastruktur yang diperbaiki ini seperti yang peruntukan RM15 juta itu. Inilah kita buat supaya sambil proses berunding ini berlaku, infrastruktur yang mana kita boleh perbaiki kita akan perbaiki.

Dari segi infrastruktur institusi seperti perbadanan pun kita akan siapkan dengan secepat mungkin. Jadi inilah proses yang kita jalankan supaya pihak pemilik dan pewaris tidak akan tertekan pada bila-bila masa untuk terus bersetuju ataupun tidak. Apa yang penting ada perbincangan dan perbadanan akan menjadi pemudah cara. Untuk makluman memang pihak kerajaan telah putuskan empat GLC. Saya ingin betulkan iaitu Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Tabung Haji, Permodalan Hartanah Berhad dan Permodalan Putrajaya Berhad.

Jadi yang ini empat pada masa ini GLC yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri untuk bersama-sama jadi pemaju. Jadi bukan perbadanan jadi pemaju, mereka akan jadi pemaju. Kami akan jadi orang tengah ataupun pemudah cara. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, telah membangkitkan berkenaan dengan referendum. Jadi kerajaan - tadi juga ada yang lain pun yang bangkitkan tadi. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membolehkan pemilik tanah memberi persetujuan ataupun menolakan pembangunan.

Pejabat urus setia telah ditubuhkan. Satu di pejabat MAS, kita bekerjasama dengan MAS dan satu pejabat urus setia. Jadi ini yang dikatakan interim termasuklah pejabat urus setia. Akan tetapi urus setia ini adalah urus setia daripada pejabat kementerian dan pejabat tanah untuk membantu MAS memudahkan pemilik merujuk ataupun menyalurkan pandangan dan cadangan. Jadi kita ada kongsi pejabat dengan MAS.

Kedua, mengadakan beberapa siri penerangan kepada pemilik dan pewaris tanah. Itu saya sudah sebutkan tadi. Referendum yang kita ada telah menunjukkan 88.5 peratus yang telah bersetuju.

Jadi, Hari Khidmat Setempat juga telah – urusan tanah telah diadakan bagi memberi kemudahan dan penerangan kepada pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu. Kepada Yang Berhormat Senator Dr. Husin Syed Ali, cadangan pembangunan Kampong Bharu boleh dibuat dalam pelbagai - supaya ciri-ciri seperti Little India ataupun Petaling Street dan pemilik bebas membangunkan sendiri dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat lain.

Jadi ada perbezaan. Di Petaling Street, kerajaan hanya membantu membina infrastruktur sahaja. Kita mencantikkan dan mempertingkatkan infrastruktur di Petaling Street. Sama juga di Brickfields ataupun dikatakan Little India, jadi ia berbeza di Kampong Bharu. Kita akan bangunkan, kerajaan akan bangunkan secara menyeluruh seluruh kawasan itu supaya apa yang ada sekarang, keadaan yang tidak begitu *economic* dan juga tidak begitu – berbanding dengan kawasan-kawasan yang berdekatan dapat dibangunkan.

■1710

Jadi ia adalah lebih komprehensif. Jadi tidak boleh hendak kata dibandingkan dengan Little India dengan Petaling Street, dan komitmen kerajaan untuk membangunkan Kampong Bharu lebih besar daripada komitmen yang telah kita buat di kawasan-kawasan yang lain ini. Umpamanya selain daripada RM15 juta yang telah dikatakan tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi komitmen RM20 juta untuk bangunkan semula Masjid Kampong Bharu. Jadi itulah komitmen, RM20 juta daripada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, dan saya yakin apabila perbadanan diluluskan, dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya yakin banyak lagi peruntukan akan diberi oleh kerajaan untuk membangunkan infrastruktur-infrastruktur di kawasan Kampong Bharu. Jadi ada perbezaan sedikit.

Walau bagaimanapun, mana-mana syarikat yang saya sudah sebut tadi, yang mahu bangunkan sendiri, ataupun individu yang ingin bangunkan sendiri, kita memang menggalakkan dan sudah ada pun yang berpakat seperti Kampung Bina dan ada juga individu-individu yang dia kata dia sudah mula berpakat. Hanya oleh kerana perbadanan belum ditubuhkan, kita masih dalam proses menerima sahaja cadangan tersebut. Belum boleh buat keputusan apa-apa lagi.

Saya ingin berterima kasih kepada pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus dan juga daripada Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus kerana pandangan-pandangan akan memberi semangat yang lebih khususnya kepada warga kementerian dan *insya-Allah* jika diluluskan, warga perbadanan akan bertungkus-lumus untuk memajukan kawasan Kampong Bharu dan kawasan Kampong Bharu ini adalah satu kawasan yang seperti..., saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, satu kawasan yang emosinya begitu kuat, bukan hanya kepada pemilik dan pewaris Kampong Bharu tetapi secara keseluruhannya orang-orang Melayu, baik yang tinggal di Kuala Lumpur ataupun mungkin yang tidak tinggal di Kuala Lumpur.

Jadi oleh kerana sensitiviti inilah, kerajaan telah mengambil pendekatan seperti ini, dan kita akan menjalankan dengan begitu teliti tetapi yang paling penting, akhirnya adalah persetujuan daripada pemilik dan pewaris Kampong Bharu itu sendiri. Itulah sebab saya memang selalu merayu, termasuklah rakan-rakan Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen sendiri, supaya kita mendapat kerjasama dalam perkara ini. Mereka mengatakan ini ada soal politik, seolah-olah ada kepentingan politik kita hendak membangunkan Kampong Bharu, ataupun kepentingan peribadi seperti itu, tetapi saya hendak menegaskan di sini bahawa saya pun tidak tahu adakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional akan memberi modal politik atau tidak kepada Barisan Nasional.

Cara fitnah dan tohmahan yang dibuat di kawasan Kampong Bharu, termasuklah nama saya pun ditohmah oleh rakan-rakan belah sana, seolah-olah..., modal politik memang tidak akan datang kepada Barisan Nasional tetapi dengan nawaitu daripada kementerian, nawaitu daripada saya, nawaitu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membantu, hendak membangunkan ekonomi orang Melayu khususnya orang Melayu di Kampong Bharu, *insya-Allah* kita akan terus membangunkan Kampong Bharu dengan cara apa pun *insya-Allah*.

Jadi model Perbadanan Kampong Bharu inilah yang paling sesuai dan ini adalah juga yang telah dicadangkan oleh banyak pihak, dan juga telah dipersetujui oleh banyak *stakeholders* dengan izin, daripada Kampong Bharu.

Jadi sekali lagi saya ingin berterima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, dan menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

5.13 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Tuan Pengerusi, saya ada sedikit. Untuk di bawah seksyen 5 dan di bawah seksyen 20 saya perlukan sedikit sahaja pengesahan daripada Menteri berkenaan dengan wakil daripada orang Kampong Baharu, sama ada tuan punya tanah ataupun pewaris tanah di bawah seksyen 5, dan di bawah seksyen 20, adakah mereka ini mesti orang yang berbeza. Kita bimbang walaupun mungkin dari segi pelaksanaan, mungkin orang yang berbeza tapi dari segi pengesahan. Sekarang saya mahu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah jaminan bahawa mereka adalah orang yang berbeza di antara yang menjadi anggota untuk perbadanan dan yang menjadi anggota untuk Majlis Penasihat daripada tuan punya ataupun pemilik tanah. Itu sahaja di bawah seksyen 5, dan 20.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tuan Pengerusi, boleh saya minta lagi sekali perenggan mana tadi?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Tuan Pengerusi, di bawah seksyen 5.1(g) dan di bawah seksyen 20.1(b). Jaminan daripada pihak kerajaan bahawa mereka merupakan orang yang berbeza, sebab kedua-duanya merupakan wakil daripada masyarakat yang merupakan pemilik ataupun tuan punya tanah di Kampong Bharu. Saya mohon jaminan daripada pihak kerajaan, mereka adalah orang yang berbeza. Itu sahaja.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Dia daripada orang yang berbeza.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada Peraturan Mesyuarat 45(4), saya mohon diadakan Undi Belah Bahagian. Terima kasih.

Timbalan Pengerusi: Saya hendak tahu kalau ada sesiapa yang sokong?... Kalau ada lebih lapan orang.

[Lebih dari lapan orang Ahli berdiri]

Nampaknya ada lapan orang ya. Kita boleh Undi Belah Bahagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan sebentar Dewan lebih kurang 10 minit. Kita tangguhkan 10 minit ya.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 5.21 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 5.43 petang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat kerana ada pembahagian sekarang saya minta Setiausaha jalankan tindakan yang sewajarnya. Silakan.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1750

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana kita baru sebentar tadi menjalankan pengiraan undi. Sukacita saya umumkan keputusan pengundian telah dibuat.

Ahli-ahli yang bersetuju 38 orang... *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 8 orang... *[Tepuk]*

Itulah keputusannya. Sekarang rang undang-undang seterusnya akan diteruskan. Ini proses demokrasi Yang Berhormat tetapi semua Ahli perlu berhati-hati. Dalam proses itu pun jangan alpa tanggungjawab yang sepatutnya kita lakukan.

Majlis bersidang dalam jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal 1 hingga 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANTI PERUBATAN 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.59 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu "bahawa rang undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk mengawal selia peranti perubatan, industri dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang."

Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk mewujudkan undang-undang bagi mengawal peranti perubatan mula dicadangkan pada tahun 1996. Perkara ini dibangkitkan semula dalam Majlis Dialog Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2002 berikutan kebimbangan berkaitan lambakan peranti perubatan sub standard dan tidak selamat kerana ketiadaan undang-undang bagi mengawal kemasukan peranti perubatan ke pasaran Malaysia.

■1800

Bagi menangani kebimbangan ini, Kementerian Kesihatan telah menggubal Rang undang-undang Peranti Perubatan 2011. Penggubalan rang undang-undang ini telah dibuat dengan kerjasama agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, badan-badan profesional serta badan-badan lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan penggubalan Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 adalah yang pertama melindungi kesihatan dan keselamatan awam dengan mencegah kemasukan peranti perubatan substandard yang tidak selamat.

Kedua, menggalakkan perkembangan industri dan perdagangan peranti perubatan yang merupakan salah satu industri strategik bagi pertumbuhan ekonomi negara. Melalui undang-undang ini, Kementerian Kesihatan bertanggungjawab membuat penilaian keselamatan dan prestasi peranti perubatan berdasarkan standard antarabangsa dan memastikan hanya peranti perubatan yang memenuhi keperluan perundangan sahaja yang dibenarkan dipasarkan di negara ini. Ini akan dapat memastikan rakyat Malaysia mendapat akses kepada peranti perubatan yang selamat dan prestasinya terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 juga dapat memberi impak yang besar bagi meletakkan Malaysia setaraf dengan negara maju dari segi ekonomi. Rang undang-undang ini merupakan *enabler* dengan izin untuk menjana industri peranti perubatan yang akan menyediakan *fair and would be practiced*, dengan izin dalam industri ini. Ia juga akan menyediakan platform yang terbaik bagi industri peranti perubatan tempatan mencapai tahap standard antarabangsa dan dengan itu membolehkannya bersaing secara kompetitif di pasaran global. Di samping itu ia dapat menarik lebih banyak pelaburan dari dalam dan luar negara kerana rang undang-undang ini mampu menyediakan persekitaran yang selamat bagi para pelabur yang berhasrat untuk melabur dalam industri peranti perubatan di negara ini. Seterusnya ia akan menjana dan meningkatkan ekonomi negara serta memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 akan menyediakan satu prasarana bagi mengawal peranti perubatan dan industri yang berkaitan bagi melindungi kepentingan awam serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Rang Undang-undang Peranti Perubatan dibahagikan enam bahagian dan mengandungi 80 fasal yang menyentuh mengenai aspek-aspek kawalan peranti perubatan.

Bahagian I merupakan permulaan rang undang-undang yang merangkumi tajuk khas dan permulaan kuat kuasa serta tafsiran. Bahagian II pula mengandungi dua bab iaitu bab yang pertama menggariskan perkara-perkara mengenai pendaftaran peranti perubatan yang bermula daripada fasal 3 hingga fasal 9. Manakala Bab 2 pula menggariskan perkara-perkara mengenai badan penilaian pematuhan yang bermula dari fasal 10 sehingga fasal 14.

Bahagian III pula mengandungi lima bab iaitu bab pertama memberi peruntukan mengenai *lesson establishment* bermula daripada fasal 15 hingga 25. Bab 2 pula memberi peruntukan mengenai permit bagi peranti perubatan yang ditetapkan bermula daripada fasal 26 hingga fasal 36. Seterusnya bab 3 memberi peruntukan mengenai tugas dan obligasi pemegang lesen dan permit bermula daripada fasal 37 hingga fasal 42. Manakala bab 4 bermula daripada fasal 43 hingga fasal 44 yang menggariskan peruntukan mengenai tugas am dan akhir sekali bab 5 yang memberi peruntukan mengenai permit eksport yang bermula dari fasal 45 hingga fasal 46.

Seterusnya Bahagian IV mempunyai satu fasal iaitu fasal 47 memberi peruntukan mengenai rayuan dan Bahagian V yang bermula daripada fasal 48 hingga fasal 66 yang menggariskan penguatkuasaan. Akhir sekali Bahagian VI yang menggariskan perkara-perkara am bermula daripada fasal 67 hingga fasal 80.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengawal selia Peranti Perubatan Industri dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya persilakan yang telah memberi nama di sini Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi, selepas itu Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Sila Yang Berhormat.

6.05 ptg.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang berkenaan dengan Peranti Perubatan 2011.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian kita kepada Bahagian II, fasal 4 rang undang-undang ini iaitu berkenaan dengan obligasi pembuat. Setelah meneliti fasal ini Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pembuat hendaklah bertanggungjawab dan saya sentuh fasal ini semata-mata bertujuan untuk mengenakan kewajipan kementerian atas pembuat bagi memastikan peranti perubatan mereka mematuhi prinsip-prinsip keselamatan dan prestasi yang perlu dan dibuat mengikut amalan pembuatan yang baik kemudian dilabel dibungkus dan ditandakan mengikut cara yang ditetapkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh fasal 5 iaitu berkenaan dengan kehendak bagi pendaftaran bagi peranti perubatan ataupun *requirement for registration of medical advice*, dengan izin. Setelah meneliti fasal ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkitkan perkara ini kerana bertujuan untuk menghendaki supaya hanya satu peranti perubatan yang didaftarkan atau diimport dieksport atau diletakkan dalam pasaran.

Saya juga ingin mengemukakan soalan, oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan isu ini dan seterusnya saya ingin tahu apakah status peranti perubatan yang setakat ini memasuki pasaran negara kita. Saya juga ingin menyentuh sendiri berkenaan dengan pendaftaran dan keengganan untuk mendaftar peranti perubatan yang terdapat di fasal 7. Saya juga bangkitkan isu ini bertujuan untuk memberi pihak berkuasa untuk mendaftarkan atau enggan mendaftarkan sesuatu peranti perubatan. Jadi di sini juga saya ingin mengemukakan soalan setakat manakah kuasa yang diberikan oleh kerajaan dan peranan berkesan yang dijalankan oleh pihak berkuasa ini?

Seterusnya juga saya juga ingin menyentuh fasal 66 yang berbunyi pihak berkuasa boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi juru analisis bagi maksud menjalankan suatu analisis di bawah akta ini. Jadi saya juga ingin mengemukakan soalan, pertanyaan saya berbunyi begini. Bagaimanakah kelayakan yang ditetapkan oleh kementerian terhadap *background* ataupun latar belakang serta pengalaman juru analisis ini? Saya bertanya sebab saya difahamkan tiadanya had untuk pengambilan juru analisis dari luar negara ataupun dari negara lain. Jika ini berlaku, besar kemungkinan berlakunya penipuan ataupun tidak betul-betul berkelayakan, akibatnya bakal memudaratkan pesakit serta industri ini secara keseluruhan.

Seterusnya juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fasal 76, berkenaan dengan *force declaration*, ataupun pengisytiharan palsu. Fasal 76(1) menyatakan "*mana-mana orang yang membuat secara lisan ataupun bertulis menandatangani ataupun memberikan apa-apa pengisytiharan pengakuan ataupun dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki di bawah akta ini yang tidak benar, yang tidak tetap atau mengelirukan mengenai apa-apa butiran melakukan kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tempoh dua tahun atau kedua-duanya.*"

■ 1810

Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini penipuan dari pengisytiharan palsu atau *false declaration* dengan izin semakin berleluasa dan ini bakal menyebabkan industri ini hilang kredibilitinya. Oleh itu saya mohon agar hukuman maksimum dan juga denda termasuk penjara jika terdapat adanya penipuan yang melibatkan maklumat, dokumen palsu dan sebagainya.

Penguatkuasa juga perlu peka dan mengambil inisiatif untuk membuat pemeriksaan atau *due diligence strength*, dengan izin sebelum menerima maklumat dan dokumen yang diserahkan. Saya juga ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mohon dari pihak kementerian iaitu maklumat rekod kesalahan yang dilaporkan dan apakah maklumat utama yang selalu diselewengkan dan juga bagaimana kaedah penyelesaian dan pemantauan dijalankan selama ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon agar pihak kementerian memberi penjelasan. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada lima orang yang menyatakan mahu terlibat untuk membahaskan rang undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Hajah Mumtaz, Yang Berhormat Dato' Zaitun, Yang Berhormat Dr. Malasingam dan Yang Berhormat Norliza. Selepas itu saya tidak ada lagi kerana masa ini agaknya kita ada 38 rang undang-undang hendak dibahas.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

6.12 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011. Terdapat beberapa isu yang saya ingin kemukakan kepada pihak kementerian. Pertama, berkenaan dengan bila sebut peranti perubatan ini, adakah peranti perubatan ini yang dikategorikan untuk pembedahan atau untuk rawatan kerana pengalaman kita dalam masyarakat, terdapat beberapa kes yang dikemukakan di bawah *medical negligence* ataupun kecuai perubatan di mana terdapat peranti perubatan yang tertinggal di dalam tubuh pesakit yang kadang-kadang bila kita bawa kes ini ke mahkamah, sukar untuk kita mendapatkan laporan perubatan daripada hospital kerana mereka enggan untuk mengeluarkan nota keterangan rawatan kepada pesakit.

Jadi dalam konteks bila kita laksanakan ataupun luluskan Rang Undang-undang Peranti Perubatan, saya mohon kerjasama daripada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa untuk kes-kes yang melibatkan *medical negligence* ataupun *medical legal case* diberikan perhatian agar laporan perubatan boleh dibekalkan kepada peguam sebagaimana laporan perubatan dibekalkan dalam kes-kes lain. Ini kerana kita lihat bila melibatkan tertinggalnya peranti perubatan, sebagai contoh yang saya pernah *handle* kes yang melibatkan tertinggal gunting, tertinggal kapas, tertinggal benang dan tertinggal sambungan daripada wayar yang digunakan untuk merawat pesakit.

Jadi bila kes ini dapat dibuktikan setelah lima tahun daripada pembedahan, keluar daripada pesakit ataupun kita dapat melalui x-ray, jadi untuk kita teruskan kes susah untuk pihak hospital, mereka enggan untuk mengeluarkan laporan perubatan walaupun diminta berkali-kali. So dalam kes ini saya pohon agar diberikan satu piagam ataupun jaminan daripada kerajaan agar kes-kes *medical legal* seperti ini dapat kita teruskan kerana tidak ada gunanya kita luluskan Rang Undang-undang Peranti Perubatan tanpa kes ini boleh dibawa ke mahkamah untuk kita bela kerana dalam kes ini peruntukan yang diberikan ialah untuk peruntukan jenis jenayah tetapi bukan kes sivil. Itu yang pertama.

Yang kedua, berkenaan dengan peranti perubatan ini, jaminan yang diberikan di sini berkenaan dengan keselamatan dari segi tubuh badan pesakit tetapi tiada jaminan berkenaan dengan halal. Jadi saya minta juga dari segi pelaksanaan kepada peranti perubatan ini, sebagai orang Islam kita berhak untuk juga mendapat satu pengesahan halal. Bukan hanya sekadar benda ini selamat dan saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Sebagai contohnya kalau untuk ubat-ubatan yang dibekalkan kepada pesakit, biasanya dalam kotak atau dalam plastik. Dalam itu ada satu kertas yang menyatakan tentang kandungan. Jadi untuk kes yang melibatkan peranti perubatan, adakah juga pesakit ataupun orang ramai berhak untuk melihat mana-mana alat peranti sebelum dimasukkan sebagai implan ke dalam tubuh pesakit. Jadi adakah mereka akan diberikan senarai kandungan, ketulenan ataupun keaslian serta standard benda-benda yang dihantar ataupun dimasukkan kepada kita.

Sebagai contoh dalam kes ini, kalaulah kita hendak implan. Contohnya besi dalam kes melibatkan patah kaki yang perlu kepada pembedahan dan memasukkan besi. Jadi besi ini mungkin ada banyak opsyen. Ada yang diimport daripada Jerman, ada yang diimport daripada Thailand dan ada yang diimport daripada China. Sebagai pelanggan ataupun sebagai pesakit, kalau kita berada di hospital kerajaan ataupun di hospital swasta, biasanya doktor akan beritahu kalau di hospital swasta. Akan tetapi kalau hospital kerajaan, bagaimanakah hak ini dapat kita pertahankan? Bagaimana pihak kerajaan boleh menjamin satu mekanisme agar pihak pesakit boleh membuat opsyen yang mana kita hendak guna sebagai implan untuk dimasukkan dalam tubuh kita.

Ini kerana kadang-kadang besi ini kadang-kadang ada yang beritahu selepas masuk besi berasa sengal. Ada kes tidak berasa sengal. Jadi bila kita tanya balik kepada doktor kenapa ini sengal dan ini tidak sengal. Dia jawab kerana beza kualiti besi. Jadi perkara ini perlu diberitahu lebih awal kepada pelanggan ataupun kepada pesakit dan saya pohon agar kalau kita luluskan pada hari ini, kandungan, ketulenan, standard yang dipunyai oleh peranti perubatan itu dimasukkan dalam kertas ataupun sebagainya, dalam kotak peranti itu dan ini didedahkan kepada pesakit atau keluarga pesakit sebelum sebarang pembedahan atau sebelum rawatan dibuat menggunakan peralatan tersebut. Tidak ada gunanya kita luluskan tanpa dapat kita jamin standard dan kalau ada *fraud* di situ, barulah kita boleh kemukakan kepada pihak yang berwajib.

Berkenaan dengan peranti perubatan juga, dari segi kos yang tinggi. Hari ini kita lihat tidak ada kawalan ataupun Akta Kawal Harga untuk ubat-ubatan. Jadi untuk peranti perubatan ini, adakah pihak kerajaan akan memperkenalkan had ataupun *fee* yang boleh dikenakan oleh farmasi-farmasi ataupun pekedai-pekedai alat implan atau peranti perubatan ini yang ada standard dan beberapa harga. Ini kerana kadang-kadang kita tengok harga itu berbeza. Mungkin untuk benda ini, di hospital ini ataupun di klinik ini, harganya cukup berbeza. Mungkin di Kelantan harga lain, di Sarawak harga lain dan di Kuala Lumpur harga lain sedangkan dari segi kualitinya sama. Jadi dalam konteks ini di manakah seksyen yang mengawal selia dari sudut kos yang tinggi bagi memastikan bahawa peranti perubatan yang dibekalkan kepada kita mempunyai standard yang sama dengan kos yang munasabah.

Berkaitan dengan itu juga, saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, berapakah syarikat tempatan yang telah berjaya mengeluarkan peranti perubatan tempatan, yang telah berjaya dipatenkan dan berjaya diekspor ke luar negara. Ini kerana kita lihat dari segi ubat-ubatan mahupun dari segi peranti perubatan, kita percaya terdapat juga syarikat-syarikat tempatan yang telah pun membuat perkara ini ataupun mengeksport perkara ini. Jadi kita hendak tahu dari segi penambahan ataupun pendapatan kepada kerajaan berhubung dengan peranti perubatan kerana kita percaya untuk bahagian MRI ataupun *medical research institute* kita banyak juga penemuan-penemuan baru yang telah pun dibuat dengan memakan kos yang tidak tinggi. Jadi bagaimana kerajaan memberikan galakan kepada pihak pengeluar swasta untuk peranti perubatan ini mengekalkan ataupun menjayakan eksport mereka.

Berkenaan dengan peranti perubatan ini juga, saya lihat di bawah seksyen peranti perubatan itu disebut juga tentang proses fisiologi atau sokongan anatomi. Jadi dalam kes ini saya hendak tanya adakah ini juga melibatkan pendermaan organ. Alat-alat yang digunakan yang melibatkan pendermaan organ dan kalau tidak melibatkan pendermaan organ, di bawah seksyen manakah keselamatan ataupun pemindahan ataupun pendermaan organ ini dimasukkan di bawah Kementerian Kesihatan. Mungkin di bawah akta lain. Saya ingin bertanya yang berkaitan. Begitu juga untuk subsidi. Sekarang ini kalau melibatkan peranti perubatan di hospital swasta, tidak ada masalah tetapi di hospital kerajaan berapa peratuskah subsidi yang telah diberikan oleh kerajaan untuk memberikan peranti perubatan kepada pesakit-pesakit khususnya yang telah di rekomen oleh pihak JKM.

Ini kerana kita lihat hari ini, di kebanyakan hospital, adalah susah untuk orang sakit yang miskin untuk mendapatkan peranti perubatan percuma. Mereka kena bayar. Jadi hendak tahu sekarang berapakah jumlah yang telah disubsidi oleh kerajaan. Adakah subsidi ini wujud ataupun tidak wujud?

Berkenaan dengan opsyen. Kalau ubat, kita boleh opsyen. Kalau untuk peranti perubatan, saya juga pohon agar pihak kementerian boleh menjamin ataupun memastikan di kalangan pihak swasta ataupun pihak kerajaan, kita diberikan opsyen yang setimpal supaya kita boleh membuat keputusan sebelum kita menjalani apa-apa pembedahan. Sekiranya paten itu ataupun peranti perubatan itu telah pun diluluskan oleh pihak kementerian, bagaimanakah bentuk yang akan dijadikan satu pengenalan? Sebagai contohnya kalau untuk barangan elektrik ada SIRIM. Jadi adakah untuk peranti perubatan ini dia akan cop KKM? Jadi apakah selepas daripada ini, yang tidak ada cop KKM itu maknanya tidak sah ataupun tidak lulus kerana kita percaya bahawa walaupun ada permit, walaupun kita sudah beritahu kena minta tetapi bila melibatkan farmasi yang banyak, kedai yang banyak, syarikat yang banyak, kemungkinan perkara ini tidak berlaku ataupun tidak jalan.

■1820

Jadi adakah dia akan cop ataupun bagaimana ia akan jadi satu penanda aras bagi kita mengetahui sama ada peranti ini diluluskan oleh pihak KKM ataupun tidak? Berapakah cukai yang telah dikenakan oleh kerajaan kepada peranti perubatan yang diimport? Untuk perubatan peranti yang diimport, berapakah kos cukai yang dikenakan oleh kerajaan sebagai tambahan kepada kos asal supaya kita tahu bandingan antara peranti perubatan tempatan dengan peranti perubatan yang diimport?

Sekiranya terdapat satu aduan berkenaan dengan penilaian peranti perubatan, kalau di ikut sini saya nampak okeylah dalam RM100,000 ke RM200,000 denda yang dikenakan. Itu daripada sudut jenayah tetapi daripada sudut sivilnya, apakah sivil daripada segi pihak yang teraniaya boleh mengemukakan aduan? Adakah tribunal akan diwujudkan di semua hospital bagi memastikan tidak terdapat kesilapan ataupun penyalahgunaan daripada segi peranti perubatan yang tidak mematuhi standard ataupun yang disebut tadi sebagai substandard?

Daripada segi kawalan kepada kualiti dan kuantiti, apakah badan yang akan menjaga daripada sudut kualiti dan kuantiti peranti perubatan kerana kita lihat bila berlaku kes-kes pembedahan ataupun kes-kes yang melibatkan rawatan, banyak juga terpaksa tangguh pembedahan kerana barang tidak ada, peranti perubatan ini tidak sampai ataupun tiada dalam negara. Jadi kadang-kadang sampai dua minggu, tiga minggu ditangguhkan. Jadi daripada segi jaminan kepada kuantiti dan kualiti supaya tidak berlaku penangguhan kerana ketiadaan barang yang disebut dalam negara dan disebut juga, saya rasa ini juga ada kaitan dengan peranti perubatan yang melibatkan kosmetik. Hari ini banyak kita dengar daripada segi implan, implan-implan yang melibatkan alat-alat ataupun bahan-bahan kosmetik ataupun daripada sudut wajah ataupun bahagian badan wanita yang telah pun di implan. Jadi adakah pihak berkuasa daripada segi Kementerian Kesihatan mempunyai kuasa untuk menggeledah dan menyelidik juga pusat-pusat kosmetik, salon-salon ataupun klinik-klinik kecil ini bagi memastikan bahawa tidak ada pelanggaran kepada implan-implan yang melibatkan benda-benda yang berkaitan dengan kosmetik. Jadi begitu juga saya ingin tanya pihak-pihak kerajaan untuk perkara peranti perubatan ini, ini merupakan benda yang baru.

Jadi apakah teknik ataupun mekanisme yang akan digunakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan pendidikan rakyat supaya boleh memilih peranti perubatan ini sebagaimana mereka pernah pilih barang untuk makan, barang untuk pakai. Jadi barang untuk perubatan mereka perlu ada *option* dan *option* ini harus didedahkan dengan secara meluas dan saya percaya pihak Kementerian Kesihatan perlu membuat satu alternatif ataupun tindakan mendidik bagi memastikan bahawa apa-apa sahaja yang dimasukkan ke dalam badan manusia sebagai untuk rawatan ataupun untuk pembedahan ini dijamin kualiti dan kesahihannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Dato' Zaitun binti Mat.

6.23 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011. Terdahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan rang undang-undang ini bagi mengawal semua peranti perubatan seperti peralatan, perkakas, mesin, alat implan dan sebagainya termasuklah alat bagi pengawalan hamil, pencegahan jangkitan peranti perubatan sebagaimana tafsiran di seksyen 2 berhubung dengan peranti perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 4 berhubung dengan obligasi pembuat yang jelas menyatakan bahawa pembuat hendaklah memastikan sesuatu peranti perubatan memenuhi prinsip-prinsip keselamatan dan prestasi yang perlu ditetapkan. Dalam hubungan ini, saya ingin membangkitkan mengenai rawatan terapi ozon yang telah diperkenalkan di negara ini semenjak sepuluh tahun yang lalu. Rawatan terapi ozon adalah untuk merawat darah supaya sentiasa muda dan sihat. Rawatan ozon bukanlah rawatan pesakit buah pinggang tetapi digunakan sebagai rawatan alternatif bagi pesakit obesiti di British, masalah kulit, imuniti dan sebagainya. Walau bagaimanapun, rawatan ozon ini telah diperkenalkan di Berlin semenjak tahun 1898 tetapi rawatan ini masih mendapat keraguan daripada segi peralatan dan keberkesannya.

Saya difahamkan peralatan bagi rawatan terapi ozon di negara ini telah dicipta oleh seorang doktor tempatan. Saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah keselamatan alat terapi ozon ini dan adakah peralatan terapi ozon ini mendapat pengiktirafan kerajaan atau badan piawai tempatan atau antarabangsa. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berapa banyakkah pusat ozon yang ada di seluruh negara dan bagaimanakah kerajaan memantau terapi ozon ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 10(1) berhubung dengan badan penilaian yang akan dipertanggungjawabkan bagi menjalankan penilaian pematuhan suatu peranti perubatan yang akan didaftarkan di bawah akta ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada kerajaan akan menubuhkan satu badan penyeliaan yang baru atau akan menggunakan badan pengawalan yang sedia ada di bawah Kementerian Kesihatan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin membangkitkan berhubung dengan 42 pusat hemodialisis milik badan bukan kerajaan iaitu NGO dan swasta di seluruh negara yang masih tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan yang sekali gus menyebabkan tahap keselamatan dan kebersihannya tidak dapat dipantau oleh kerajaan. Akibatnya, pesakit buah pinggang yang mendapat rawatan di premis berkenaan mungkin berdepan dengan berbagai risiko komplikasi dan sebagainya. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah tindakan kerajaan terhadap pusat hemodialisis ini dan tindakan yang wajar mengikut Akta Peranti Perubatan 2011 ini. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar.

6.27 ptg.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyedari niat baik kementerian mengadakan Rang Undang-undang Peranti Perubatan ini bertujuan untuk memperkemas peranti perubatan dan untuk memastikan peranti perubatan di pasaran adalah selamat, mempunyai tahap keselamatan tertentu dan berkualiti. Terlebih dahulu saya memang bersetuju bahawa peralatan atau perkakasan perubatan, *medical devices* perlu diperkemas di negara kita dan perlu didaftarkan, dengan izin, *there is a whole lot of botched surgeries that have been done by unqualified persons and lot of cases are pending in courts, resulting in irony of the victims*. Peralatan atau perkakasan perubatan di negara kita tidak perlu didaftar sebelum ini. Jadi saya memang bersetuju adalah sampai masa untuk kita *legalized medical devices* di negara kita. Saya telah baca rang undang-undang ini, saya tidak puas hati di Bahagian IV mengenai penguatkuasaan.

Seksyen 50, ia memberi kuasa yang cukup besar kepada pegawai-pegawai yang akan dilantik oleh menteri. Dalam seksyen 50(2) mengatakan pegawai yang dilantik boleh membuat tangkapan dan kuasa yang diberi adalah tambahan kepada Kanun Tatacara Jenayah yang masih wujud. Ini perlu dikaji semula dan juga di seksyen 51 mengatakan segala siasatan penyitaan perlu memohon waran daripada majistret dan selepas waran diberi, operasi boleh dilakukan pada bila-bila masa, siang atau malam dan juga boleh memasuki premis dengan kekerasan dan ia juga memberi kuasa kepada pegawai untuk memeriksa mana-mana orang

Akan tetapi di seksyen 52 seolah-olahnya mengatakan dengan waran atau tanpa waran adalah sama sahaja sebab di seksyen 52 mengatakan jika seseorang pegawai berpuas hati atas maklumat yang diterima, dia boleh membuat operasi. Ini tanpa waran dan operasi ini adalah seolah-olah sama kuasa yang diberi di bawah seksyen 51 iaitu dengan waran. Maksudnya, sesiapa pegawai di bawah Perbadanan Peranti Perubatan ini boleh melakukan operasi, penyitaan, siasatan, roboh sesuatu premis tanpa waran dan dengan kekerasan hanya dengan satu alasan, dia berpuas hati dengan maklumat yang diterima.

■1830

Apakah mekanisme untuk *check and balance* untuk memastikan tiada penyalahgunaan kuasa oleh pihak yang diberi kuasa oleh Yang Berhormat Menteri untuk menjalankan penguatkuasaan. Saya juga ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri berapa syarikat atau individu yang telah berdaftar sehingga kini. Setelah rang undang-undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan, anggarannya berapakah peranti perubatan yang berada di pasaran ini yang akan didaftarkan. Saya rasa perkara ini sangat signifikan kerana kalau dahulu kita lihat kemahiran ataupun pengetahuan atau *skill* yang ada kepada seorang pengamal perubatan itu menjadi begitu sifatnya dan tunjang pengamal dalam industri perubatan.

Akan tetapi, sekarang peranti itu pula menjadi terlalu komersial maknanya alatan itu juga dilihat tersangat komersial selepas daripada *skill* yang ada pada pengamal perubatan. Jadi ini menjadikan bahawa bidang ataupun skop peranti ini sangat lumayan. Alat peranti bukan sahaja digunakan di hospital-hospital kerajaan atau klinik-klinik swasta, malah makmal-makmal juga menggunakan peranti perubatan. Ini kerana kita mempunyai lebih seribu cawangan makmal di Malaysia. Ini bermakna ia satu industri yang besar. Saya setuju kita mesti ada pengawalan yang ketat dan perlu kita ada undang-undang seumpama ini untuk memastikan semua peranti yang digunakan adalah mematuhi standard-standard dan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Saya berkeyakinan ia menjadi satu bidang yang sangat lumayan. Oleh sebab itu, kita harap penelitian terhadap mendaftar ataupun meletakkan satu undang-undang khusus kepada peranti perubatan adalah wajar dan penguatkuasaan harus diutamakan dalam menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat jelata. Saya yakin selepas ini ada satu lagi rang undang-undang yang berkenaan dengan pihak berkuasa. Ini sudah tentu menggariskan satu hak kepada hanya orang-orang yang tertentu sahaja diberi kelulusan atau diberi kuasa untuk mengendalikan peranti-peranti perubatan yang kita senaraikan kelak. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

6.33 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas memberi saya peluang untuk berbahas di dalam Rang Undang-Undang Peranti Perubatan pada petang ini. Saya hanya ingin menarik perhatian semua iaitu di fasal 31 dan 32 yang mana saya rasa sekiranya Kementerian dapat bertanggungjawab untuk memastikan penilaian keselamatan dan prestasi peranti perubatan berdasarkan standard antarabangsa dan memastikan peranti yang memenuhi syarat sahaja yang dibenarkan di pasaran kita.

Fasal 4 juga adalah penting iaitu obligasi pembuat yang mana pembuat mestilah mematuhi prinsip-prinsip keselamatan dibuat mengikut amalan yang betul, dilabel, dipakejkan dan ditandakan dengan betul. Ini saya ingin tekankan sebab saya rasa setahun yang lalu ada satu kejadian di sebuah klinik kecantikan di Pulau Pinang yang mana mereka mengadakan suntikan, memberi suntikan membuat rawatan bukan botox tetapi vitamin C dan collagen. Seterusnya selepas beroperasi saya rasa lima tahun baru kerajaan dapat mengesan bahawa benda yang disuntikkan itu hanyalah air mineral, air suling. Jadi saya rasa ini amatlah tidak baik dan kita hanya dapat mengesan setelah lima tahun. Jadi saya takut ia mempunyai *side effect* kepada rakyat kita.

Jadi adalah penting sekiranya tanda-tanda ini harus dikenal pasti dengan lebih awal. Tuan Yang di-Pertua, di negara kita juga mempunyai banyak rang undang-undang tetapi ada kalanya penguatkuasaannya adalah sedikit longgar. Iaitu di bawah fasal 9 adalah diharap kementerian perlulah bertegas dalam memastikan keselamatan peranti perubatan yang mempunyai masalah haruslah diambil tindakan dan membatalkan pendaftarannya dengan serta-merta. Jadi saya berharap peranti-peranti yang dibawa masuk oleh pengimport atau syarikat yang menjual peranti perubatan ini perlulah dipastikan berdaftar kerana kita perlu mengambil kira faktor ke atas pesakit-pesakit kita di sini.

Kalau hendak kita ikutkan kita mempunyai banyak jenis peranti dan amalan sekarang sebenarnya apabila sebuah syarikat membawa masuk sesuatu peranti baru mereka akan *test the market* terlebih dahulu. Mereka akan menguji pasaran tentang penerimaan peranti yang baru ini. Jadi kita mengharapkan bahawa sekiranya ada industri peranti ini maka setiap peranti perubatan yang masuk ke dalam negara kita ini akan diperiksa terlebih dahulu dengan piawaian yang lebih tinggi. Jikalau kita lihat di negara-negara maju seperti di Eropah dan juga di Amerika bagi setiap peranti perubatan sekiranya tidak ada tanda piawaian seperti SIRIM sebagai contohnya seperti yang diterima iaitu *European Union* maka peranti perubatan itu tidak boleh dijual langsung di dalam pasaran Eropah.

Begitu juga di Amerika Syarikat, maka ianya tidak dapat dipasarkan sekiranya mereka tidak ada tanda cap keselamatan. Jadi adakah kementerian akan melaksanakan tanda piawaian ini dan apakah piawaian dan *recognition* yang hendak diguna pakai oleh pengguna-pengguna kita, doktor kita dan juga pakar-pakar kita. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya apabila berlakunya – apabila kita meluluskan rang undang-undang ini apa akan berlaku pada peranti-peranti perubatan yang telah lama digunakan ataupun yang sudah lama berada di dalam pasaran. Adakah perlu mereka mendapatkan kelulusan atau mendapat lesen ataupun adakah mereka sudah melepasi jangka waktu itu maka mereka dibenarkan untuk digunakan.

Satu lagi masalah yang dapat kita semua faham bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat banyak peranti-peranti perubatan terutamanya yang diimport dari negara China. Mereka menawarkan kepada industri perubatan kita peranti-peranti yang lebih jauh murah daripada peranti-peranti perubatan yang diimport daripada Amerika ataupun Eropah. Adakah kualiti barangan daripada China setanding atau lebih baik dan boleh diguna pakai di negara kita? Jadi saya amat berharap menerusi fasal 10 iaitu badan penilaian pematuhan dan fasal 11 kehendak bagi pendaftaran badan penilaian pematuhan dapat melihat dengan lebih terperinci, kualiti dan *efficiency* peranti-peranti ini.

Akhir sekali, saya ingin bertanya setakat manakah jangkaan kementerian apabila rang undang-undang ini diluluskan ianya akan dapat menarik lebih banyak lagi pelaburan daripada dalam dan di luar negara. Apakah rang undang-undang ini mampu menyediakan persekitaran yang selamat bagi para pelabur yang berhasrat melabur dalam industri peranti perubatan di negara kita. Setakat manakah ia akan dapat menjana dan meningkatkan ekonomi negara serta memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia selain menyediakan satu prasarana bagi mengawal peranti perubatan dan industri yang berkaitan bagi melindungi kepentingan awam serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

6.38 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya walaupun saya cuma kemukakan nama pada saat-saat akhir. Saya cuma ada satu dua soalan sahaja, pertamanya ialah berkenaan dengan definisi peranti. Saya dapati bahawa sekarang ramai macam *slimming centre, beauty centre* dan sebagainya menggunakan peranti-peranti yang agak canggih. Jadi adakah ini termasuk di dalam definisi peranti perubatan dan adakah itu dikawal? Oleh kerana saya dapati di antara alat-alat itu agak canggih dan mungkin dia perlukan pengetahuan ataupun kelayakan tertentu untuk menggunakannya.

Jadi adakah kita akan tentukan siapakah yang layak menggunakan peranti-peranti tersebut dan kalau tiada oleh kerana saya dapati kebanyakan pelanggan tidak akan tanya sama ada orang yang menggunakan peranti-peranti tersebut layak ataupun tidak? Jikalau sekiranya kita hendak mengawal adakah kita mempunyai orang yang cukup berkelayakan untuk menggunakan peranti-peranti tersebut? Jikalau kita tidak ada kawalan saya takut nanti peranti-peranti itu disalahgunakan dan mendatangkan akibat yang tidak baik kepada orang yang menggunakannya.

■1840

Soalan yang kedua ialah itu satu aduan yang saya selalu dengar daripada pesakit di hospital-hospital swasta. Mereka kata ada sebahagian hospital swasta yang paksa pesakit menggunakan peranti tersebut yang mungkin tidak perlu. Oleh kerana mereka sudah membeli peranti itu, perlu membayar ansuran yang agak mahal, jadi mungkin yang tidak perlu *X-ray* pun disuruh *X-ray* dan sebagainya. Jadi, apakah caranya kita hendak mengawal bahawa ini tidak disalahgunakan? Tidak perlu di *X-ray*, tidak disuruh *X-ray* ataupun tidak perlu menjalankan pembedahan yang tertentu, disuruh menjalankan pembedahan. Apakah tindakan yang boleh kita ambil oleh kerajaan untuk mencegah penyalahgunaan peranti-peranti perubatan tersebut? Oleh kerana saya dapati kita memang perlu ada rang undang-undang yang berkenaan, jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.41 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu yang berkait rapat dengan rang undang-undang ini. Saya mulakan dengan menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi dan juga perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim.

Persoalan bahawa apabila rang undang-undang ini diluluskan, apakah yang akan terjadi kepada peranti-peranti perubatan yang sedia ada di pasaran dan yang sedang di gunakan di *facility-facility* kesihatan kita. Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja rang undang-undang ini diluluskan, kementerian mengambil pendekatan seperti mana yang telah digunakan di negara-negara lain iaitu menggunakan konsep *godfathering*, dengan izin. Konsep *godfathering* ini membenarkan peranti perubatan sedia ada berada di pasaran dan boleh diguna pakai dan pada masa yang sama, pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah-langkah bagi memenuhi keperluan dan juga kehendak yang telah ditetapkan di bawah akta ini.

Tambahan lagi, di dalam akta ini terdapat peruntukan kecualian dan peralihan yang memberi kelonggaran dari segi masa supaya pihak yang bertanggungjawab dapat membuat persediaan untuk memenuhi keperluan dan kehendak yang telah ditetapkan di bawah akta ini.

Merujuk kepada perkara yang sama, saya ingin menjelaskan bahawa seksyen 80(1) ataupun fasal 80(1) rang undang-undang ini telah memperuntukkan mana-mana peranti perubatan yang telah diimport ke negara ini sebelum rang undang-undang ini berkuat kuasa, pengimport itu diberi masa 24 bulan daripada tarikh berkuat kuasanya rang undang-undang ini untuk mendaftarkan peranti perubatan di bawah seksyen 6. Ini untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi.

Merujuk kepada persoalan yang berkait rapat dengan peruntukkan sama ada terdapat peruntukan dalam akta ini yang membendung mengenai perkara di mana pengguna dan orang awam ditipu ataupun *claim false declaration* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Doris Sophia ak Brodi tadi. Untuk menjawab persoalan ini Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini, di dalam akta ini terdapat peruntukan bagi membendung perkara ini seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Doris Sophia ak Brodi tadi iaitu:

- (i) peruntukan 44(1) yang telah menegaskan bahawa tidak dibenarkan mana-mana individu mengiklankan produk peralatan perubatan kecuali setelah didaftarkan dan mematuhi keperluan seperti yang digariskan di bawah akta.
- (ii) peruntukan 44(2) yang menggariskan bahawa mana-mana individu tidak dibenarkan sama sekali membuat tuntutan palsu dan mengelirukan berkenaan produk perubatan mereka di mana-mana iklan sekalipun.

Sekiranya berlaku pelanggaran kepada peruntukkan ini, individu ataupun syarikat tersebut akan disabitkan kesalahan dan dikenakan saman tidak melebihi satunya, RM300,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, seperti yang dinyatakan dalam peruntukan 44(3).

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, saya ingin menyatakan di sini bahawa memang tidak dinafikan kadang-kadang terdapat peranti perubatan yang mempunyai *obsolete technology* di *facilities* kesihatan. Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan *technology assessment* kepada peranti-peranti perubatan kita sebelum melakukan pembelian. Ini adalah bertujuan untuk memastikan peranti perubatan yang berteknologi tinggi dan mempunyai *cost effective value*, dengan izin, sahaja yang akan dibeli dan ditempatkan di hospital dan klinik-klinik kesihatan kerajaan.

Laporan mengenai *technology assessment* ini akan disiarkan di laman web Kementerian Kesihatan. Hospital-hospital serta klinik-klinik swasta bolehlah merujuk kepada laporan ini untuk mendapatkan maklumat mengenai teknologi terkini peranti perubatan. Atas perkara yang sama, Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga telah membangkitkan mengenai peralatan perubatan yang tertinggal dalam badan. Sebenarnya untuk menjawab kepada persoalan ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa laporan perubatan boleh diperolehi secara terus daripada hospital melalui Jabatan Rekod Perubatan dengan bayaran tertentu, atas *fee* tertentu.

Sebenarnya rekod-rekod perubatan pesakit akan disimpan selama tujuh tahun. Pesakit bolehlah memfailkan saman berhubung dengan *medical negligence* dalam tempoh tiga tahun daripada tarikh kejadian. Rekod pesakit hanya boleh diperolehi oleh peguam pesakit atas arahan mahkamah. Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga telah membangkitkan mengenai standard peranti perubatan bagi menentukan peranti perubatan itu selamat. Untuk menjawab persoalan ini saya ingin menyatakan bahawa kriteria bagi menentukan suatu peranti perubatan yang selamat ialah peranti perubatan tersebut menepati prinsip keselamatan dan prestasi yang telah ditetapkan iaitu enam prinsip umum yang merangkumi reka bentuk ataupun *design*, pembuatan, penyimpanan dan pengedaran dan 14 prinsip-prinsip spesifik prestasi dan keselamatan peranti perubatan yang meliputi aspek-aspek seperti *electrical, mechanical, biological*, kimia dan sebagainya.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga telah membangkitkan persoalan sama ada pihak berkuasa akan memantau harga peranti. Pihak berkuasa peralatan perubatan tidak memantau harga peralatan perubatan di Malaysia.

Ini berada di luar bidang kuasa pihak berkuasa ini. Isu harga adalah ditentukan oleh kuasa pasaran terbuka. Pihak berkuasa hanya memantau dari segi keselamatan dan prestasi, *safety and performance*, dengan izin, peranti perubatan.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawī juga telah membangkitkan mengenai jaminan yang tidak akan berlaku peningkatan kepada kos rawatan yang ditanggung oleh rakyat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa tidak dapat dinafikan kos rawatan perubatan akan meningkat dan kos yang akan ditanggung oleh pembuat bagi menjalankan aktiviti penilaian pematuhan ataupun *conformity assessment*, dengan izin, akan diserap dalam harga pasaran peranti perubatan. Ini akan menyebabkan peningkatan kepada harga peranti perubatan, seterusnya akan meningkatkan kos rawatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia akan memastikan peningkatan kos tersebut minimum dan tidak membebankan rakyat. Penilaian ini perlu dilakukan bagi memastikan tiada kompromi bagi perkara yang melibatkan keselamatan sesuatu peranti perubatan. Jika penilaian tidak dibuat disebabkan oleh kebimbangan terhadap peningkatan kos, maka kos yang akan ditanggung oleh rakyat dan kerajaan akan menjadi lebih tinggi. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini akibat penggunaan peranti perubatan yang tidak selamat.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawī juga telah membangkitkan mengenai peranti perubatan yang dibuat di negara ini menjadi setaraf dengan peranti perubatan di luar negara.

■1850

Sebenarnya akta ini dibangunkan berdasarkan pada syor-syor oleh badan antarabangsa seperti WHO dan *Global Harmonization Task Force* (GHTF) dan juga mengguna pakai standard-standard antarabangsa. Akta ini juga akan memastikan kepatuhan terhadap standard-standard antarabangsa pada peringkat awal lagi iaitu daripada segi proses pembuatan peranti perubatan. Pematuhan pada akta ini akan menyebabkan peranti perubatan yang dibuat di negara ini setaraf dengan peranti perubatan di luar negara.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga telah membangkitkan mengenai isu halal dan *labeling* senarai kandungan. Di dalam rang undang-undang ini telah mewajibkan pihak pengilang untuk mematuhi empat obligasi pembuat iaitu yang pertama mematuhi prinsip-prinsip keselamatan dan prestasi yang ditetapkan. Kedua, dibuat mengikut amalan pembuatan yang baik dan apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Ketiga, dilabel, dibungkus dan ditanda mengikut cara yang betul. Dengan itu, pihak pengguna akan dapat mengetahui *key ingredient product* ataupun peranti perubatan tersebut. Berkenaan dengan isu halal, rang undang-undang ini hanya melihat pada keselamatan, prestasi dan efektif peranti perubatan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz menyentuh mengenai organ *transplant*. Rang undang-undang organ *transplant* masih dalam perbincangan di peringkat kementerian dan sedang digubal. Saya harap Yang Berhormat akan bersabar dan sekali gus menjawab ianya tidak tertakluk di bawah rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga telah membangkitkan mengenai peranti perubatan yang juga terdiri daripada alat-alat pembedahan. Berdasarkan pada tafsiran peranti perubatan, alat-alat pembedahan adalah dikategorikan sebagai peranti perubatan.

Kuasa dan peranan berkesan pihak berkuasa peranti perubatan – Untuk pengetahuan Yang Berhormat, fasal 12 memberikan peruntukan kepada pihak berkuasa untuk mempunyai segala kuasa yang perlu ataupun berkaitan atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah akta ini.

Beliau juga telah membangkitkan mengenai fasal 66 iaitu pelantikan juru analisa. Juru analisa ini mestilah berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang yang dikhususkan. Dia juga perlu bertugas di makmal pengakreditasi seperti ISO 17025 dan juga lain-lain.

Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar telah membangkitkan mengenai pendaftaran peranti perubatan pada masa kini dan juga berapakah bilangan. Pada masa ini, sebelum penguatkuasaan rang undang-undang ini tidak terdapat sebarang kawalan terhadap peranti perubatan yang dibuat ataupun dipasarkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, kementerian telah melaksanakan pendaftaran *establishment* peranti perubatan secara *voluntary* ataupun *Medical Devices Voluntary Establishments Registration* atau lebih dikenali sebagai MeDVER. Sehingga kini di dalam *database* MeDVER terdapat sebanyak 1,227 buah syarikat yang telah berdaftar dengan MeDVER dan sebanyak 72,307 peranti perubatan yang telah tersenarai dalam *database* tersebut.

Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam juga telah membangkitkan mengenai isu seksyen 50 iaitu pegawai penyiasat diberi kuasa polis di bawah CPC yang dikatakan terlalu luas. Kuasa penyiasatan di bawah seksyen 50 ialah kuasa penyiasatan *basic* ataupun asas sahaja Yang Berhormat. Bagi membolehkan rang undang-undang ini dikuatkuasakan dengan berkesan, kuasa yang lebih spesifik diberikan dalam seksyen 51 hingga seksyen 66. Semua akta lain juga memberikan kuasa yang sama seperti rang undang-undang ini. Kuasa di bawah Kanun Tatacara Jenayah (CPC) adalah kuasa umum ataupun *general*. Walau bagaimanapun, pegawai penyiasat hendaklah menggunakan kuasa itu apabila ia diperlukan sahaja dan berhubung dengan kes boleh tangkap sahaja.

Merujuk pada perkara yang sama iaitu seksyen 52, seolah-olah sama dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 51 yang mana pegawai diberikan kuasa untuk menjalankan penggeledahan dengan waran. Terdapat perbezaan di antara penguatkuasaan seksyen 51, dan seksyen 52. Seksyen 51 memperuntukkan kuasa kepada pegawai yang diberi kuasa untuk membuat penggeledahan dan penyitaan di mana-mana premis atau pengangkut dengan waran. Seksyen 52 memperuntukkan kuasa kepada pegawai yang diberi kuasa untuk membuat penggeledahan dan penyitaan di mana-mana premis ataupun pengangkut tanpa waran jika pegawai yang diberi kuasa berpuas hati dengan maklumat yang diterima mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan untuk memperoleh waran geledah di bawah seksyen 51 akan menjejaskan penyiasatan atau keterangan akan diganggu, dipindah, dirosakkan atau dimusnahkan. Pegawai yang diberi kuasa hendaklah menggunakan kuasa di bawah seksyen 51 terlebih dahulu. Seksyen 52 hanya boleh diguna pakai dalam dengan izin, *exceptional circumstances* sahaja iaitu dia mempunyai alasan untuk mempercayai sesuatu kesalahan telah dilakukan dan kelengahan memperoleh keterangan akan menjejaskan penyiasatan.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah membangkitkan mengenai isu – Saya sentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz dahulu, mengenai kawalan di peringkat farmasi atau *retailer*. Rang undang-undang akan mengawal peranti perubatan di peringkat pembuat, *local authorize representative* dan pengedar. Pengawasan di peringkat sudah teliti dan memadai sebelum dijual di pasaran. Oleh itu, kawalan di peringkat kedai farmasi atau *retailer* tidak lagi perlu. Cukai terhadap peranti perubatan. Buat masa ini, kerajaan tidak mengenakan cukai ke atas semua *medical product*.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah membangkitkan mengenai hemodialisis. Saya ingin menyatakan di sini bahawa ia dikawal sebagai peranti perubatan terhad yang akan dikawal dengan pendaftaran, permit penyelenggaraan dan akan dipantau daripada segi keselamatan dan keberkesanan peranti perubatan ini, *competency* yang berkait rapat dengan *competency* pengguna. Peranti ini akan dikawal untuk memastikan hanya pengguna yang *competent* untuk menjalankan operasi peranti seperti ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat juga telah membangkitkan mengenai badan penilaian yang dipertanggungjawabkan sama ada yang baru ataupun yang sedia ada. Badan penilaian pematuhan yang akan menilai peranti perubatan perlu berdaftar dengan pihak berkuasa di bawah akta ini. Kriteria-kriteria pematuhan adalah seperti yang dinyatakan di bawah fasal 10, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang telah membangkitkan adakah pengguna peranti akan dikawal.

Peranti perubatan yang canggih akan dikawal sebagai *designated devices* Yang Berhormat termasuklah peranti perubatan yang digunakan di salon. Pengguna peranti perubatan *designated device* ini akan dikawal dengan pengeluaran permit. Pengguna perlu mempunyai *competency* dan *facility* yang mematuhi standard untuk memastikan pengguna atau pesakit akan selamat menggunakan *designated devices* ini, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun juga telah membangkitkan mengenai isu terapi ozon. Baru-baru ini Yang Berhormat, Majlis Perubatan Malaysia telah membincangkan dengan terperinci mengenai isu terapi ozon ini. Berdasarkan pada kajian-kajian terkini dan juga laporan daripada unit *Health Technology* Majlis Perubatan Malaysia, mereka berpendapat bahawa kedua-dua rawatan ini termasuklah rawatan *chelation* tidak boleh diiktiraf ataupun diamalkan untuk rawatan pesakit memandangkan tiada bukti klinikal bahawa rawatan ini boleh membawa manfaat.

■1900

Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang juga telah membangkitkan mengenai definisi peranti sama ada kosmetik sebagai peranti. Yang Berhormat, sebelum sesuatu produk dikelaskan sebagai peranti perubatan ia perlulah mematuhi definisi peranti perubatan, sekiranya kosmetik tersebut memenuhi definisi itu maka ia akan dikelaskan sebagai peranti perubatan.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim telah membangkitkan mengenai adakah akta ini dapat menggalakkan pelaburan peranti perubatan ke negara ini. Saya ingin menyatakan di sini Yang Berhormat bahawa akta ini dirangka berdasarkan kepada syor-syor serta modal peraturan antarabangsa dan ia diubahsuai mengikut keperluan tempatan. Secara amnya ia tidak menyekat sebarang perdagangan malah akan meningkatkan pelaburan kerana ia menyediakan suasana pelaburan yang lebih selamat serta berdaya saing di mana ia dapat melindungi pelabur daripada persaingan dengan peranti perubatan yang sub standard. Akan tetapi apa yang lebih penting Yang Berhormat adalah keselamatan rakyat akan lebih terjamin kerana akta ini akan memastikan hanya peralatan yang memenuhi keperluan keselamatan dan prestasi sahaja yang dibenarkan memasuki pasaran.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah membangkitkan mengenai dengan tindakan kementerian ke atas pusat hemodialisis swasta yang beroperasi tanpa lesen. Yang Berhormat, pendekatan kementerian dalam mengendalikan isu ini adalah dengan terlebih dahulu membantu ataupun fasilitet premis untuk dilesenkan. Selalunya kita tidak akan tutup dalam tindakan yang pertama kerana kita bimbang dengan pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dan selalunya sebelum kita menutup fasilitet ataupun pusat hemodialisis ini kita akan memastikan pesakit-pesakit ini ditempatkan di pusat-pusat yang lain sebelum kita melakukan tindakan drastik seperti menutup.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, sekiranya pusat-pusat ini masih berdegil sebenarnya mereka ini terdedah kepada aktiviti perundangan ataupun penguatkuasaan. Setelah kita memastikan seperti yang saya nyatakan tadi pesakit mendapat tempat lain yang lebih selamat bagi meneruskan rawatan hemodialisis kerana kementerian amat menitikberatkan *patient safety and quality of care patient* ataupun pesakit kita.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim juga telah membangkitkan mengenai isu peranti yang sedia ada, adakah akan dikeluarkan selepas *life span*. Ya, peranti yang sedia ada akan diambil pendekatan *godfathering* seperti yang saya jawab terlebih awal, peranti yang tidak selamat dan tidak berkesan akan dikeluarkan daripada operasi ataupun penggunaan dan akan dilupuskan. Mengenai kualiti peranti perubatan yang dikilangkan oleh syarikat perubatan tempatan ia dipantau mengikut standard antarabangsa daripada peringkat awal sehinggalah proses pembuatan peranti perubatan itu dan kawalan bagi peranti perubatan sebenarnya adalah berdasarkan kepada kuantiti dan permintaan pasaran dari segi harga permintaan pasaran tidak dikawal oleh rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya sebutkan tadi merupakan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil peluang untuk membahaskan mengenai rang undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 80 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.06 m/m.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu “bahawa rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan pihak berkuasa peranti perubatan untuk mengawal dan mengawal selia peranti perubatan industri peranti perubatan dan aktiviti dan menguatkuasakan undang-undang peranti perubatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.”

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu agensi diwujudkan bagi melaksanakan dan menguatkuasakan Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011. Sehubungan dengan itu satu Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 telah digubal bagi memberikan peruntukan berkaitan dengan penubuhan agensi tersebut. Oleh sebab Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 tidak memberikan peruntukan berkaitan dengan agensi pelaksana maka Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 perlu diwujudkan dan dibaca bersama Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011. Sehubungan dengan itu kedua-dua rang undang-undang tersebut perlu diluluskan serentak.

Tuan Yang di-Pertua, agensi yang ditubuhkan ini akan berperanan sebagai badan kawal selia yang melaksana dan menguatkuasakan Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011, ia akan berfungsi sebagai sebuah badan yang bebas bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan berkesan. Agensi ini juga perlu lebih proaktif dan bertindak dengan mengambil kira daya saing cabaran global serta perubahan teknologi peranti perubatan yang begitu pesat.

Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 merangkumi organisasi dan fungsi pihak berkuasa peranti perubatan, pelantikan pegawai kewangan dan peruntukan-peruntukan lain berkaitan operasi pihak berkuasa peranti perubatan sebagai sebuah badan berkanun.

■1910

Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 dibahagikan kepada enam bahagian yang mengandungi 41 fasal yang menyentuh mengenai aspek-aspek penubuhan pihak berkuasa peranti perubatan.

Bahagian I merupakan permulaan rang undang-undang yang merangkumi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa serta taksiran.

Bahagian II pula bermula daripada fasal 3 hingga fasal 11 yang menggariskan perkara-perkara mengenai pihak berkuasa peranti perubatan.

Manakala Bahagian III pula memberi peruntukan mengenai kuasa dan fungsi pihak berkuasa bermula daripada fasal 12 hingga fasal 15.

Seterusnya Bahagian IV yang bermula daripada fasal 16 hingga fasal 22, memberi peruntukan mengenai pegawai dan pembedaan pihak berkuasa.

Bahagian V pula memberi peruntukan mengenai kewangan bermula daripada peruntukan 23 hingga 33.

Akhir sekali Bahagian VI yang menggariskan perkara-perkara am yang bermula daripada fasal 34 hingga fasal 41.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Wah, serentak ya dua... *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan pihak berkuasa peranti perubatan untuk mengawal selia peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktiviti dan menguatkuasakan undang-undang peranti perubatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada yang hendak bahas? Silakan Yang Berhormat.

7.13 mlm.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kerana terlalu petang sangat, tidak ramai yang bangun hendak memberi pandangan atau membincangkan atau membahaskan. Pertama sekali saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya dan kepada Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011. Tadi kita telah meluluskan satu undang-undang peranti yang mana ini adalah kembarnya di mana undang-undang yang pertama tadi tidak dapat berjalan dengan baik tanpa penguatkuasaan yang telah diberikan dalam peruntukan pihak berkuasa peranti perubatan. Bagi saya, saya melihat pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang ini perlu diberi perhatian yang serius kepada mana-mana peruntukan yang telah diluluskan sebelum ini kerana apabila tidak ada peruntukan dan penguatkuasaan yang betul-betul maka tidak ada apa-apa gunanya undang-undang diluluskan. Dengan adanya peruntukan ini maka kita melihat mekanisme untuk mengukuhkan lagi undang-undang yang diluluskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setiap penyakit ada ubat kecuali penyakit tua dan penyakit mati. Begitulah juga apa-apa masalah boleh diatasi kalau sekiranya semua pihak berganding bahu untuk melaksanakan dan merealisasikannya.

Di dalam undang-undang ini apa yang perlu ditekankan ialah pihak yang diberi tanggungjawab sebagai penguat kuasa perlulah memberi perhatian yang serius supaya undang-undang yang diluluskan ini memberi kesan yang baik. Kepada pihak yang berkuasa yang diberikan dalam peruntukan undang-undang ini, mereka merupakan orang yang dipertanggungjawabkan kepada masyarakat untuk menjaga kepentingan awam dan bukan kepada masyarakat sahaja, lebih daripada itu mereka bertanggungjawab di hadapan Allah nanti.

Oleh kerana itu, setiap jawatan yang telah diberikan nanti, ia merupakan amanah sebagaimana juga kita yang berada di Dewan ini merupakan tanggungjawab untuk melaksanakan amanah yang telah diberikan. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berhubung dengan keanggotaan pihak berkuasa. Saya melihat di sini ada (a), (b), (c), (d) dan (e). Saya boleh faham Ketua Pengarah Kesihatan itu adalah penjawat awam, seorang wakil Kementerian Kewangan juga penjawat awam. Seorang wakil Kementerian Kesihatan juga penjawat awam. Saya cuma hendak tahu Ketua Eksekutif. Ketua Eksekutif yang dicatat di sini adalah dia merupakan penjawat awam atau memang dilantik oleh Menteri, yang dipilih daripada mana-mana orang yang difikirkan layak dan kalau begitu bermakna, kalau sekiranya dia penjawat awam maka kita ingin dapat maklumat dan penjelasan seterusnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.16 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan terutama sekali saya juga mengucapkan terima kasih di atas harapan Yang Berhormat letakkan kepada kedua-dua rang undang-undang ini. *Insyaa-Allah* Yang Berhormat dengan adanya rang undang-undang ini, saya percaya kita akan dapat memastikan bahawa bukan sahaja peranti perubatan kita adalah terdiri daripada peranti perubatan yang berkualiti untuk kita persembahkan kepada rakyat tetapi yang paling penting adalah amanah yang diberikan kepada pegawai-pegawai, kepada badan berkuasa dan sebagainya akan dapat dilaksanakan dengan cara yang terbaik.

Yang Berhormat tadi menyentuh mengenai satu isu iaitu Ketua Eksekutif. Di bawah fasal 16(1) Yang Berhormat, telah menjelaskan Menteri boleh melantik seorang yang mempunyai kelayakan saintifik, pengetahuan teknikal serta berpengalaman dalam bidang peranti perubatan atau perkara yang berhubung dengan peranti perubatan untuk menjadi Ketua Eksekutif ini. Yang Berhormat ya, bagi menjalankan fungsi pihak berkuasa atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan wajar.

Di bawah peruntukan yang sama Yang Berhormat, pihak berkuasa juga, peruntukkan fasal 16(3), pihak berkuasa hendaklah meletakkan haknya kepada Ketua Eksekutif apa-apa fungsi pihak berkuasa di bawah akta ini. Ini jelas Yang Berhormat dari apa yang telah saya nyatakan tadi seorang Ketua Eksekutif perlu mempunyai kriteria-kriteria seperti yang sebutkan tadi yang pertamanya adalah mempunyai kelayakan saintifik iaitu orang yang betul-betul terlibat dalam industri ini. Pengetahuan teknikal serta Ketua Eksekutif ini adalah seorang yang berpengalaman dalam bidang peranti perubatan seperti yang dinyatakan dengan jelas di bawah fasal 16(1). Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

■ **1920**

Fasal-fasal 1 hingga 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEDIAMAN TERHAD (PEMANSUHAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.22 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1993 dibatalkan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menyampaikan perutusan khas sempena Hari Malaysia Keempat Puluh Lapan pada 15 September 2011 baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan permulaan program transformasi politik negara sebagai pelengkap kepada Program Transformasi Kerajaan (GDP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang sedang berlangsung. Ketiga-tiga perkasa ini bersama-sama model baru ekonomi bermatlamat untuk memastikan wawasan kebangsaan ke arah sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai. Sesungguhnya teras utama program transformasi politik mengambil kira aspirasi nasional ke arah sebuah Malaysia moden, demokratik, progresif lagi maju dan memiliki demokrasi yang berfungsi.

Semua ini tidak lain tidak bukan adalah untuk menimbangkan keperluan keselamatan kebangsaan dan kebebasan individu dengan mengambil kira kemajmukan negara yang kompleks sifatnya dan ancaman keganasan global pasca tragedi 11 September 2011. Seperkara amat jelas perjalanan yang kita mulakan ini bukanlah disebabkan tekanan mana-mana pihak sama ada dari dalam mahupun dari luar. Bukan pula ia berlaku sebarang kekhawatiran apatah lagi kebimbangan. Sebaliknya langkah-langkah penting sebegini diatur drafnya.

Justeru kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan yang merasai denyut nadi rakyat. Mendengar keluh kesah, masa dan juga memahami aspirasi ramai semenjak daripada dahulu. Kalau hendak disimpulkan segala-galanya adalah hasil kumulatif pembangunan dan juga kemajuan negara dipelopori tentunya oleh kerajaan yang sama semenjak kita merdeka. Sebenarnya adalah puncak sejak kita bapa-bapa pengasas pertiwi yang mewariskan kepada kita prinsip-prinsip kenegaraan seperti ketinggian Perlembagaan, kedaulatan undang-undang, pemisahan kuasa, kebebasan kehakiman, demokrasi berparlimen dan sistem rakyat berperlembagaan. Pada akhirnya ia adalah satu tindakan yang menunjang di atas keputusan yang betul, benar dan telah di bawa dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan sempena *Hari Malaysia* tersebut juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa proses transformasi ini buat permulaannya akan membabitkan pemansuhan tiga proklamasi darurat sedang berjalan. Ini termasuk darurat tahun 1969 yang melibatkan seluruh negara.

Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yakni ISA, Akta Buang Negeri 1959 dan kajian semula yang membabitkan Akta Kediaman Terhad 1933, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan seksyen 27, Akta Polis 1967.

Hakikatnya amat jarang di dunia bagi sebuah kerajaan yang sedang berkuasa untuk secara sukarela memudaratkan kuasa yang dimiliki. Namun begitu kerajaan ini insaf bahawa amanah untuk mengurus tadbir negara tercinta perlu diasaskan kepada kerelaan serta kepercayaan rakyat terbanyak dan bukannya di atas dasar kuasa yang mampu menggusarkan. Malah harus diketahui lagi bahawa kerajaan tidak mengimpikan pada suatu kuasa yang mutlak atau sekalipun dapat mutlak kerana ia bertentang dengan fitrah hidup demokratik yang kita semua gambarkan.

Sesungguhnya kuasa adalah suatu amanah bukannya satu keistimewaan. Kita mengambil keputusan ini dengan penuh kesedaran bahawa matlamat tertinggi sebuah kerajaan dari rakyat untuk rakyat adalah kebajikan dan kesejahteraan warganegaranya. Kita berusaha dan juga berikhtiar demi negara dan anak-anak cucu yang mempunyai hak terhadap hari muka yang lebih baik sara dengan harapan. Sekonyong-konyong terdapat pula polan-polan yang mula berkokok bahawa kerajaan kononnya sedang mengambil satu ataupun meniru cadangan daripada sesetengah pihak. Walhal tiada sesiapa pun yang mempengaruhi kita. Tiada sesiapa pun yang mendesak kita.

Kerajaan ini membuat keputusan atas kehendak dan juga fitrah sendiri dengan memulakan proses islah dan juga penambahbaikan. Hujahnya sama ada kita mengotakan janji atau tidak. Pihak lain boleh sahaja tanpa segan silu ataupun semberono mengaku bahawa ini adalah idea ataupun pandangan mereka sedangkan mereka bukanlah kerajaan yang diberi mandat oleh majoriti rakyat untuk menunaikan apa yang dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil keputusan untuk memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933 kerana undang-undang tersebut sudah lapuk di telan zaman dan tidak lagi relevan dengan keadaan masa berlandaskan dua faktor utama. Pertamanya, prinsip demokrasi dan keadilan. Malaysia negara yang kita cintai merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi semenjak mencapai kemerdekaan. Keluhuran Perlembagaan dan juga Kedaulatan Undang-undang adalah dua daripada lima prinsip rukun negara yang menjadi ideologi kebangsaan.

Sejajar dengan kemajuan dan juga pembangunan sosial ekonomi yang telah berlaku. Hasil daripada perancangan rapi serta pelaksanaan berkesan kerajaan semenjak lebih lima dekad lalu maka sudah tiba masanya untuk kita akur dengan landskap sosial politik dan juga sosial ekonomi yang telah berubah. Pendirian ini menuntut kita untuk mengkaji semula undang-undang serta amalan yang tidak selaras dengan prinsip asas demokrasi dan juga keadilan.

■1930

Sehubungan dengan itu sebagai asasnya, tindakan terhadap orang yang melakukan kesalahan jenayah hendaklah diambil di bawah undang-undang sedia ada dengan mematuhi prinsip bahawa sebarang hukuman hendaklah berdasarkan sabitan oleh mahkamah selepas mengambil kira segala bukti sesuai dengan prinsip universal. Di samping itu, ia juga adalah seiring dengan semangat *maqasid* syariah dan juga prinsip usul fiqah bahawa perkara yang yakin itu tidak akan diselindung yang syak. Di sudut lain, *maxim common law* menyebut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*It is better that ten guilty men go free than that one innocent man to be convicted.*"

Lantaran itu, kerajaan percaya bahawa pihak Polis Diraja Malaysia kini amat berkebolehan untuk mengumpul bukti secara saintifik dan sistematik dengan adanya peningkatan kemahiran dan juga kelengkapan teknologi moden bagi membolehkan pendakwa dilakukan. Serentak itu, kerajaan komited terhadap penambahbaikan profesionalisme pihak Polis Diraja Malaysia dalam usaha memerangi jenayah secara berkesan. Kerajaan juga berpegang kuat bahawa ia dilakukan dalam batas-batas keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan juga pemeliharaan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, faktor kedua ialah faktor kemajuan ICT dan juga *urbanization*. Dewasa ini menyaksikan kemajuan teknologi komunikasi dan juga maklumat telah mengurangkan keberkesanan sempadan fizikal.

Perancangan dan juga pelaksanaan satu jenayah hari ini tidak memerlukan kehadiran fizikal. Ia boleh dilakukan beribu kilometer dari lokasi sebenar. Sebagai contoh, jika dahulu individu menjalani perintah kediaman terhad diasingkan dan dipindahkan ke kawasan terpencil, hari ini dengan kemajuan prasarana fizikal, sistem pengangkutan dan proses urbanisasi, hampir dua pertiga Malaysia sudah menjadi kawasan bandar. Sebahagian besar ceruk dan juga pelosok negara sudah boleh dihubungi. Tambahan lagi dalam era jalur lebar mudah alih, telefon pintar, email, *Skype*, texts dan WiFi terbukti pengasingan fizikal melalui pemakaian perintah kediaman terhad tidak lagi berkesan, malah perhubungan secara maya atau *virtual* menjadi jalan alternatif kepada individu-individu yang disekat untuk berhubung secara fizikal. Berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan tadi, Akta Kediaman Terhad 1933 sudah terang tidak diperlukan lagi. Pada hemah kerajaan, pemansuhan akta ini merupakan satu keputusan yang amat wajar.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 5 Oktober lalu, Yang Berhormat Menteri Dalam negeri telah membebaskan kesemua 125 individu yang ditahan di bawah Perintah Kediaman Terhad dengan serta-merta. Serentak dengan itu juga, Kementerian Dalam Negeri telah membatalkan lebih 200 waran yang belum disampaikan. Pucuk pangkalnya kerajaan tidak akan sekali-kali berganjak dari meneruskan perjalanan dan lebih komited untuk membuat yang terbaik demi keharmonian negara. Sesungguhnya, ini hanya satu permulaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011 yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bertujuan untuk memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933 yang sudah lapuk dan sudah tidak berguna lagi pada masa ini. Rang undang-undang ini memperuntukkan seperti yang berikut:

- (i) fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan;
- (ii) fasal 2 bertujuan untuk memansuhkan Akta 377 dan mengadakan peruntukan kecualian yang menyatakan bahawa pemansuhan Akta 377 tidak akan menjejaskan apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat atau tindakan atau prosiding yang diambil di bawah akta yang dimansuhkan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta pemansuhan ini; dan
- (iii) fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai peluputan perintah yang masih berkuat kuasa dan penghentian tindakan dan prosiding yang belum selesai di bawah akta yang dimansuhkan apabila akta pemansuhan ini mula berkuat kuasa.

Dengan kata lain, pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933 tidak menjejaskan apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat atau tindakan atau prosiding yang diambil sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini. Pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933 ini juga tidak akan melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933 adalah berasaskan kepada keperluan dan juga kehendak semasa. Ia dilihat akan dapat membantu mencapai matlamat untuk pelaksanaan dan juga pentadbiran sistem perundangan yang lebih adil di samping memelihara kebebasan asasi individu sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Silakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

7.37 mlm.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya rakamkan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri yang mengemukakan untuk dimansuhkan sahaja Akta Kediaman Terhad 1933. Sebenarnya akta ini sudah lapuk, sudah 68 tahun. Saya ingat sebelum Jepun datang, sebelum merdeka, jadi lapuk selapuk-lapuknya. Jadi, apa pun kita tidak ketinggalan.

Sebagai permulaan, saya mengatakan bahawa keselamatan itu amat penting, bukan sahaja Malaysia, tetapi semua negara dalam dunia ini. Keselamatan itu menjadi perkara yang dominan, yang utama bagi semua negara. Hari ini kita lihat banyak negara ubahsuai undang-undang keselamatan untuk mengikuti edaran zaman. Sebagai contohnya, India, Eropah, Australia, Amerika dan juga negara-negara yang lain telah mengadakan undang-undang berkaitan keselamatan sesuai dengan isu keganasan terancang sebagai contoh. Akan tetapi, keselamatan itu perlu tinjau daripada dua faktor yang utama. Pertama ialah Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi dan menjalankan prinsip keadilan.

■1940

Jadi, hendaklah memberi jaminan bahawa tidak ada seorang pun dinafikan haknya untuk melakukan sesuatu atau diletakkan di bawah *double jeopardy* akan tetapi walaupun bebas, mereka kena terikat dengan persoalan menjaga keharmonian orang lain atau warganegara lain. Jadi, kita tengok di Malaysia sekarang sebagai kata Yang Berhormat Menteri tadi, kita menjalankan prinsip demokrasi dan keadilan berdasarkan prinsip maqasid syariah dan prinsip usul fiqah. Iaitu bahawa perkara yang yakin itu tidak akan diselindungi oleh yang syak. Jadi, sesuatu yang kita syak sahaja tidak boleh ditahan di rumah, di kediaman terhad. Itu hujah saya yang pertama kenapa dan mengapa ianya perlu dimansuhkan.

Kedua, saya lihat sekarang negara maju semua, bukan sahaja Malaysia tetapi pendek kata maju belaka, berasaskan kepada penggunaan ICT dan urbanisasi. Jadi, kalau kita penjarakan seseorang, tahan seseorang, fizikal ya, tubuh badan ya, kena tahan. Dalam rumah, dalam tempat-tempat yang terhad tetapi mustahil bagi kita memenjarakan mindanya, fikirannya, tambah-tambah lagi dalam era ICT dan urbanisasi. Mereka boleh berkomunikasi oleh internet, boleh berhubung di antara satu sama lain. Jadi, prinsip kedua ini ialah untuk menyokong hujah saya bahawa kalau tahan di kediaman terhad tidak lagi sesuai.

Akta ini saya hendak jadikan satu hujah yang sekarang kita buat macam-macam transformasi ekonomilah, pelajaranlah. Jadi, transformasi politik juga kena berlaku. Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menjalankan banyak perkara-perkara yang baru termasuk transformasi. Jadi, sesuai dengan hasrat dan cita-cita, saya sokong penuh akta yang lama ini, yang lapuk ini ditukarkan dengan yang baru. Dengan syarat keselamatan tetap diutamakan. Hujah saya yang keempat. Apabila kita baca tentang keselamatan, banyak sekali akta-akta yang kita lihat, yang kita ada. Contohnya, kita ada Akta Perhimpunan Aman 2011 yang akan dibentangkan nanti. Kedua, Kanun Keseksaan. Ketiga, akta penempatan penjenayah dan orang yang tidak diingini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup ya. Kalau masih panjang lagi, boleh sambung esok.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Boleh sambunglah. *Thank you.* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Pandai cakap hindustan ya? '*Nahe*', '*nahe*' tadi. Kalau *thank you* apa? Terima kasih apa?... Tidak tahu?... [*Ketawa*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 8 Disember 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.46 malam.